

BIL 216

Wadah Terkini Tentera Darat

PERCUMA

# PERCUMA CBTDM

BERITA TENTERA DARAT MALAYSIA



LATIHAN DAN PENJAJARAN  
KEKALKAN KREDIBILITI TD

66

ZB 9423



MUKA SURATINI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

# PENA KETUA PENGARANG

BERITA TENTERA DARAT MALAYSIA

EDISI 216

"Latihan dan Penjajaran amat diperlukan dalam membentuk sebuah angkatan yang kredibel dan mantap, di mana setiap anggotanya profesional, mahir dan terlatih untuk menghadapi apa juga situasi peperangan masa kini."

Mej Jen Dato' Rezil Shahidin  
Ketua Pengarang



## TAHUN LATIHAN DAN PENJAJARAN

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

M erafak kesyukuran kepada Yang Maha Esa, di atas keizinanNya kita masih diberi kesempatan dan limpahan rezeki kesihatan yang baik untuk terus menggalas tanggungjawab sebagai teras pertahanan negara. Alhamdulillah, menjunjung sujud kehadrat Illahi, dengan rahmatNya jua kita telah melaksanakan sambutan Hari Tentera Darat Ke - 86 dengan jayanya di Sungai Siput, Perak. Kehadiran masyarakat setempat yang berbilang kaum tidak putus selama tiga hari itu untuk menyaksikan perbarisan tempur juga pameran serta aktiviti-aktiviti yang disediakan, menyerlahkan sokongan padu kepada Tentera Darat (TD). Malah, kejayaan ini tidak terhenti setakat itu. Bahkan ia terus membawa kebanggaan dan keunggulan tertinggi apabila Eksesais Satria Perkasa yang dilancarkan pada 1 Mac 19 dengan mengatur gerak ketumbukan bersaiz briged, terlaksana mencapai objektifnya. Syabas diucapkan kepada yang terlibat, baik daripada kumpulan perancang, pelaksana dan wasit di atas iltizam, minat juga keikhlasan dalam mendukung hasrat pucuk kepimpinan tertinggi TD menjadikan Tahun 2019 sebagai tahun "Latihan dan Penjajaran". Oleh hal yang sedemikian, peluang ini harus dititikberatkan setiap Kor/Rej di dalam TD untuk mengekalkan tahap kesiapsiagaan dan keupayaan tertinggi serta mengalas peranan masing-masing untuk menghadapi cabaran mendatang.

Sidang pembaca sekalian, suka untuk saya ingatkan bahawa pada tempoh ini bukan semata-mata digunakan untuk berlatih memperkasakan doktrin dan prosedur dalam berhadapan dengan situasi sebenar, sebaliknya penjajaran juga akan dilakukan bagi memastikan setiap intipati organisasi ini mempunyai objektif dan hala tuju yang sama. Tambahan daripada itu, apa yang lebih penting adalah penjajaran sikap serta *mindset* perlu diselaraskan

khususnya dalam melaksanakan penugasan selaku warga organisasi yang berkredibel. Selain dari itu juga, saya percaya dengan penjajaran yang dilakukan ini akan merubah tingkahlaku (*attitude*), kemahiran (*skills*) serta pengetahuan (*knowledge*) ke tahap yang diperlukan. *Realignment* ini amat diperlukan bagi mengurangkan *capability gap* agar prestasi warganya memenuhi kehendak organisasi. Dalam pada itu juga, Panglima Tentera Darat sentiasa menerusi dan mengingatkan kita semua menerusi nukilan Dari Meja Panglima Tentera Darat menyentuh betapa pentingnya latihan sama ada yang formal maupun tidak. Oleh itu, marilah kita sebulat hati menyahut hasrat murni ini demi mempertingkatkan kredibiliti serta keupayaan organisasi kebanggaan kita semua agar kepercayaan rakyat umum terhadap perisai mereka ini tidak dikompromi. Sayugia diingat, melalui latihan dan penjajaran yang sewajarnya, TD akan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan mengenal pasti keperluan dan penyediaan latihan yang diperlukan berdasarkan *core-competencies* setiap cabang perkhidmatan TD

Selain dari membangunkan *human capital* yang sedia ada, TD juga dilengkapi dengan persenjataan yang moden dan canggih agar mampu mempertahankan kedaulatan negara baik darat, laut maupun udara. Penyerapan dan kesinambungan teknologi tinggi merupakan nadi penggerak di dalam usaha TD untuk muncul sebagai ketumbukan yang kredibel, berdaya saing dan mampu memberi kelebihan kapadanya di dalam mana-mana situasi peperangan.

Marilah kita sama-sama merealisasikan amanah dan tanggungjawab kita kepada rakyat, dan sentiasa bersedia sebagai sebuah angkatan yang efisien dan efektif, mempertahankan kedaulatan negara dan bangsa tercinta, selaras dengan ikrar yang sentiasa kita laungkan.

# Isi Kandungan

www.btdmonline.net

Jan-Feb-Mac 2019



COVER STORY

4

Sungai Siput, Perak menyaksikan buat julung kali Sambutan Hari Tentera Darat dipersembahkan dengan pelbagai aktiviti menarik, antaranya pameran aset-aset ketenteraan yang mana ianya belum pernah dipamerkan kepada umum sebelumnya

PAPARAN  
MENARIK

**B'TDM**  
www.btdmonline.net | 216



## 18| Eks SATRIA PERKASA Mantapkan Kesiagaan TD

Hari TD pada tahun ini dilaksanakan eks bagi menguji kesiagaan TD sentiasa pada tahap yang tertinggi.

## 32| Tingkatkan Kecekapan Risikan-Tun M

Ingatan PM semasa lawatan kerjanya ke MINDEF agar ketumbukan ATM dapat menghindu sebarang anasir-anasir yang mengugat ancaman melalui risikan yang terbaik.

## 34| 2019 Tahun Ketumbukan Bersama

Panglima ATM berkehendakkan agar satu ketumbukan ATM dapat direalisasikan dalam mengharungi tahun-tahun yang mencabar.

## 40| Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan TD

PTD mahukan para pegawai meningkatkan tahap bekerja selaras dengan kenaikan pangkat.

## 48| PTD Lawat Kem Syed Sirajuddin

Membuat lawatan ulung seterusnya meninjau aset-aset terkini di Kem ini.

52



LIMA 19 Gegarkan Langkawi

58



RAJD Distruktur Semula

# Sidang Redaksi

## PENAUNG

Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohamad Nawawi

## KETUA PENGARANG

Mej Jen Dato' Rezil Shahidin

## EDITOR

Kol Zulkifli Hj Tahir

## PENOLONG EDITOR

Kapt Aminin Hafizhin Minhad

## WARTAWAN/JURUGAMBAR

SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan, Sjn Saiful Fazley Rusli, Sjn Nurulhaswani Ruzaini dan Kpl Ainur Aisyah Yahaya.

## SUSUN ATUR DAN GRAFIK

SSjn Nor Rizam Hamad dan Saifun Hakimi Zainon

## KORESPONDEN

### TRUP TD

Kapt Fathi Kamil Khazali, Lt Muhamad Zainal Arifin, Mohamad Zainal Abidin, Lt Mohd Noradri Mat Rashid, Lt Mohd Akmal Che Isa, SSjn Ahmad Norizam Jaafar, SSjn Md Noor Sabar, LKpl Muhammad Razif Anzeli

### MEDAN BARAT

Kpl Azlina Abd Azmi, Kpl Mohd Fikry Nordin dan LKpl Norirawati Abdul Wahab

### 1 DIVISYEN

Kapt Siti Rabia Aldawia, Kapt Syaiful Shahidan, Kapt Muhammad Afandi Jefri, Lt Muhammad Khawarizmi Abdul Shukor, Lt Muhammad Furqan Firdaus Rusli, Lt Ammar Abdullah, Lt Azlan Azmi, Sjn Donny Mike Andy, Sjn Juanis Tingging, Pbt Iskandar Abdullah, Pbt Muhammad Aizat Fitri Ariffin, Pbt Muhammad Aiman Solihin Hasmady, Pbt Muhammad Nawawi, Pbt Muhammad Khairulasyraf Mohd Kahar

### 2 DIVISYEN

Mej Mohd Said Adam Mohamed Said, Lt Muhammad Firdaus Mohd Zamri, Lt Amirul Ashraf Johari Tuan, Lt Ataillah Afham Kamarol Zaman, Lt Iqbal Aqil Mohd Fadzludin, SSjn Nurhayati Zakaria, Sjn Mohd Rashidi Ab Ghani, Kpl Md Shukor Md Soleh, LKpl Azmi Jainuddin, Pbt Nor Azam Mohd Noh, Pbt Mohd Nor Izham Salahudin, Pbt Mohammad Zulkhairi Mohamad Don, Pbt Aliff Nashuddin

### 3 DIVISYEN

Mej Mohamed Fahmi Ishak, Lt Khairul Adha Roslam, SSjn Muhammad Haffizz Hamid, SSjn Azwan Pairus, Sjn Gunatharan Baskaran, Sjn Muhamad Suhamy Jimmy, Kpl Mohd Firdaus Alias, Kpl Mohd Hafiz Hamzah, Pbt Noor Atirah Abu Seman

### 4 DIVISYEN

Mej Aisyah Ismail, Mej Suria Sulaiman, Mej Wan Ismail Wan Abdullah, Kapt Mohd Yusof Mohd Noh, SSjn Syed Saifullah Syed Kamarulzaman, Sjn Che Azham Che Raman, Kpl Azlina Abd Azmi, Kpl Mohd Sadiq Zakaria, Kpl Siti Zubaidah Ramli, Kpl Mohd Nazrul Adnan, LKpl Khatijah Sahbudin,

## MARKAS PEMERINTAHAN LATIHAN DAN DOKTRI

Mej Syed Kamalluddin bin Syed Mokhtarruddin



60



## Sudut Inspirasi

Daripada tidak dikenali, sekarang boleh berbangga hasil keringatnya sehingga penduduk luar pun mengetahui perniagaan yang diusahaannya

64



## Sudut Pengorbanan

Takkan aku biarkan musuh terlepas, walau nyawa aku jadi taruhan' nekad Kpl Thamil Selvan

## 72 | Jauhi Sebarang Gejala Negatif - PTD

Perajurit Muda harus mempamerkan lagak seorang anggota TD yang tampil garang dan gagah berkat dari kegigihan dan disiplin dalam latihan.

## 106 | " Ia Amat Istimewa"

**Mej Jen Dato' Ahmad Haiatullah Maknum Hj Ridzuan**

Perbarisan ini merupakan simbolik bagi menghargai jasa, khidmat dan bakti yang telah dicurahkan selama 40 tahun di dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) amnya dan Tentera Darat (TD) khasnya.

**BTDM mengalu-alukan artikel, idea dan kritikan anda agar dapat dikongsi bersama. Setiap surat atau artikel perlu ada nama penuh dan di tandatangani. Segala sumbangan artikel boleh disalurkan terus kepada:**

**Pengarang BTDM, Tingkat 8-11,  
Markas Tentera Darat,**

**Wisma Pertahanan, Jalan Padang Tembak,  
50634 KUALA LUMPUR**

**atau**

**e-mail: btdmonline@gmail.com Faks: 03-26985536/03-26923195  
Tel: 03-20716290**



## **BERI KOMITMEN PENUH LAKSANAKAN TUGAS TENTERA - PTD**

Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli

Gambar: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan  
dan Saifun Hakimi Zainon

**PERAK:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi mengingatkan anggota tentera supaya memberi sepenuh tumpuan, komitmen dan tidak berlakon dalam melaksanakan tugas dan amanah yang diberi.


Beliau turut menegaskan bahawa semua anggota tentera bekerja 24 jam, maka utamakanlah tugas dan kerjaya tentera. Tentera bukan tempat untuk mencari kekayaan atau mengejar kemewahan.

"Ingin saya tekankan disini, jangan sekali-kali mendekati gejala negatif seperti salah guna najis dadah, terlibat



# PERBARISAN HARI TENTERA

Ke - 86



dengan fahaman ekstremis berkenaan agama dan politik yang mana saya tidak akan berkompromi dengan isu-isu disiplin dan integriti," kata PTD dalam perutusannya sempena Perbarisan Sambutan Hari Tentera Darat Ke-86 bertempat di Padang Bola Ladang Kamuning Sime Darby, Sg Siput pada 1 Mac 2019.

Pemilihan Sg Siput sebagai sambutan Hari TD Ke-86 kerana ia merupakan lokasi pertama darurat yang diisytiharkan di Tanah Melayu pada 1948 sekali gus mengingatkan jasa dan pengorbanan pejuang terdahulu dalam mempertahankan kedaulatan tanah air.

Pengisytiharan itu dibuat selepas peristiwa pembunuhan tiga peladang berbangsa Inggeris oleh pengganas

komunis di Ladang Elphil dan Ladang Phin Soon pada 16 Jun tahun sama.

Selain itu sambutan kali ini turut disusuli dengan pelaksanaan Eksesais SATRIA PERKASA iaitu untuk menguji keupayaan formasi dan pasukan termasuk keberkesanan penyatuan operasi selain menilai kemampuan TD dalam mengatur gerak kumpulan Brigid Infantri sekali gus melaksanakan latihan secara sistematis.

Ianya diadakan serentak dengan pelancaran latihan medan peringkat Brigid di kedua-dua Pemerintahan Medan Barat dan Timur.

"Saya mahukan peluang dan ruang ini digunakan untuk kita berlatih sebagai satu kumpulan untuk berperang, bukan untuk demonstrasi.

# TEMPUR RA DARAT

6



"Kita juga ingin melihat sejauh mana kelengkapan yang telah di-berikan, diguna pakai dengan elok dan saya mengatakan ini sebab saya hendak buktikan bahawa tentera ini kerjanya berlatih.

"Semua peringkat warga perlu ada pemikiran membudayakan latihan sama ada fizikal, mental dan rohani serta jadikan sebagai gaya hidup sihat tentera untuk memantapkan lagi jati diri," katanya kepada media selepas merasmikan sambutan Hari TD Ke-86.

Terdahulu Perbarisan Hari TD Ke-86 ini berkonsepkan tempur melibatkan tujuh detasmen terdiri dari pada 149 pegawai dan 1,943 anggota Lain-Lain Pangkat diketuai Panglima 6 Briged, Brig Jen Datuk Abdul Aziz Hj Ismail.





Acara dimulakan dengan Demonstrasi Dinamik dari pasukan Gerup Gerak Khas, 10 Bgd Para dan Pasukan Udara TD.

Selain acara perbarisan dan pertunjukan demonstrasi, PTD turut menyempurnakan pemakaian pangkat pegawai kanan, penyampaian Anugerah Pengurusan dan Inovasi TD serta melancarkan Buku Dari Meja Panglima Tentera Darat.

Beliau turut mengadakan persidangan video bersama Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah yang menyempurnakan acara pembukaan Eksesais SATRIA PERKASA bagi peringkat Pemerintahan Medan Timur di Sarawak.

Sambutan ini dimeriahkan lagi dengan Pameran Ketenteraan yang diadakan selama tiga hari bermula 1 hingga 3 Mac 2019 bagi memberi peluang kepada orang ramai dan masyarakat setempat mengenali TD dengan lebih dekat.

Antara persembahan yang diadakan seperti



Pertunjukan Payung Terjun, Tempur Tanpa Senjata, Pertunjukan Anjing Perang TD, Drumline dan Tambor Wanita TD, persembahan akrobatik dari Army Red Warrior dan hiburan dari Badan Kesenian TD.

Manakala pameran TD memperkenalkan aset dan kenderaan tempur TD, senjata, perkampungan Ikhtiar Hidup, Hospital Medan dan Kerjaya TD.

Turut hadir Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Datuk Azizan Md Delin dan pegawai-pegawai kanan TD.





## HARI TD KE - 86





## **Tahlil Dan Solat Hajat Hari TD Ke-86**

Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli  
Gambar: Saifun Hakimi Zainon

**PERAK:** Tentera Darat mengadakan Tahlil Dan Solat Hajat sempena Hari TD Ke-86 bertempat di Kampung Kelimat, Sg Siput pada 28 Feb 2019.

Majlis tersebut yang berkonsepkan surau medan bertujuan memohon keredhaan dan keberkatan ilahi setelah TD berusia 86 tahun serta turut dihadiri 63 pelajar dari Sekolah Agama Maahad Nurul Fadzillah.

Turut hadir Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Dato' Azizan Md Delin dan pegawai-pegawai kanan TD.



## **Pertahan Negara Tanggungjawab Mulia**



**PERAK:** Warga Tentera Darat yang berada di Sg Siput menunaikan Solat Jumaat dan mendengar Khutbah Khas sempena Sambutan Hari TD Ke-86 bertempat di Masjid Al-Ghufraniah pada 1 Mac 2019.

Khutbah Khas tersebut memperdengarkan berkenaan 86 tahun TD melaksanakan tanggungjawabnya iaitu mempertahankan kedaulatan negara yang merupakan tanggungjawab yang amat mulia di sisi agama dan masyarakat.

Selain itu Khatib juga mengatakan bahawa bagi menjituk warga TD, empat konsep telah ditekankan oleh PTD dalam perintah ulungnya iaitu ASAS perlu dihayati oleh semua peringkat anggota TD.

"Kita telah diajar untuk menjadi anggota tentera yang terlatih, profesional serta berkepakaran dalam aspek ketenteraan dan situasi ini hanya akan berkekalan sekiranya kita terus beramal dengan etika kerja tentera dan menghayati Ikrar Kesatria," kata Khatib.

Turut menunaikan Solat Jumaat di masjid tersebut ialah Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Dato' Azizan Md Delin dan pegawai-pegawai kanan TD. - Sjn Saiful Fazley Rusli, Gambar: Saifun Hakimi Zainon



# Pegawai Kanan TD Naik Pangkat Di Sambutan HTD Ke-86

**PERAK:** Seramai empat pegawai kanan Tentera Darat (TD) dinaikkan pangkat semasa Perbarisan Sempena Hari TD Ke-86 di Padang Bola Ladang Kamuning Sime Darby, Sg Siput pada 1 Mac 2019.

Kenaikan pangkat tersebut disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi.

Pegawai kanan yang dinaikkan pangkat ialah Brig Jen Abd Malik Jiran dan Brig Jen Dato' Rezil Shahidin yang dinaikkan pangkat Mej Jen.

Manakala dua lagi pegawai kanan di naikkan pangkat Brig Jen iaitu Kol Marzuki Hj Mokhtar dan Kol Dr. Kwong Fook Wen.

Turut hadir Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Dato' Azizan Md Delin dan pegawai-pegawai kanan TD. - **Sjn Saiful Fazley Rusli, Gambar: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan**



## BKTD Hiburkan Penduduk Sg Siput



**PERAK:** Badan Kesenian Tentera Darat (BKTD) membuat persembahan buat julung kalinya kepada penduduk Sg Siput Sempena Sambutan Hari Tentera Darat Ke-86 bertempat di Padang Bola Ladang Kamuning Sime Darby, Sg Siput pada 2 Mac 2019.

Seramai 4000 pengunjung hadir bagi menyaksikan persembahan oleh BKTD yang menyanyikan pelbagai lagu

patriotik dan terkini bagi menghiburkan penduduk setempat.

Persembahan ini juga merupakan acara kemuncak sambutan Hari TD di sebelah malam selain BKTD turut membuat persembahan di tempat pameran ketenteraan TD bermula dari 1 hingga 3 Mac 2019.

BKTD merupakan badan atau pasukan bagi meningkatkan imej TD dari perspektif seni dan budaya dengan menyediakan persembahan hiburan yang komprehensif, berkualiti serta bertaraf profesional kepada semua pelanggan sama ada tentera maupun awam.

Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi turut mengucapkan terima kasih kepada pengunjung yang hadir memeriahkan sambutan Hari TD Ke-86 kerana acara sedemikian yang melibatkan TD jarang berlaku di Daerah Sg Siput.

Turut hadir Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Dato' Azizan Md Delin dan pegawai-pegawai kanan TD. - **Sjn Saiful Fazley Rusli, Gambar: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan**

## **Perbarisan Perutusan Hari TD Ke-86 Peringkat 3 Div**

Oleh: Mej Mohammed Fahmi Ishak  
Gambar: Kpl Mohd Hafiz Hamzah

**MELAKA:** Seramai 44 pegawai dan 490 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) diketuai Pegawai Memerintah Garison Terendak, Lt Kol Azwan Md Akhir terlibat dalam Perbarisan Hari Tentera Darat Ke-86 Peringkat 3 Divisyen bertempat di perkarangan Markas 3 Div pada 1 Mac 2019.

Sebaik ketibaan Komander Artilleri Div 3 Div, Brig Jen Ahmad Abu Bakar, beliau telah menerima tabik hormat dari anggota perbarisan dan seterusnya membacakan Perutusan Hari Tentera Darat Ke-86.

Turut hadir pegawai-pegawai kanan MK 3 Div.



## **Warga Kem Terendak Adakan Bacaan Yasin Dan Tahlil Sempena HTD Ke-86**



**MELAKA:** Sambutan Hari Tentera Darat Ke 86 bagi Kem Terendak, Melaka dimulakan dengan Majlis Bacaan Yassin, Tahlil dan Ceramah Perdana yang diadakan pada 28 Feb 2019.

Majlis yang diadakan di Masjid As Syuhada itu berjaya

menghimpunkan seramai 2000 warga tentera Kem Terendak dan jemaah dari sekitar kem.

Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil bermula sebaik selesai Solat Maghrib berjemaah, dipimpin oleh Pegawai Staf 2 Agama MK 3 Div, Mej Zuhairy Hj Ahmad Kusaini.

Menyusul selepas itu ialah ceramah perdana yang bertajuk Harta Di dunia Kemana Perginya Nanti yang disampaikan oleh Penceramah Jemputan, Pegawai Pendakwara Mahkamah Syariah WP Kuala Lumpur, Ustaz Mohd Ihsan Mohamad Daud.

Ceramah yang disampaikan secara santai itu mengupas perincian berkenaan bekalan dan harta yang ditinggalkan dan bakal dibawa selepas kematian seseorang itu.

Turut hadir Komander Artilleri Div 3 Div, Brig Jen Ahmad Abu Bakar, Ketua Staf Am MK 10 Bgd Para, Lt Kol Samad Igom serta pegawai-pegawai kanan di dalam Kem Terendak. - Mej Mohammed Fahmi Ishak, Gambar: Kpl Mohd Hafiz Hamzah

# Majlis Kesyukuran Hari TD Ke-86

## Peringkat MK 4 Div

Oleh: LKpl Khatijah Sahbudin

**KUALA LUMPUR:** Seramai 500 warga Kem Wardieburn hadir ke Majlis Kesyukuran dan Doa Selamat Peringkat Markas 4 Div Sempena Hari Tentera Darat Ke-86 bertempat di Masjid Muhammad Al Fateh pada 28 Feb 2019.

Majlis dimulakan dengan Solat Maghrib berjemaah seterusnya bacaan Yasin dan diakhiri dengan Solat Isyak berjemaah.

Turut hadir, Ketua Staf MK 4 Div, Kol Asri Shukor, Komander PIDTD, Kol Romainor Mohamed, Ketua Staf MK 12 Bgd, Lt Kol Mohamad Zambari Hj Abdul Khorid dan Pegawai-pegawai Kanan MK 4 Div.



## Perbarisan Perutusan Hari TD Ke-86 Di Kem Wardieburn



**KUALA LUMPUR:** Seramai 300 pegawai dan 700 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) gabungan Kem Wardieburn dan Markas Tentera Darat (MKTD) terlibat dalam Perbarisan Perutusan Hari Tentera Darat Ke-86 bertempat di Padang Kawad Batalion Pertama Rejimen Renjer Diraja (1 RRD) pada 1 Mac 2019.

Perutusan Hari Tentera Darat Ke-86 ini dibacakan oleh AKS Cawangan Perancangan dan Pembangunan MKTD, Mej Jen Dato' Ahmad Tajuddin Abdul Ghani.

Turut hadir Ketua Pengarah Cawangan Perancangan dan Perbangunan, Brig Jen Malek Razak Sulaiman, Ketua Staf MK 4 Div dan pegawai-pegawai kanan dari MK TD. - LKpl Khatijah Sahbudin

## Perbarisan Perutusan HTD Ke-86 Peringkat Kentomen Kem Sungai Besi

**KUALA LUMPUR:** Seramai 60 pegawai dan 1003 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dengan Perbarisan Perutusan sempena Sambutan Hari Tentera Darat (HTD) Ke-86 bertempat di Dataran Panglima Tentera Darat (PTD) pada 1 Mac 2019.

Perbarisan Perutusan ini melibatkan tiga kontjen yang terdiri daripada semua peringkat pegawai dan anggota yang berada di Kem Sungai Besi dan diketuai oleh Lt Kol Saiful Nizam Che Noh dari Markas Grup Artilleri Pertahanan Udara.

Manakala Perutusan Hari TD Ke-86 disampaikan oleh Pegawai Memerintah 71 Rejimen Semboyan Diraja, Kol Rozwardi Che Lamin.

Dalam perutusan tersebut, beliau menyeru semua peringkat warga Kentonmen perlu mempunyai pemikiran membudayakan latihan sama ada latihan fizikal, mental mahupun rohani yang harus kekal selamanya. - LKpl Norirawati Abdul Wahab



## **Perbarisan Solat Jumaat Sempena Hari TD Ke-86**

Oleh: Kpl Nor Azlina Abd Azmi

**KUALA LUMPUR:** Seramai 60 pegawai dan 760 anggota Lain-Lain Pangkat menghadiri Perbarisan Solat Jumaat Sempena Hari Tentera Darat Ke-86 di Masjid AT Kem Perdana Sungai Besi pada 1 Mac 2019.

Perbarisan ini diketuai oleh Lt Kol Mohd Yusoff Nor manakala Pegawai Tabik Hormat adalah Kol Khairul Izan Muhammad Suffian, Timbalan Panglima GAPU.

Perarakan tersebut bermula dari Padang Kawad PP RAMD, Kem Sg Besi menuju ke Masjid AT dengan diiringi oleh Platun Tambor.

Majlis dimulai dengan Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat sempena Hari TD Ke-86.



## **Sambutan Hari TD Ke-86 18 RAMD Para**



**TERENGGANU:** Seramai 24 pegawai dan 450 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) daripada Batalion Ke-18 Rejimen Askar Melayu Diraja (Para) dan Rej 512 (AW) terlibat dalam sambutan Hari Tentera Darat Ke-86 di Kem Seri Pantai dari 28 Feb hingga 1 Mac 2019.

Acara dimulakan dengan Majlis Bacaan Yassin, Tahlil dan Doa Selamat di Masjid Al-Ansar pada 28 Feb 2019 yang mana dimeriahkan lagi dengan Penutup Pertandingan Tilawah Al-Quran peringkat 18 RAMD (Para).

Perbarisan Pembacaan Perutusan Panglima Tentera Darat disempurnakan oleh Pegawai Memerintah 18 RAMD (Para), Lt Kol Syed Suhairi Syed Hussin.

Pada masa sama turut diadakan pemakaian pangkat anggota 18 RAMD (Para) melibatkan seorang pegawai dan 14 anggota LLP.

Manakala seramai dua pegawai dan 30 anggota LLP menerima Sijil Kecemerlangan Pasukan dan Anugerah Khidmat Cemerlang (AKC) tahun 2017.

Sambutan Hari Tentera Darat Ke-86 diakhiri dengan Perbarisan Rejimental dan Solat Jumaat Khutbah Khas yang telah dibacakan oleh Staf Agama 18 RAMD (Para).

**Oleh: Kapt Mohd Naim Mohd Rani, Gambar : Sel Risik 18 RAMD (Para)**

# Perbarisan Perutusan Hari TD ke-86

## Peringkat MK PLDTD



Oleh: Kapt Nurul Marliana Musa  
Gambar: SSjn Abdul Taib Johree

**NEGERI SEMBILAN:** Markas Pemerintahan Latihan dan Doktrin Tentera Darat (MK PLDTD) turut tidak ketinggalan menyambut Hari Tentera Darat ke-86 di Kem Segenting, Port Dickson pada 1 Mac 2019.

Atur cara sambutan dimulai dengan Perbarisan Pembacaan Perutusan Hari Tentera Darat Ke-86 bertempat di Padang Kawad Kem Segenting, Port Dickson yang dibacakan oleh Pengarah Pengurusan Latihan, Brig Jen Dato' Hj Hasim Jabar.

Seramai 265 pegawai dan 169 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terdiri daripada staf MK PLDTD dan jurulatih serta penuntut kursus Akademi Tentera Darat (ATD) terlibat dalam perbarisan ini.

Sambutan diteruskan dengan Khutba Khas dan Solat Jumaat di Masjid Kariah Kem Segenting yang mana Khutbah Khas dibacakan oleh Pegawai Staf 2 Rohaniah MK PLDTD.

Turut hadir Ketua Staf MK PLDTD, Kol Mohd Mansor Hj Mohd Sharif dan staf awam yang berkhidmat di Kem Segenting.

## Majlis Makan Malam Rejimental Sempena Hari TD Ke-86

**KUALA LUMPUR:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, menyempurnakan Majlis Makan Malam Rejimental (MMR) sempena sambutan Hari Tentera Darat (HTD) Ke-86 yang dihadiri oleh 399 pegawai serta pasangan dan para jemputan dari pelbagai Kor dan Rejimen dalam Tentera Darat (TD) di Dewan Perkasa, Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada 22 Mac 2019.

Majlis yang penuh istiadat ini bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan yang terjalin dan pada masa yang sama memperkuatkan lagi adat serta budaya rejimental yang diamalkan sejak sekian lama serta merupakan salah satu acara yang terdapat dalam jadual sambutan HTD 86 disamping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim yang telah terjalin di antara mantan-mantan PTD bersama pegawai-pegawai TD walaupun mereka telah bersara.

Dalam ucapan PTD, beliau berkata hasil komitmen jitu TD dapat meneruskan legasi mempertahankan negara daripada sebarang pencerobohan dan ianya bukan satu kejayaan yang datang bergolek di mana menyaksikan banyak pengorbanan dipihak kerajaan, tentera serta kaum-keluarga terlibat.

Tambahnya lagi, sambutan Hari TD Ke-86 menyaksikan kelainan, berkonsepkan Tahun Latihan Dan



Penjajaran, semua acara utama dia-dakan di medan dan buat julung kaliinya TD melancarkan serentak dua latihan medan peringkat Briged iaitu di Medan Barat oleh formasi 6 Briged dan di Medan Timur oleh formasi 3 Briged yang mana dengan latihan berterusan sahaja dapat mengekalkan kewibawaan TD.

"Tiada kompromi dan tiada jalan singkat untuk berjaya menjadi TD kelas pertama, syabas dan setinggi-tinggi terima kasih kepada BAKAT

yang selama ini telah bersama-sama menyokong pengabdian suci para suami," ujar PTD.

Turut hadir mantan Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Datuk Amar Mohd Ghazali Dato' Mohd Seth, Timbalan Panglima TD, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Datuk Azizan Md Delin dan Panglima Medan Timur TD, Lt Jen Dato' Wira Zamrose Mohd Zain. - Saifun Hakimi Zainon



Eksesais  
**SATRIA PERKASA**  
Mantapkan Kesiagaan TD

Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli  
Gambar: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan  
dan Saifun Hakimi Zainon



Penduduk Felda Bersia, Gerik dikejutkan dengan bunyi letupan dan tembakan bertubi-tubi seawal jam 0650 pagi pada 10 Mac 2019. Ada yang berempiaran lari keluar dari rumah bagi melihat sendiri apa yang sedang berlaku di felda mereka pada pagi itu. Ada juga yang mengambil peluang cuba merakam menggunakan telefon bimbit akan situasi dan keadaan ketika itu bagi tujuan menjadi wartawan terawal mengetahui hal demikian.

Masing-masing tertanya-tanya samada berlaku serangan atau sudah berlaku perangankah di kawasan mereka. Apakah pisang sudah berbuah dua kali di mana peristiwa di Felda Sahabat, Lahat Datu berulang kembali dan kini



terjadi di Felda Bersia pula? Beberapa hari sebelum itu penduduk felda berasa hairan dengan kehadiran ramai anggota tentera bersama aset-aset tentera ke kawasan mereka yang mana sebelum ini jarang-jarang untuk melihat abang-abang tentera melintas di felda mereka.


Akhirnya pertanyaan penduduk setempat berkenaan letupan dan tembakan yang kedengaran itu terungkai setelah mengetahui ianya adalah satu latihan dari Tentera Darat (TD) yang melakukan serangan fasa akhir oleh pasukan 6 Briged

(Bgd) ke atas pertahanan musuh yang menjadikan Felda Bersia sebagai kubu terakhir musuh.

Eksesais SATRIA PERKASA 6 Bgd Tahun 2019 merupakan Latihan Medan kesinambungan dari Eksesais EAGLE BAKTI peringkat 2 Div serta

Eksesais SATRIA GAGAH 6 Bgd Tahun 2017.

Eksesais ini merupakan latihan yang dikawal sepenuhnya oleh MK 2 Div yang berpangkalan di Kawasan Am Kuala Kangsar serta melibatkan Kumpulan Tempur 6 Bgd sebagai








pelaku utama dan dibantu oleh Trup Div, Medan dan TD dalam melaksanakan Operasi Konvensional dalam Fasa Ofensif.

Objektif eksesais adalah untuk mengukur keupayaan operasi tempur ketumbukan 6 Bgd dalam Peperangan Konvensional yang beroperasi sebagai sebuah pasukan gabungan (combined arms) serta keupayaan fungsi pemerintah dan staf dalam perancangan, kawalan atur gerak dan pelaksanaan operasi ofensif. Selain itu, ianya juga untuk menilai aplikasi Taktik, Teknik dan Prosedur (TTP) di setiap peringkat pemerintah berdasarkan doktrin, ARTEP dan PROTAP formasi selain dapat meningkatkan kemahiran staf dan pemerintah merancang keperluan tadbir serta logistik terutama melibatkan KSB.

Pada kali ini TD telah melaksanakan dua latihan medan secara serentak di peringkat Brigid (Bgd) iaitu di Medan Barat oleh Formasi 6 Bgd dan di Medan Timur oleh Formasi 3 Bgd bagi menilai keupayaan Operasi Tempur dan Logistik.

Eksesais SATRIA PERKASA 6 Bgd telah bermula dari Sungai Siput, Kuala Kangsar hingga ke Gerik, Perak melibatkan kekuatan seramai 164 pegawai dan 3,248 anggota Lain-Lain Pangkat





## HARI TD KE-86



Bgd dilaksanakan di sekitar kawasan Lundu, Bau, Puncak Borneo, Tebedu, Mongkos dan Engkabang melibatkan 111 pegawai dan 2,086 LLP.

Pembukaan eksesais bagi formasi 6 Bgd dan penutup eksesais bagi formasi 3 Bgd disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi.

Manakala pembukaan eksesais bagi formasi 3 Bgd dan penutup eksesais bagi formasi 6 Bgd disempurnakan oleh TPTD, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah.

Latihan yang bermula dari 1 hingga 10 Mac itu juga bersempena dengan sambutan Hari TD Ke-86 pada tahun ini yang disambut dengan pelbagai acara yang diadakan di Ladang Kamuning, Sungai Siput, Perak.

Terdahulu dari itu dalam ucapan PTD semasa Perbarisan Tempur Hari TD Ke-86 pada 1 Mac 2019, beliau mengingatkan kepada semua warga TD supaya memberi

sepenuh tumpuan, komitmen dan tidak berlakon dalam melaksanakan tugas dan amanah yang diberi.


Beliau turut menegaskan bahawa semua anggota tentera bekerja 24 jam, maka utamakanlah tugas dan kerjaya tentera bukan tempat untuk mencari kekayaan atau mengejar kemewahan.

Disamping itu beliau mahukan peluang dan ruang semasa melaksanakan Eksesais SATRIA PERKASA digunakan untuk berlatih sebagai satu kumpulan untuk berperang, bukan untuk demonstrasi semata-mata.

"Kita juga ingin melihat sejauh mana kelengkapan yang telah diberikan, diguna pakai dengan elok dan saya mengatakan ini sebab saya hendak buktikan bahawa tentera ini kerjanya berlatih

"Semua peringkat warga perlu ada pemikiran membangunkan latihan sama ada fizikal, mental dan rohani serta jadikan sebagai gaya hidup sihat tentera untuk memantapkan lagi jati diri," kata PTD.





## HARI TD KE-86

Garis panduan serta prinsip-prinsip yang dicatatkkan dalam Doktrin/ Manual Latihan TD perlu dipatuhi dan hanya dengan cara itu, penilaian yang tepat serta kelemahan sebenar dapat dikenal pasti dalam eksesais kali ini kerana penajaran yang bakal dilakukan kelak tertakluk kepada hasil post mortem eksesais.

Secara keseluruhannya eksesais ini merupakan satu latihan kepada warga TD untuk meningkatkan lagi kemahiran dan keyakinan sebagai anggota terlatih bagi mengekalkan kredibiliti dan kesiagaan TD. Apa yang terjadi semasa latihan hendaklah dijadikan pedoman dan panduan taktala berhadapan sengan situasi sebenar.

Ditambah pula tahun 2019 merupakan tahun latihan dan penajaran yang perlu diterjemahkan secara pro-aktif kearah memastikan TD terus unggul menggalas amanah yang diberi.





## SEJARAH TD

**S**etiap tahun pada tanggal 1 Mac Tentera Darat (TD) akan menyambut Hari Ulang Tahunnya bagi memperingati sejarah penubuhan TD yang memberi banyak erti kepada anggota-anggotanya yang menempuh pelbagai kehidupan pahit dan manis dalam mempertahankan tanah air tercinta. Tarikh keramat ini bukan saja sarat dengan nilai sentimental bagi bekas anggota yang bersara dan keluarga yang hilang insan tersayang ketika gugur di perbatasan, malah seluruh warganya yang menyambung legasi perjuangan mempertahankan kedaulatan agama, bangsa dan tanahair.


Walaupun tarikh tersebut mungkin tidak memberi makna kepada sebahagian besar generasi kini namun bagi mereka yang memahami dan mengetahui akan tarikh keramat tersebut terutama kepada pesara-pesara TD merasakan begitu bangga dengan tarikh tersebut. Hari ini TD menjangkau usia 86 tahun dan dalam tempoh itu, TD melalui pelbagai peristiwa dan cabaran sejak sebelum Perang Dunia Kedua, darurat, konfrontasi sehingga kini ia terus teguh sebagai komponen terbesar dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang mendukung hasrat bangsa dan negara sejajar dengan sambutan pada kali ini yang memberi sedikit kelainan dari tahun yang sebelumnya.

Tahun ini adalah tahun Penjajaran dan Latihan seperti mana dalam Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-27, Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi yang mahukan semua warga TD memahami apa yang dikatakan ASAS dalam perintah ulungnya.

Mengimbang sejarah TD yang ditubuhkan pada 1 Mac 1933, ia bermula dengan kekuatan satu kompeni percubaan yang terdiri dari 25 anak Melayu yang ketika itu diragui kebolehan mereka oleh pihak British. Mereka ini telah melaporkan diri di Haig Lines, Port Dickson untuk menjadi aset terawal dalam sejarah negara.

Namun, pembentukan itu selesai menjelang 1936 apabila empat daripada mereka menjadi anak Melayu pertama ditauliahkan sebagai pegawai TD yang mana mereka ini terdiri daripada No 8 Lt Muda Ariffin Sulaiman, No 12 Lt Muda Ibrahim Sidek, No 13 Lt Muda Ismail Tahar dan No 25 Lt Muda Raja Lope Nor Rashid Raja Abd Rahman.

Secara umumnya, sejarah penubuhan Tentera Darat Malaysia bermula dengan usaha untuk menubuhkan satu pasukan pertahanan yang




# 86 TAHUN TD Menjadi Tunggak Pertahanan Negara

Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli

dianggotai oleh anak-anak Melayu. Usaha ini bermula semenjak tahun 1902 lagi. Banyak perbincangan oleh Raja-Raja Melayu dan Penasihat-Penasihat British telah dijalankan bagi mewujudkan pasukan ini. Dalam tahun 1913 Almarhum DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tunku Muhamad Ibni Yam Tunku

Antah, Almarhum DYMM Sultan Perak, Sultan Alang Iskandar Shah, Almarhum Raja Di Hilir Perak, Raja Sir Chulan dan Allahyarham Undang Rembau, Datuk Abdullah Hj Damad telah menyuarakan hasrat menubuhkan pasukan Askar Melayu.

Penubuhan Tentera Darat Malaysia Hasrat Raja-Raja ini telah



menjadi kenyataan apabila di dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Persekutuan pada 23 Jan 1933, Rang Undang-Undang Askar Melayu telah diluluskan dan dikenali sebagai Undang-Undang No. 11. Bagi menyahut seruan untuk mempertahankan ibu pertiwi, lebih dari seribu pemuda-pemuda Melayu dari pelusuk tanah

air telah tampil menawarkan khidmat mereka, tetapi hanya 25 orang sahaja yang berjaya dipilih sebagai pengasas Kompeni Percubaan Pasukan Askar Melayu.

Skuad Pertama ini telah menjalankan latihan dengan gigih dan penuh tabah dan pihak pegawai-pegawai British, selaku jurulatih sangat

berpuas hati dengan kebolehan, kecekapan serta semangat keperwiraan yang ditunjukkan. Pada pertengahan tahun 1934, Kompeni Percubaan telah diishtiharkan sebagai berjaya dengan cemerlangnya dan layak diperbesarkan ke satu batalion yang lengkap. Seterusnya buat julung kali, pada 4 Nov 1936, empat pemuda anggota

## SEJARAH TD

Skuad Pertama telah ditauliahkan sebagai pegawai dengan pangkat Leftenan Muda. Rejimen ini terus berkembang menjadi satu batalion penuh yang dikenali sebagai Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu pada 1 Jan 1938. Dengan tercetusnya perang di Eropah pada 3 Sep 1939, latihan anggota Askar Melayu telah dipertingkatkan dan kekuatannya diperbesarkan.

Pada 1 Dis 1941, Batalion Kedua Askar Melayu telah ditubuhkan iaitu enam hari sebelum Perang Dunia Kedua bermula di Malaya, bagi menghadapi serangan Tentera Jepun yang sedang mara. Kompeni A, Batalion Kedua adalah unit Askar Melayu pertama menentang Tentera Jepun yang mendarat di Pantai Cinta Berahi (sekarang Pantai Cahaya Bulan), Kelantan pada 8 Dis 1941.

Batalion ini telah menunjukkan kebolehan mereka dalam perang menentang tentera Jepun. Kekuatan tentera Jepun yang berlipat ganda telah memaksa mereka berundur ke Kuala Krai dan seterusnya Singapura.

Di Singapura, pasukan Askar Melayu telah berjuang dengan penuh semangat di sekitar kawasan Pasir Panjang, Buona Vista Labrador dan Alexander.

Salah satu peristiwa yang sukar dilupai dalam sejarah TD ialah peristiwa tindakan tentera Jepun manawan Bukit Chandu yang dipertahankan oleh Platon No. 7, Kompeni C, Batalion Pertama Askar Melayu yang diketuai oleh Lt Adnan Saidi. Tentera musuh, setelah gagal dalam percubaan yang pertama, mengulangi serangan dengan kekuatan yang berlipat ganda. Di dalam pertempuran yang sengit ini, anggota Platon No. 7 telah berjuang dengan semangat yang gigih tanpa mengaku kalah.

Lt Adnan sendiri mengendalikan senjata *Lewis Machinegun* dan mara untuk memberi semangat dan perangsang. Walaupun mengalami kecederaan, namun beliau telah menunjukkan semangat untuk terus berjuang hingga ke titisan darah terakhir. Akhirnya tentera musuh telah berjaya menawan Bukit Chandu dan Lt Adnan telah digantung kepala ke bawah di sebatang pokok dan ditikam sehingga mati.

Satu lagi peristiwa yang menyayat hati berlaku pada 28 Feb 1942, apabila seramai lapan pegawai Askar Melayu, setelah menjadi tawanan perang dibunuh di Pasir Panjang disebabkan keenggan mereka meninggalkan pakaian seragam tentera mereka. Selain dari anggota-anggota Askar

Melayu, ramai lagi anak-anak Melayu mencebur diri sebagai anggota dalam Federation Volunteer Forces menentang tentera musuh dan ramai yang turut terkorban.

Di samping itu, ramai anak-anak Melayu yang berkhidmat dengan Tentera British seperti *Royal Army Service Corps* (RASC), *Royal Army Ordnance Corps* (RACC), *Royal Artillery* (RA) dan lain-lain pasukan yang turut berjuang. Singapura jatuh ke tangan Jepun pada 15 Feb 1942 dan anggota Askar Melayu yang masih hidup telah menjadi tawanan perang. Apabila diperintah pulang ke kampung masing-masing ramai dari mereka meneruskan perjuangan menentang pemerintahan Jepun melalui pergerakan bawah tanah. Setelah negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Tentera Darat Malaysia telah berkembang maju dan lengkap untuk menjalankan operasi melawan insurgensi.

Selepas perang, negara dilanda ancaman komunis dan Darurat diisyiharkan pada 1948 yang memerlukan pembesaran dalam TD dan menjelang tahun 1950 kekuatan Rejimen Askar Melayu ditambah menjadi tujuh batalion dan TD sekali lagi berhadapan satu ancaman besar dalam mempertahankan kedaulatan negara apabila Indonesia di bawah pimpinan Presiden Sukarno melancarkan Konfrontasi terhadap Malaya pada 1963 dan menamatkannya pada 1 Jun 1966. Konfrontasi merupakan

bantahan Indonesia terhadap pembentukan Malaysia pada 16 Sep 1963 yang menggabungkan Sabah dan Sarawak dengan negeri-negeri di Semenanjung. Konfrontasi ini berterusan selama tiga tahun dan banyak kejadian-kejadian serta pertempuran berlaku di antara TD dengan angkatan rejim Sukarno.

Peristiwa pahit yang tidak dapat dilupai dalam ketika konfrontasi ialah Peristiwa Kalabakan yang berlaku pada 29 Dis 1963. Dalam peristiwa ini, satu pos sementara Tentera di Kalabakan, Tawau Sabah dengan kekuatan satu platon di bawah perintah Mej Zainal Abidin Haji Yaacob dari Kompeni C, Batalion Ketiga Rejimen Askar Melayu Diraja telah diserang ketika mereka sedang menunaikan solat Maghrib di bangunan madrasah.

Walaupun dalam keadaan tidak tersedia, anggota-anggota platon telah menentang musuh yang berlipat ganda ramainya dan memaksanya berundur. Serangan itu mengorbankan tujuh orang anggota platon tersebut, termasuk Mej Zainal Abidin dan mencederakan 16 yang lain.

Di Semenanjung pula banyak peristiwa berlaku di kawasan Batu Pahat, Pontian, Kota Tinggi dan Labis dalam negeri Johor. Di kawasan ini angkatan musuh telah menyusup masuk melalui pantai. Mereka juga dapat masuk melalui udara dengan payung terjun di Labis pada 1 Sep 1964. Semua penyusupan ini dapat dipatahkan oleh TD dalam beberapa hari sahaja



kerana pihak musuh langsung tidak dapat sokongan atau bantuan rakyat tempatan. TD telah berjaya menghalungi pelbagai cabaran dan rintangan sejak penubuhannya dari Perang Dunia Kedua (1941-1945), Darurat Pertama (1948-1960), Konfrontasi (1963-1966), Darurat Kedua (1968-1989) serta peristiwa pencerobohan di Lahad Datu (2013) sesungguhnya telah menguji kewibawaan ketumbuhan ini.

TD telah berkembang maju dan lengkap untuk menjalankan operasi melawan insurgensi dan dalam tempoh tersebut Rejimen Askar Melayu dikurniakan Panji-Panji Diraja pada 1 Mac 1958 yang mana memperlihatkan perubahan demi perubahan telah berlaku dalam pentadbiran demi memperkasakan rejimen tertua TD. Sejak ditubuhkan 86 tahun yang lalu, TD melalui pelbagai cabaran dan evolusi tersendiri. Walaupun ramai beranggapan TDM masih muda jika dibandingkan dengan angkatan tentera negara lain, namun TD telah membuktikan keupayaannya bukan saja mendukung Dasar Pertahanan Negara tetapi juga kemampuan TD menjaga kedaulatan negara.

Pada masa ini, TD sedang pesat dipermodenkan sebagai satu pasukan tentera konvensional yang mampu untuk menghadapi cabaran masa depan yang mana TD merupakan komponen terbesar dalam ATM yang mempunyai 17 Kor terdiri dari pasukan tempur,

pasukan bantuan tempur dan pasukan bantuan serta menyusun semula organisasinya yang melibatkan pembangunan dari segi peralatan dan logistik.

TD kini perlu mempamerkan keupayaan untuk bertindak sebagai sebuah angkatan tempur yang kredibel dan seimbang serta berdaya tahan untuk memikul amanah sebagai benteng pertahanan negara dan kelengkapan yang serba canggih tidak akan menjanjikan kejayaan dalam satu-satu pertempuran kerana keupayaan serta sumber aset manusia juga perlu selaras dengan pembangunan teknologi pertahanan.

Negara-negara luar yang begitu moden dengan aset peperangan beranggapan imej TD cukup tinggi kerana penglibatan anggota TD dalam misi-misi pengamanan dan pemantauan di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) dan Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) sedikit sebanyak menaikkan nama TD dimata dunia.

Penglibatan TD dalam membantu mengekalkan keamanan sejagat telah mendapat pengiktirafan dan sanjungan dunia khasnya PBB. Ini secara tidak langsung telah menaikkan imej negara demi menjaga hubungan baik dengan negara luar dalam aspek menghulurkan bantuan kepada masyarakat antarabangsa bagi mengekalkan keamanan dan keharmonian dunia.

Pengiktirafan ini membolehkan TD diberi mandat untuk sama-sama melibatkan diri dalam melaksanakan misi-misi pengamanan di bawah PBB bertitik mula dengan penglibatan ulung TD dalam misi pengamanan di Congo, sehingga terus mendapat kepercayaan untuk terlibat dalam misi pengamanan di Kemboja, Namibia, Somalia, Bosnia-Herzegovina serta Lubnan.

Keadaan ini membuktikan bahawa TD mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawab demi keamanan sejagat dengan cemerlang dan kejayaan yang kita raih semasa melaksanakan misi-misi ini telah diberi pengiktirafan antarabangsa khasnya dari Amerika Syarikat dan PBB sendiri dengan dibuktikan melalui peristiwa menyelamat tentera elit Amerika Syarikat di Pasar Bakara pada 3 Okt 1993 yang mana telah membuka mata dunia akan kewibawaan TDM.

Secara kesimpulannya, diusia 86 tahun TD membuktikan kewujudannya bukan sekadar menjadi aset negara di kala menghadapi ancaman musuh malah menjadi barisan hadapan yang bersedia tampil untuk membantu rakyat dalam sebarang bentuk bencana dan malapetaka.

TD akan terus memegang amanah menentukan penghormatan rakyat terus dipelihara disamping mempertahankan maruah serta kedaulatan negara terus berkekalan selamanya.





## Tingkatkan Kecekapan Risikan- Tun M

Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli  
Gambar: Saifun Hakimi Zainon

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mahukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) meningkatkan kecekapan risikan dalam menghadapi ancaman keganasan yang lebih kompleks dan mencabar yang mana ancaman perang di Malaysia tidak seperti ancaman di negara lain yang kemungkinan akan diserang oleh negara jiran atau kuasa besar.

"Kini persediaan kita tertumpu kepada maklumat perisikan di mana perlu lebih awal lagi mengenal pasti kemungkinan seseorang untuk menjadi penganas kerana seseorang itu mungkin dilatih atau ada hubungan rapat dengan puak penganas."

"Di masa ini masalah kita ialah untuk menangani penganas dan mereka ini bukan kita dapat lihat beruniform serta boleh dikenali dan kita tidak tahu siapa penganas," kata Tun Mahathir ketika sesi dialog bersama warga Kementerian Pertahanan

sempena lawatan pertamanya sebagai Perdana Menteri ke-7 di Auditorium Kementerian Pertahanan pada 21 Feb 2019.

Menurutnya, kejayaan memerangi penganas bukan bergantung kepada keupayaan kita berperang tetapi lebih tertumpu kepada keupayaan kita menyelidik dan mendapat maklumat lebih awal untuk benteras keganasan.

Tambahnya lagi cabaran yang dihadapi oleh Kementerian Pertahanan pada hari ini adalah berbeza semasa beliau menjadi Menteri Pertahanan pada satu ketika dahulu.

Ancaman yang dihadapi oleh Kementerian Pertahanan pada ketika itu adalah ancaman perang gerila yang dilancarkan oleh Parti Komunis Malaya (PKM) di mana mengakibatkan kos yang tinggi dengan berlakunya serangan oleh PKM di tempat strategik sehingga menganggu gugat usaha pembangunan negara.

Selain itu ancaman komunis turut mengorbankan nyawa dan mencederakan anggota tentera yang bertugas namun kemudiannya PKM telah

meletak senjata semasa Perjanjian Hadyai pada tahun 1989 dan suasana negara kembali aman tetapi PM mengingatkan bahawa Malaysia tidak terlepas dari ancaman keselamatan.

Pada masa sama, ancaman yang dihadapi ini adalah berkait rapat dengan kedudukan Malaysia yang strategik dan beliau turut menyatakan kedudukan tersebut memberikan kelebihan kepada negara dari sudut geopolitik serantau dan dunia.

Melihat keadaan dan ancaman semasa, Tun menyifatkan Menteri Pertahanan dan pihak Kementerian Pertahanan Malaysia sedang menggalas tanggungjawab yang besar.

"Menteri Pertahanan pada hari ini memikul tanggungjawab yang lebih berat dalam menghadapi ancaman yang lebih kompleks kerana ancaman berlaku pada setiap masa kerana maklumat pada era globalisasi ini bergerak pantas dan melampaui sempadan," tegas Tun Mahathir.

Terdahulu dari itu, sebaik ketibaan Tun di Kementerian Pertahanan, beliau menerima tabik hormat dari



Kawalan Kehormatan Utama (KKU) Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (1 RAMD) terdiri daripada tiga pegawai dan 103 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) diketuai Mej Mohd Izham Ahmad Rashidi.

Dalam lawatan itu, PM diberikan taklimat oleh Menteri Pertahanan, Hj Mohamad Sabu mengenai bidang fokus utama Kementerian Pertahanan bagi tahun 2019 yang merangkumi Kertas Putih Pertahanan, kebajikan anggota ATM, kesiapsiagaan ATM dan Veteran ATM.

Turut hadir Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin, Timbalan Menteri Pertahanan, Senator Liew Chin Tong serta pegawai-pegawai kanan ATM dan awam Kementerian Pertahanan.



# 2019



## Tahun Ketumbukan Bersama



Oleh: Kpl Ainur Aisyah Yahaya

**KUALA LUMPUR:** Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin menyampaikan Amanat Panglima Angkatan Tentera Tahun 2019 di Auditorium Kementerian Pertahanan pada 4 Jan 2019.

Amanat Panglima Angkatan Tentera Tahun 2019 dizahirkan dengan tujuan memberi gambaran, panduan dan rujukan kepada semua perkhidmatan berkenaan hala tuju Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi tahun 2019 bertemakan *Year of Joint* atau Tahun Ketumbukan Bersama.

Konsep ketumbukan bersama berkait rapat dengan *interoperability* di antara ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM di mana terdapat enam elemen utama yang ditekankan PAT

dalam amanatnya.

Elemen pertama yang ditekankan adalah kesatuan, di mana penubuhan *data fusion centre* (dfc) dan *information fusion centre* (ifc) akan berfungsi sebagai *one-stop centre* yang bertanggungjawab menyalurkan maklumat penting bagi tujuan mengkoordinasi serta menentukan respon tindak balas yang tepat dalam sebarang situasi keselamatan mahupun aktiviti di bawah *military operations other than war* (*mootw*).

Tambahan dari itu, ATM akan mewujudkan *special forces operation command* yang akan menggabungkan elemen pasukan khas dari ketiga-tiga perkhidmatan dalam melaksanakan tugas khas yang melibatkan kepentingan nasional dan strategik serta ATM juga dalam usaha untuk mewujudkan pemerintahan wilayah di seluruh

negara agar pelaksanaan operasi dan pengoperasian yang lain akan lebih efektif serta efisien.

Elemen kedua ialah angkatan integriti, yang mana PAT berkehendakkan supaya seluruh warga ATM sentiasa menjadikan integriti, akauntabiliti dan ketelusan sebagai tunjang prakarsa dalam perkhidmatan serta wajib menjauhkan diri daripada amalan korup seperti rasuah, salahguna kuasa dan lain-lain tindakan yang boleh menghakis kepercayaan rakyat terhadap ATM.

Elemen ketiga kekal relevan dan tekal seiring masa, ATM perlu memahami, peka dan mendepani kemunculan *sustaining technologies* dan *disruptive technologies* agar boleh memanfaatkannya secara optimum serta dalam usaha untuk menyusun dan melihat semula konsep kesiapsiagaan pertahanan secara komprehensif dengan dipacu oleh teknologi, sains data, pengkomputeran awam, integrasi



sistem serta kecerdasan buatan.

Tambahan daripada itu, menyedari kepentingannya, konsep peperangan siber elektromagnetik yang merupakan peperangan dimensi ke-empat ini turut dirangka di dalam pelan pembangunan strategik *4th Dimension Malaysian Armed Forces* (4D-MAF) yang membenarkan akses kepada sistem komunikasi merangkumi segenap ruang darat, laut serta udara sekaligus memberi kelebihan kepada kuasa tempur ATM.

Elemen keempat angkatan ekslusif tetapi inklusif, ATM memainkan peranannya sebagai benteng utama pertahanan negara malah rakyat seharusnya menyedari bahawa mereka juga mempunyai peranan dalam mempertahankan keamanan serta kedaulatan bumi tercinta agar tidak mudah diperalat atau menjadi dalang kepada perosak agama, bangsa dan negara di mana konsep pertahanan menyeluruh (HANRUH) perlu

disegarkan semula kepada golongan generasi muda khasnya.

Elemen kelima kebijakan, di mana aspek kebijakan warga tentera semangnya menjadi keutamaan ATM secara menyeluruh kerana ia merupakan faktor moral yang dapat memberikan impak positif terhadap komitmen oleh setiap individu dalam menjalankan tugas mempertahankan negara tercinta yang bukan sahaja kepada warga ATM dan keluarga mereka, malah kepada para veteran yang telah banyak menyumbang bakti kepada kelangsungan kedaulatan negara kita suatu ketika dahulu.

Elemen keenam pengukuhan diplomasi ketenteraan, di mana arah tuju ATM dalam elemen ini amat berkait dengan dasar luar kerajaan serta satu elemen utama kepada pendekatan *extension of policy* akan terus menggunakan garis panduan dan dasar luar kerajaan dalam mengukuh hubungan bilateral dan multilateral.

Sehubungan itu, beberapa inisiatif termasuk *trilateral cooperative arrangement* (tca) dan *Malacca Straits Patrol* (msp) antara beberapa negara ahli telah dan sedang dilaksanakan di mana melibatkan rondaan maritim, rondaan udara, *intelligence exchange* dan beberapa inisiatif lain bertujuan untuk mengeratkan serta mengukuhkan aspek 11ww di antara negara-negara rantau.

Sejurus selesai menyampaikan amanat, PAT menyerahkan Takwim Tahun 2019 kepada Panglima perkhidmatan dan turut merasmikan Majlis Pelancaran Pek Jasa ATM yang ditaja oleh TM Bhd.

Turut hadir Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Seri Hj Affendi Hj Buang TUDM dan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Mohd Reza Mohd Sany.

## APC Peringkat MinDef



Oleh: Saifun Hakimi Zainon

**KUALA LUMPUR:** Seramai 459 warga awam, tentera dan pesara Kementerian Pertahanan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) serta Pingat Perkhidmatan dan Pekerti Terbilang (PPT) Tahun 2018 yang disempurnakan oleh Menteri Pertahanan, Hj Mohamad Sabu bertempat di Dewan Perkasa, Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada 25 Feb 2019.

APC dan PPT adalah untuk menghargai sumbangan dan penghargaan oleh warga Kementerian Pertahanan dan ATM bagi tahun 2018 yang mana penerima keseluruhannya ialah seramai 10,714 meliputi 849 warga awam, 9585 warga ATM dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan dan 280 pesara diberi.

Anugerah yang diadakan di MinDef diberikan kepada mereka yang terpilih manakala selebihnya akan dilaksanakan oleh Bahagian dan Jabatan masing-masing.

Penerima APC akan diberikan Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan hadiah prestasi wang tunai atau Sijil Simpanan Premium BSN yang bernilai RM 1000.00 manakala bagi pesara awam yang bersara wajib akan menerima Pingat PPT, Sijil Penghargaan serta Sijil Simpanan Premium BSN berjumlah RM 400.00.

Manakala untuk Pesara Awam yang bersara pilihan hanya menerima Sijil Penghargaan dan Sijil Simpanan Premium bernilai RM 400.00.

Dalam ucapan MENHAN, beliau mengucapkan tahniah kepada mereka yang menerima anugerah dan menegaskan bahawa penganugerahan yang diberikan ini menunjukkan bahawa setiap pengorbanan dan sumbangan telah mereka berikan semasa berkhidmat dalam perkhidmatan awam sentiasa dihargai dan tidak pernah dilupakan oleh kerajaan, khususnya Kementerian Pertahanan.

Menurut beliau lagi, penjawat awam merupakan agen perantaraan di antara rakyat dan kerajaan, oleh itu mereka perlu memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam setiap tugas yang diamanahkan serta mengingatkan kepada semua yang hadir agar tidak terlibat dalam gejala yang menyalahi undang-undang seperti ISIS dan sebagainya.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Halimi Abd Manaf, Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Haji Zulkifli Hj Zainal Abidin, Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi serta pegawai-pegawai kanan ATM dan awam Kementerian Pertahanan.



# Perasmian Tim Pemantau Antarabangsa Mindanao 14

Oleh: Saifun Hakimi Zainon

**KUALA LUMPUR:** Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi menyempurnakan Majlis Perasmian Tim Pemantau Antarabangsa Mindanao 14 (TP M-14) atau *International Monitoring Team Mindanao 14 (IMT M-14)* di Dewan Tanjung, Wisma Transit pada 6 Mac 2019.

Penghantaran TPA M-14 adalah kesinambungan dalam memenuhi hasrat Kerajaan Filipina dan juga persetujuan Kerajaan Malaysia untuk menghantar tim pemantau bagi tempoh 12 bulan yang mana TPA M-14 diketuai Mej Jen Dato' Ya'cob Hj Samiran selaku Ketua Misi akan meneruskan misi menggantikan TPA M-13 yang telah tamat penghujung Mac 2019.

Seramai 10 pegawai daripada ketiga cabang perkhidmatan dan satu anggota Lain-Lain Pangkat, dua pegawai daripada Polis Diraja Malaysia dan tiga pegawai awam dari Kementerian Pertahanan, Kementerian Luar Negeri dan Jabatan Perdana Menteri terpilih untuk TPA M-14 kali ini.

Komposisi TPA M melibatkan 28 pegawai dan anggota daripada empat buah negara di mana Malaysia merupakan *Lead Nation* dan mempunyai komposisi yang terbesar iaitu sebanyak 16 pegawai dan anggota.

TPA M turut dianggotai oleh sembilan pegawai dari Brunei, dua dari Jepun dan seorang dari Norway.

Penglibatan Malaysia mengetui TPA M bermula pada 10 Okt 2004 berikutan jemputan daripada Kerajaan Filipina atau *Government of Philippines* (GPH) dan *Moro Islamic Liberation Front* (MILF) yang mana sehingga kini sejumlah 13 tim telah diaturgerakkan menjalani misi di Mindanao.

Tujuannya adalah untuk memantau gencatan senjata dan pembangunan sosio ekonomi di wilayah yang bergolak di Mindanao.

Penugasan TPA M adalah sejajar dengan syarat-syarat perjanjian dan



persefahaman yang dimuktamadkan termasuk Terma Rujukan (TOR) yang telah dipersetujui oleh pihak GPH dan MILF.

Konsep organisasi TPA M adalah secara *lead nation* kerana melibatkan beberapa buah negara di mana Malaysia adalah sebagai negara peneraju dan juga fasilitator bagi proses perdamaian di antara GPH dan MILF.

Beberapa perjanjian damai yang ditandatangani di antara Kerajaan Filipina dan MILF membuktikan bahawa peranan TPA M telah mencapai sasaran dan berjaya mengembalikan kedua-dua pihak yang bertelagah ke meja rundingan.

Bagi perkembangan terkini proses perjanjian damai, GPH melalui *Commission on Election* (COMLEC) telah mengadakan satu pungutan suara (*Plebiscite*) untuk mendapatkan consensus rakyat di selatan Filipina mengenai sokongan kepada *Bangsamoro Organic Law* (BOL)/*Bangsamoro Basic Law* (BBL).

Sekiranya mendapat lebih banyak sokongan daripada penentangan, *Bangsamoro Autonomous Region in*

*Muslim Mindanao* (BARMM) akan menggantikan *Autonomous Region in Muslim Mindanao* (ARMM).

Keputusan plebiscite menunjukkan keputusan memihak kepada sokongan untuk BOL dan sekaligus mewujudkan BARMM.

Pengerusi MILF, Murad Ibrahim telah mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri wilayah baru BARMM pada 22 Feb 2019.

Setakat ini, tiada sebarang insiden yang boleh menjelaskan proses perjanjian damai antara GPH dan MILF dan kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk meneruskan tugas TPA M-14 bagi mewujudkan keadaan yang kondusif bagi kedua-dua pihak di dalam menjalankan proses rundingan damai sehingga wilayah Mindanao mencapai keamanan sepenuhnya.

Turut hadir Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Mohd Reza Mohd Sany, Ketua Staf Markas ATM, Lt Jen Dato' Kamaruzaman Mohd Othman (TUDM), Komisioner Polis mewakili Ketua Polis Negara, Datuk Abdul Rahim Jaafar serta pegawai kanan ATM.

## **PTD Merafak Sembah Keatas Agong**



Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli  
Gambar: Kpl Mohd Zulkifli Awang

**KUALA LUMPUR:** Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi merafak sembah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Yang XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah bertempat di Istana Negara pada 12 Mac 2019.

Turut hadir TPTD, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Datuk Azizan Md Delin dan Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman.

## **Kunjungan Hormat PTD Keatas PM**

**PUTRAJAYA:** Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi melakukan Kunjungan Hormat keatas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad bertempat di Pejabat Rasmi PM pada 11 Mac 2019.


Kunjungan hormat ini merupakan kunjungan rasmi pertama buat PTD setelah mengambil alih jawatan sebagai PTD Ke-27.

Diakhiri kunjungan tersebut PTD menyampaikan cenderhati Buku Dari Meja PTD kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad.

- Sjn Saiful Fazley Rusli, Gambar: Kpl Mohd Zulkifli Awang



## **Kunjungan Hormat PTD Keatas TYT Sarawak**



**SARAWAK:** Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi melakukan Kunjungan Hormat keatas Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Hj Abdul Taib Mahmud bertempat di Kediaman Rasmi TYT pada 8 Mac 2019.

Kunjungan hormat ini merupakan kunjungan rasmi pertama buat PTD setelah mengambil alih jawatan sebagai PTD Ke-27.

Turut mengiringi PTD dalam kunjungan tersebut ialah Panglima Medan Timur TD, Lt Jen Datuk Wira Zamrose Mohd Zain. - Sjn Saiful Fazley Rusli, Gambar: Kpl Mohd Zulkifli Awang

# Majlis Penganugerahan PJM Kepada Veteran ATM



Oleh: PR TD

**KUALA LUMPUR:** Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin menyempurnakan Majlis Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada Veteran ATM peringkat Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM pada 16 Feb 2019.

Pingat Jasa Malaysia (PJM) hanya dikurniakan kepada anggota tentera atau bekas anggota tentera yang memenuhi syarat-syarat kelayakan iaitu telah berkhidmat atau terlibat dalam operasi secara berterusan selama tiga bulan dan ke atas atau telah bertugas secara langsung tidak kurang dari enam bulan di mana-mana pasukan atau formasi ATM bagi tempoh dari 1 Jan 1969 hingga 2 Dis 1989 bagi operasi menentang Parti Komunis Malaya (PKM).

Selain itu antara kelayakan lain adalah telah berkhidmat atau terlibat dalam operasi secara berterusan selama tiga bulan dan ke atas atau telah bertugas secara tidak langsung tidak kurang dari enam bulan di mana-mana pasukan atau formasi ATM bagi tempoh 1 Jan 1969 hingga 17 Okt 1990 bagi operasi menentang Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU).

Manakala mereka yang telah terkorban, cedera atau menjadi kurang upaya disebabkan oleh tugas menentang komunis bagi tempoh 1 Jan 1969 hingga 2 Dis 1989 atau PKKU bagi tempoh 1 Jan 1969 hingga 17 Okt 1990 turut di anugerahkan PJM.

PJM adalah sebuah *Campaign Medal* yang telah

dizahirkan melalui statusnya bertarikh 3 Mac 2004 dan telah diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong.

PJM juga dimartabatkan sebagai pingat terkanan dan kekanan susunan berbanding dengan anugerah-anugerah yang sama kelas dengannya.

Sempena majlis tersebut, PAT telah menganugerahkan PJM kepada 360 orang penerima Veteran ATM meliputi Veteran ATM kaum Melayu, Cina dan India.

Pecahan penerima pingat adalah seperti pecahan dari persatuan yang terdiri dari Persatuan Veteran ATM (PVATM) Selangor, PVATM Kuala Lumpur, Malaysian Armed Forces Chinese Veterans Association (MACVA), Persatuan Veteran India Angkatan Tentera Malaysia (PERIM), Kelab Pesara Kor Perkhidmatan Am (Bahagian Kerani) Tentera Darat Malaysia (KEKPAK).

Pada masa sama penganugerahan turut dizahirkan kepada penerima yang telah meninggal dunia yang diwakili oleh balu penerima.

Turut hadir Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Mohd Reza Mohd Sany, Ketua Staf Markas ATM, Lt Jen Dato' Kamalruzaman Mohd Othman TUDM, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Pendidikan dan Latihan Udara, Lt Jen Dato' Mohd Ashgar Khan Goriman TUDM dan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM), Mej Jen Dato' Dzulkarnain Ahmad.

# Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan TD

Oleh: Kpl Ainur Aisyah Yahaya

**KUALA LUMPUR:** Seramai 31 pegawai kanan Tentera Darat (TD) dinaikkan pangkat dalam Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan TD disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di Dewan Zulkifeli Zin, Wisma Perwira TD pada 14 Jan 2019.

Majlis dimulakan dengan tiga pegawai kanan dipakaikan pangkat Brig Jen ke Mej Jen dimulai dengan Brig Jen Dato' Md Yusof Aziz menjawat jawatan sebagai Ketua Staf, Markas Angkatan Bersama diikuti Brig Jen Dato' Mahendra S.Sivapatha Sundram menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah Strategik, Bahagian Operasi dan Latihan Pertahanan, Markas Angkatan Tentera Malaysia (MK ATM) serta Brig Jen Dato' Hj Mohd Zulkipli Mohd Zahir kekal menjawat jawatan sebagai Juruiring TD kepada Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong.

Majlis diteruskan dengan pemakaian pangkat kepada empat pegawai kanan dinaikkan pangkat daripada Kol ke Brig Jen didahului Kol Anuar Abdul Wahab yang menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah Operasi, Bahagian Operasi dan Latihan Pertahanan, MK ATM, Kol Ahmad



Saifuddin Talha menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah Semboyan, MK TD, Kol Zainal Mohd Noor menjawat jawatan sebagai Panglima Grup Artilleri Pertahanan Udara (GAPU), MK GAPU manakala Kol Hj Azelan Abu Bakar menjawat jawatan sebagai Pengarah Jabatan Arah Kor Ordnans Diraja, MK TD.

Manakala lapan pegawai dinaikkan pangkat Lt Kol ke Kol dan 16 pegawai dinaikkan pangkat Mej ke Lt Kol.

Dalam ucapan PTD, beliau mengucapkan tahniah kepada semua pegawai yang dinaikkan pangkat dan selamat menjalankan tugas dengan penuh komited, jujur dan ikhlas.

"Majlis kenaikan pangkat ini membawa seribu pengertian kepada kita semua kerana ianya boleh dilihat sebagai satu ganjaran, prngiktirafan, rezeki malah ujian.

"Gunakanlah pangkat dan kuasa dengan nawaitu dan tatacara yang diredhai Ilahi kerana kita bukan sahaja ingin berjaya di dunia, bahkan juga di akhirat," ujar PTD

Turut hadir Timbalan Panglima Tentera Darat (TPTD), Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Datuk Azizan Md Delin dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Lt Jen Dato' Ya'akob Komang.



**KUALA LUMPUR:** Seramai 40 pegawai kanan Tentera Darat (TD) dari pelbagai kor dinaikkan pangkat dalam Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan TD yang disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM pada 13 Mac 2019.

Kenaikan pangkat dimulai dengan Brig Jen Dato' Muhammad Anwar Abdullah dinaikkan pangkat Mej Jen serta menjawat jawatan sebagai Asisten Ketua Staf MKTD - Cawangan Operasi dan Latihan serta dua pegawai kanan TD dinaikkan pangkat Brig Jen iaitu Kol Ajis Shariff yang menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah Perancangan Strategik, MK ATM - BPP manakala Kol Hassan Embong menjawat jawatan sebagai Panglima 30 Bgd.

Bagi kenaikan pangkat Lt Kol ke Kol, seramai sembilan pegawai dinaikkan pangkat dimulai dengan Lt Kol Ishak Ismail, Lt Kol Abdul Karim Ahmad, Lt Kol Sani S.Omar, Lt Kol Khairuddin Zakaria, Lt Kol Prof. Madya Dr. Mohd Zaini Salleh, Lt Kol Norulhisyam Md Shuib, Lt Kol Norzahari

Efandy Zakaria, Lt Kol Prof Madya Dr. Mohd Nor Yahya dan Lt Kol Syed Zulkifle Syed A.Rahman.

Manakala seorang pegawai kanan dinaikkan pangkat Kol Kehormat iaitu Lt Kol Datuk Hj Ramli Abu Bakar dan menjawat jawatan sebagai Juruiring kepada Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang.

Selain itu, PTD turut memakaikan pangkat kepada 27 pegawai yang dinaikkan pangkat dari Mej ke Lt Kol.

Pada masa sama, majlis kenaikan pangkat ini turut meraikan pegawai kanan yang dinaikkan pangkat lebih awal iaitu melibatkan empat pegawai kanan dinaikkan pangkat di Ladang Kamuning, Sg Siput, Perak pada 1 Mac 2019 dan tiga pegawai kanan dinaikkan pangkat pada 10 Mac 2019 bertempat di Padang Salcra Kedup II, Mongkos, Sarawak.

Turut hadir, Timbalan Panglima Tentera Darat (TPTD), Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Dato' Azizan Md Delin dan pegawai kanan TD. - Gambar: Saifun Hakimi Zainon



Oleh: Kpl Ainur Aisyah Yahaya

**KUALA LUMPUR:** Seramai 17 pegawai kanan dari pelbagai Kor Tentera Darat (TD) dinaikkan pangkat dalam Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan TD yang disempurnakan Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di Dewan Tanjung, Wisma Transit pada 30 Jan 2019.

Mendahului senarai, Brig Jen Dato' Hj Mohd Hassan Loman yang dinaikkan pangkat daripada Brig Jen ke Mej Jen dan menjawat jawatan sebagai Ketua Staf Am, Markas Pemerintahan Medan Barat TD serta Brig Jen Dato' (Dr) Zulkeffeli Mat Jusoh turut dipakaikan pangkat yang sama dan menjawat jawatan Pengarah Perubatan, Bahagian Perkhidmatan Kesihatan, MK ATM.

Majlis diteruskan dengan pemakaian pangkat kepada tujuh pegawai kanan yang dinaikkan pangkat daripada Kol ke Brig Jen didahului oleh Kol Zahari Mohd Ariffin menjawat jawatan sebagai Juruiring TD kepada Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Ke-XVI, Kol Hj Zulkefli Hj Abdullah menjawat jawatan sebagai Pengarah Pendidikan MK ATM, Kol (Dr) Mohamed Haizar Hj Haron menjawat jawatan sebagai Pengarah Perubatan Penerangan, 91 IPP, Kol (Dr) Omar Loman @ Abd Rahman menjawat jawatan sebagai Pakar Anestesia, HAT Mizan, Kol (Dr) Masdiamin Mohamad Nor menjawat jawatan sebagai Pakar Orthopedik, 94 HAT, Kol Hamzah Ali menjawat jawatan sebagai Ketua Komponen *Fusion Centre*, Komponen Perisikan Pertahanan, ESSCOM dan Kol Hj Ismail Hj Mogiri menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah Bahagian Bantuan Khidmat, Markas Pemerintahan Medan Timur TD.

Manakala empat pegawai dinaikkan pangkat dari Lt Kol ke Kol dan empat pegawai dinaikkan pangkat dari Mej ke Lt Kol.

Dalam ucapan PTD, beliau menyatakan bahawa lebih tinggi sesuatu pangkat, lebih tinggi tahap piawaian yang perlu dipenuhi serta cabaran mutlak seterusnya adalah memelihara prestasi diri dan kepercayaan organisasi.

"Kepada mereka yang dinaikkan pangkat pada hari ini, ingatlah bahawa sebagai pemimpin, saudara-saudara kini diamanahkan dengan tanggungjawab yang lebih besar lagi mencabar serta tanggungjawab melatih anggota bawahan untuk melaksanakan tugas demi organisasi".



"Namun saya percaya bahawa dengan kredibiliti yang sedia terbukti, apa jua kewajipan yang digalas akan dapat disempurnakan dengan jitu serta selamat menjalankan amanah dengan sebaik mungkin demi negara dan TD," ujar PTD.

Pada masa sama PTD turut menyampaikan Buku Dari Meja PTD kepada semua pegawai kanan yang hadir menyaksikan majlis pemakaian pangkat tersebut.

Turut hadir Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Datuk Azizan Md Delin, Panglima Medan Timur TD, Lt Jen Datuk Wira Zamrose Mohd Zain dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Lt Jen Dato' Pahlawan (Dr) Md Amin Muslan.

## **BERSAMA PEMIMPIN**

Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli  
Gambar: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan

**PULAU PINANG:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi melakukan Lawatan Ulung beliau ke Markas Divisyen Kedua Infantri Malaysia (MK 2 Div) dan disambut oleh Panglima 2 Div, Mej Jen Dato' Mardzuki Muhammad pada 11 Feb 2019.


Sebaik ketibaannya, PTD menerima tabik hormat dari Kawalan Kehormatan Utama (KKU) daripada Rejimen Ketiga Kor Armor Diraja (3 KAD) melibatkan tiga pegawai dan 103 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) diketuai oleh Mej Ibrahim Shahrudin diiringi Pancaragam Gabungan dari Brass Band 2 RAMD, 6 RAMD dan 3 KAD bertempat di Padang Kawad MK 2 Div.

PTD seterusnya memeriksa perbarisan KKU dan selesai acara tersebut beliau diperkenalkan kepada pegawai-pegawai staf MK 2 Div serta



## **Lawatan PTD Ke MK 2 Div**





disusuli sesi taklimat di Bilik Mesyuarat MK 2 Div.

Lawatan diakhiri dengan penyerahan buku Dari Meja Panglima Tentera Darat (DMPTD) oleh PTD kepada Panglima 2 Div dan Panglima-Panglima Formasi naungan

2 Div.

Turut hadir Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Datuk Azizan Md Delin, AKS OPLAT, Mej Jen Dato' Hj Ya'cob Hj Samiran dan Panglima-Panglima Formasi naungan 2 Div.



**BERSAMA PEMIMPIN**

# PTD Lawat MK 3 Div

Oleh: Kpl Ainur Aisyah Yahaya

Gambar: Saifun Hakimi Zainon

**MELAKA:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi melakukan Lawatan Ulung beliau ke Markas Divisyen Ketiga Infantri Malaysia (MK 3 Div) lalu disambut oleh Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman di Perkarangan MK 3 Div pada 11 Jan 2019.

Beliau seterusnya memeriksa Kawalan Kehormatan Utama (KKU) terdiri daripada tiga pegawai dan 103 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) diketuai oleh Mej Mohd Faimy Fadly Md Yusub dan diiringi pancaragam dari *Brass Band* Rejimen Kedua Kor Amor Diraja (2 KAD).



Selesai KKU, PTD diperkenalkan kepada pegawai-pegawai seterusnya sesi bergambar dan beliau dibawa ke Bilik Gerakan MK 3 Div untuk mendengar taklimat lawatan.

Sejurus menunaikan Solat Jumaat bersama warga Kem Terendak, PTD dibawa ke Padang Pavilion untuk menyaksikan gimik serta merasmikan demonstrasi keupayaan *Multi Channel Radio System* (MCRS).

Serba ringkas mengenai MCRS yang merupakan sistem komunikasi radio relay yang baharu di dalam perkhidmatan TD khasnya dan kepada Kor Semboyan Diraja (RSD) yang mana kemudahan komunikasi melalui video, data dan





suara berkapasiti tinggi menggunakan *ip-based* sepenuhnya serta untuk menyediakan rangkaian komunikasi jalur lebar berkapasiti tinggi bagi menghubungkan MK Tak Div ke MK Tak Bgd dan kawasan senggaraan Bgd.

Lawatan diakhiri dengan menandatangani Buku Lawatan Kerja dan acara bergambar.

Turut hadir Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Datuk Azizan Md Delin, Pengerusi Kor RSD, Mej Jen Dato' Ahmad Hadiatullah Maknun Hj Ridzuan dan AKS Perisikan, Brig Jen Dato' Rezil Shahidin.





Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli  
Gambar: Saifun Hakimi Zainon

**KUALA LUMPUR:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi melakukan Lawatan Ulung beliau ke Markas Divisyen Keempat Infantri Malaysia (MK 4 Div) dan disambut oleh Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin bertempat di Perkarangan MK 3 Div pada 17 Jan 2019.

Sebaik ketibaannya, PTD menerima tabik hormat dari Kawalan Kehormatan Utama (KKU) dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (1 RAMD) melibatkan tiga pegawai dan 103 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) diketuai Mej Syah Wira Ma'arof serta diiringi oleh Pancaragam Pusat RAMD.

Selesai KKU, PTD diperkenalkan kepada pegawai-pegawai dan beliau dibawa ke Bilik Gerakan MK 4 Div untuk mendengar taklimat lawatan

## **PTD Lawat MK 4 Div**



serta turut menanam pokok di Mini Dusun 4 Div.

PTD kemudian dipertontonkan Demonstrasi Kawad Menyuraikan Rusuhan oleh Batalion Pertama Rejimen Renjer Diraja (1 RRD) di Padang Kawad 1 RRD dan lawatan diakhiri dengan menandatangi Buku Lawatan serta penyampaian cenderhati.

Turut hadir Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Datuk Azizan Md Delin, Panglima 11 Bgd, Brig Jen Dato' Dr Mohd Radzi Hj Abdul Hamid dan Panglima 12 Bgd, Brig Jen Abd Malik Jiran.





## **PTD Lawat Kem Syed Sirajuddin**

Kpl : Ainur Aisyah Yahaya  
Gambar: Saifun Hakimi Zainon

**NEGERI SEMBILAN:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi melakukan Lawatan Ulung beliau ke Kem Syed Sirajuddin pada 7 Feb 2019.

Beliau kemudian menerima tabik hormat dari kawalan suku oleh anggota Pusat Olah Perang TD (POP TD) lalu diperkenalkan kepada pegawai dan seterusnya PTD dibawa ke Bilik Gerakan untuk mendengar taklimat lawatan oleh Pengarah POP TD, Kol Abdul Razak Hussain.

Lawatan PTD diteruskan ke pasukan 391 Bti RAD dan beliau turut diberi Taklimat Pengoperasian di Bilik Sektor Operasi oleh Ketua Bateri, Lt Kol Zulkefli Hj Nordin.

Sejurus menunaikan solat Zohor bersama warga Kem Syed Sirajuddin, PTD dibawa ke kawasan latihan manuver jambatan untuk menyaksikan demonstrasi aset 4 Skn RAJD (Jn) dan turut melibatkan aset dari 14 RAMD (Mek) seperti pemasangan *Tactical Mobility Support System* (TMSS), pembinaan rakit 30meter serta pembinaan jambatan taktikal lengkap 32 meter.

Turut hadir Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Datuk Azizan Md Delin, Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Mohammad Abdul Rahman, AKS OPLAT, Mej Jen Dato' Ya'acob Samiran, Ketua Jurutera, Mej Jen Dato' Pahlawan Hj Ahmad Nasir Hj Abdul Rahman dan AKS Perisikan, Brig Jen Dato' Rezil Shahidin.



BERSAMA PEMIMPIN



## Lawatan Kerja MENHAN Ke MK 30 Bgd

Oleh : Lt Ataillah Afham Kamarol Zaman  
Gambar : LKpl Muhammad Iszam Ishnин

**PERLIS:** Menteri Pertahanan, Hj Mohamad Sabu telah meluangkan masa dalam Lawatan Kerja ke Kem Bukit Cowder dan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) pada 5 Jan 2018.

Beliau memulakan lawatan di Kem Bukit Cowder dan diberi taklimat mengenai sejarah penubuhan MK 30 Bgd, peranan dan tugas, G,A dan Q MK 30 Bgd, serta permasalahan logistik yang dihadapi MK 30 Bgd oleh Panglima 30 Bgd, Brig Jen Hashim Aman Shah.

Seterusnya, beliau telah melawat dua buah RKAT bagi melihat keadaan rumah dan mendengar sendiri permasalahan yang dialami oleh anggota tentera di Kem Bukit Cowder serta melihat sendiri dengan lebih dekat keadaan RKAT yang sedang dalam pembinaan.

Lawatan ini dilihat dapat meningkatkan lagi hubungan di antara formasi dan juga pihak atasan dalam mengetahui permasalahan yang dihadapi oleh pegawai dan anggota LLP.



Turut hadir Panglima 2 Div, Mej Jen Dato' Mardzuki Muhammad, Panglima 6 Bgd, Brig Jen Dato' Abdul Aziz Hj Ismail dan Kol Kamarudin Mat Jani Pegawai Memerintah UPKAT, serta Pegawai Memerintah naungan MK 30 Bgd.

## MENHAN Lawat Kem Slim

**PAHANG:** Kompeni Bravo Batalion 165 Risik TD telah menerima lawatan dari Menteri Pertahanan Hj Mohamad Sabu bertempat di Kem Slim, Tanah Rata pada 9 Jan 2019.

MENHAN diberikan taklimat mengenai Bn 165 Risik TD serta perihal Kem Slim oleh Ketua Perisikan, Kol Hj Mohamad Fauzi Abdul Majid serta dibawa melawat Bilik Gerakan Kompeni Bravo, Dewan Makan, Kelab Kompeni serta Bilik Bujang anggota.

Sepanjang tempoh lawatan, MENHAN dilihat menekankan perbincangan isu berkaitan kediaman anggota dan sepanjang pemerhatian beliau terhadap RKAT Kem Slim, beliau dilihat berpuas hati dengan keadaan

semasa prasarana kediaman yang ada.

selain itu, beliau juga mengiktiraf kejayaan operasi pasukan.

Warga Kompeni juga berpeluang bergambar bersama MENHAN serta diakhiri dengan pertukaran cenderahati di antara Ketua Perisikan dan MENHAN.

Diakhir lawatan MENHAN merakamkan penghargaan terima kasih atas program yang diatur dan menyatakan hasrat untuk datang kembali ke Kem Slim.

Turut hadir Panglima Briged Keempat Infantri (Mek), Brig Jen Engr Reizal Arif Tan Sri Ismail. - Sel GSPS Bn 165 Risik TD



# Timbalan MENHAN ke Kem Lok Kawi



Oleh: Kapt Muhammad Yasin  
Gambar : Pbt Gary Pangabang

**SABAH:** Timbalan Menteri Pertahanan Liew Chin Tong mengadakan Lawatan Kerja ke Kem Lok Kawi pada 17 Jan 2019.

Lawatan yang julung kali diadakan itu bertujuan untuk mengetahui perkembangan kemudahan infrastruktur yang terdapat di dalam Kem

selain dapat beramah mesra bersama warga Kem Lok Kawi.

Beliau diiringi oleh Panglima Medan Timur Tentera Darat (PMT TD), Lt Jen Datuk Wira Zamrose Mohd Zain dan acara lawatan dimulakan dengan pemeriksaan Kawalan Kuarter dan diteruskan dengan taklimat berkaitan perkara Gerakan, Tadbir dan juga Logistik disampaikan oleh Panglima 5 Bgd, Brig Jen Muhammad Hafizuddeain Jantan.

Beliau kemudiannya dibawa mela-wat sekitar tapak Projek Perumahan RKAT dan infrastruktur yang perlu dibaiki didalam Kem Lok Kawi.

Pada masa sama beliau turut berkesempatan mengadakan sesi ramah mesra dan jamuan makan tengahari bersama warga Kem Lok Kawi.

Turut hadir Panglima Angkatan Petugas 450, Mej Jen Dato' Mohamad Khir Abdullah dan Pengawai Memerintah dan Pemerintah di dalam Kem Lok Kawi.

## PTD Lawat MK AT 450

**SABAH:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, melakukan Lawatan Ulung ke Markas Angkatan Petugas (AT) 450 pada 24 Jan 2019.

Ketibaan beliau disambut oleh Panglima Medan Timur TD, Lt Jen Datuk Wira Zamrose Mohd Zain dan Panglima AT 450, Mej Jen Dato' Mohamad Khir Abdullah.

PTD seterusnya memeriksa perbarisan Kawalan Kehormatan Utama (KKU) daripada Batalion Ke-22 Rejimen Askar Melayu Diraja (22 RAMD) dan disusuli

dengan sesi taklimat di Bilik Mesyuarat MK AT 450.

Fokus utama lawatan adalah untuk memantau kesiagaan TD di Wilayah Malaysia Timur khususnya di Sabah.

Mengimbas sejarah AT 450 ianya ditubuhkan pada 27 Mac 2014 di Kem Lok Kawi ekoran tercetusnya insiden pertempuran OP DAULAT pada 27 Feb 2013.

Ia kemudian berpindah ke Kem Paradise, Kota Belud pada 15 Apr 2015 dan dirancang untuk dijadikan Divisyen Ke-5 Infantri Malaysia yang bertanggungjawab mempertahankan Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan yang berkeluasan 73,631 km dengan kawasan pesisiran pantai seluas 2,344.6 km dari sebarang ancaman.


Formasi yang diletakkan dibawah pemerintahan AT 450 adalah 13 Bgd ESSCOM, Trup Div dan 5 Bgd.

Terdahulu PTD mengadakan Kunjungan Hormat kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua (TYT) Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar Haji Mahiruddin di Istana Negeri.

Turut hadir Panglima 5 Bgd, Brig Jen Muhammad Hafizuddeain Jantan dan Panglima 13 Bgd ESSCOM, Brig Jen Datuk Arman Rumaizi Hj Ahmad. - Mej Helmi, Gambar: Kpl Shazwan



LIMA LANGKAWI



# LIMA 19

## Gempa Langit Langkawi

Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli

Gambar: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan

**KEDAH:** Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2019 (LIMA 19) mengegarkan Pulau Langkawi dengan aksi pembukaan begitu menakjubkan dengan pelbagai pesawat berjaya menampilkan aksi aerobatik yang memukau penonton bertempat di Pusat Pameran Antarabangsa Mabsuri (MIEC) pada 26 Mac 2019.

Terdahulu dari itu Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad merasmikan acara pembukaan yang mana beliau merupakan pemimpin yang memperkenalkan pameran bertaraf antarabangsa itu buat kali pertama dianjurkan pada

1991 sekali gus menjadikan Pulau Langkawi sebagai tarikan utama pelancongan dunia.

Pameran dwi-tahunan yang masuki edisi ke-15 ini berlangsung selama lima hari mulai 26 hingga 30 Mac 2019 di mana sebanyak 406 syarikat pertahanan, komersial dari 32 buah negara terlibat dalam LIMA 19 meliputi 206 syarikat tempatan dan 200 syarikat antarabangsa.

Selain itu, pada kali ini LIMA 19 mempunyai temanya yang tersendiri iaitu Jaringan Kecerdasan Pertahanan dan Perdagangan Komersil.

Dalam ucapan Perdana Menteri semasa acara perasmian, beliau mahu

jadikan Malaysia sebagai negara aeroangkasa terkemuka di Asia Tenggara dan merupakan sebahagian daripada pasaran global sejajar dengan Rangka Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030.

"Malaysia terkenal di peringkat global dengan produk aeroangkasa berkualiti yang dihasilkan untuk pengeluar aeroangkasa global seperti Airbus, Boeing, Rolls-Royce, Safran, Honeywell dan Thales.

"Tahun 2018 Industri Aeroangkasa Malaysia menyaksikan perkembangan positif terutamanya dalam pembuatan aeroangkasa dan perniagaan MRO (Penyelenggaraan, Pembaikan &



## LIMA LANGKAWI

Pemulih) di mana destinasi eksport meliputi negara Amerika Syarikat (AS), Singapura, United Kingdom, China dan Perancis," kata Tun.

Perdana Menteri turut menyaksikan *Opening Gambit* oleh pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dengan aksi lima buah pesawat Su-30MKM, tiga buah pesawat F/A-18D Hornet, lima buah pesawat Hawk 108/208, lapan buah pesawat PC-7 MK II, tiga buah pesawat A400M, dua buah helikopter Nuri dan tiga buah helikopter EC 725AP.

Mengimbang sejarah LIMA ianya merupakan ilham Tun Dr Mahathir Mohamad yang bertujuan untuk menjadi platfrom bagi pesawat-pesawat ringan dan eksperimen untuk diterbangkan bagi mengelakkan kesesakan trafik udara.

Kini, LIMA telah berubah dan menjadi satu tempat terbaik bagi pengeluar dan industri yang berkaitan dalam bidang aeroangkasa dan maritim untuk mempromosikan teknologi terkini kepada para pemimpin awam dan tentera di Malaysia dan negara-negara di Asia Pasifik.

Pameran ini mempunyai dua segmen utama iaitu segmen aeroangkasa yang berpusat di MIEC dan segmen maritim di *Resort World Langkawi*. (RWL).

Segmen maritim menyaksikan persembahan dan demonstrasi menyelamat tebusan oleh gabungan pasukan elit dari Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Pasukan Polis Marin (PPM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Demonstrasi maritim yang diadakan di *Resort World Langkawi* ini adalah berkonsepkan misi menyelamat dengan kerjasama pelbagai agensi (*inter-agency coordinated rescue mission*).

Turut hadir Menteri Pertahanan, Hj Mohamad Sabu, Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli Hj Zainal Abidin, Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, Panglima Tentera Udara Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang dan Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Mohd Reza Mohd Sany.





# Tun M Lancarkan TRC 5200



Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli

**KEDAH:** Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad melancarkan Radio TRC5200 diiringi Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi bertempat di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) pada 26 Mac 2019.

TRC5200, radio VHF mudah alih terkini yang dibangunkan Sapura Secured Technologies merupakan teknologi dalam sistem pertahanan yang dibangunkan 100 peratus melalui kepakaran tempatan.

Pelancaran itu penuh dengan simbolik kerana Tun Dr. Mahathir sendiri pernah merasmikan radio mudah alih generasi pertama, TRC5102 pada 20 tahun lalu sewaktu LIMA 1997.

Radio generasi kedua ini mempunyai pemprosesan digital berprestasi tinggi dan penyiaran digital dengan penyulitan terbina bagi memastikan komunikasi yang dibuat selamat dan tidak terdedah dengan kerahsiaannya terjamin.

Peranti ini juga membolehkan perhubungan data antara radio di mana ia membenarkan penghantaran mesej ringkas di antara pengguna.

Antena GPS yang dimiliki alat ini membolehkan markas operasi dan



komander untuk menjelaki anggota melalui aplikasi Blue Force Tracking yang dibangunkan secara bersama.

Selain itu, ianya melalui proses penyelidikan dan pembangunan selama 20 tahun oleh jurutera dan pakar-pakar di Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Mohd Zarif Hashim, berkata radio tentera itu akan dijual kepada Angkatan Tentera Malaysia dan juga ke pasaran luar negara.

"Ujian lapangan telah dilaksanakan di beberapa buah negara di seluruh dunia termasuk ATM, bagaimanapun

kami tidak boleh mendedahkan negara mana yang sedang kami berbincang bagi menjual peranti ini kerana tertakluk dengan kerahsiaan.

"Namun, apa yang boleh saya katakan negara berpotensi ini berada di rantau ini, Asia Barat dan juga di Afrika serta produk ini juga dijual dengan kerjasama rakan niaga kami supaya boleh dipasarkan ke seluruh dunia," katanya.

Turut hadir Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Sapura Energy Bhd, Tan Sri Shahril Shamsuddin.

## PTD Kunjungi LIMA 19



Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli  
Gambar: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan  
dan Kpl Mohd Zulkifli Awang

**KEDAH:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi melawat booth pameran Langkawi

*International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA 19)* bertempat di *Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC)* yang diadakan dari 26 hingga 30 Mac 2019.

LIMA merupakan acara dwi-tahunan yang diadakan pada bulan Mac, setiap dua tahun di Pulau Langkawi yang bertujuan sebagai platform bagi pengeluar dan industri yang berkaitan dalam bidang aeroangkasa dan maritim untuk mempromosikan teknologi terkini kepada para pemimpin awam dan tentera di Malaysia serta negara-negara di Asia Pasifik.

Disamping melawat ke tapak pameran, PTD turut dikunjungi oleh delegasi tentera luar negara di pejabatnya yang berada di MIEC.

Selain itu, beliau mengiringi Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah selaku Kolonel Yang Dipertua RAMD melawat tapak pameran LIMA 19.

Pameran ini dibahagikan kepada dua segmen yang berlainan di mana pameran udara diadakan di MIEC manakala bagi segmen maritim pula diadakan di *Resort World Langkawi (RWL)*.

PTD juga berkesempatan menaiki KD Perantau

dalam Program *Fleet Review* yang turut dihadiri oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Pertahanan, Hj Mohamad Sabu di RWL.



Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli  
Gambar: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan

**PERAK:** Seramai 36 pegawai dan 526 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) terlibat dalam Perbarisan Pengisytiharan Penstrukturkan Semula RAJD disempurnakan Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di Padang Kawad Kem Sangro pada 11 Feb 2019.

Ketibaan PTD disambut oleh Pengerusi RAJD, Mej Jen Dato' Pahlawan Hj Ahmad Nasir Hj Abd Rahman seterusnya menerima tabik hormat dari Ketua Perbarisan, Kol Fazillah Ibrahim diiringi Pancaragam Pusat Kor Armor Diraja (KAD).

Mengimbas kembali sejarah penubuhan RAJD 66 tahun yang lalu, RAJD telah ditubuhkan pada 22 Apr 1953 serta berjaya melaksanakan peranan tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang sebagai sebuah kor yang bertunjangkan kepada kejuruteraan.

RAJD mempunyai keunikan yang tersendiri dan semakin berkembang seiring dengan perkembangan TD dimana penstrukturkan semula RAJD merupakan satu langkah untuk mendokong peranan dan tugas yang bersesuaian dengan keperluan semasa.



# RAJD

## Distruktur Semula

Penstrukturkan ini melibatkan pertukaran designasi tiga buah pasukan, pembubaran sebuah pasukan dan penubuhan lima buah pasukan baharu yang mana ianya telah memberi peluang kenaikan



pangkat kepada 129 perjawatan pegawai dan 673 perjawatan LLP serta struktur pasukan yang lebih teratur.

Simbolik perbarisan





dua segmen iaitu Perbarisan Pengisytiharan Penstrukturian Semula RAJD dan Demonstrasi Keupayaan RAJD melibatkan aset Bahagian Geospatial Pertahanan (BGSP), Jambatan, CBRNe dan pemusnahan.

Selain itu, turut diadakan persembahan sajak nukilan Mej Baharuddin Noryat yang mengisahkan kepada pembubaran pasukan 92 Skuadron Simpan RAJD serta disusuli dengan penyerahan bendera pasukan yang dibubarkan kepada Komandan Institut Kejuruteraan Medan TD

ini adalah acara menurunkan bendera pasukan yang dibubarkan iaitu 92 Skuadron Simpan RAJD dan menaikkan bendera lima buah pasukan baharu iaitu 91 Unit Perkhidmatan Kejuruteraan Angkatan Tentera (91 UPKAT), 92 UPKAT, 93 UPKAT, 94 UPKAT dan 95 UPKAT.

Manakala bagi petukaran designasi tiga buah pasukan terdiri dari 91 Rejimen Bantuan RAJD, MK RAJD Pakar (Askar Wataniah) dan 12 Skn RAJD Chemical Biological Radiological Nuclear Explosive (CBRNe).

Perbarisan ini melibatkan

selaku Pengerusi Muzium RAJD Institut Kejuruteraan.

Majlis diteruskan dengan penyerahan bendera oleh PTD kepada pasukan-pasukan baharu RAJD serta upacara menaikkan bendera pasukan baharu disusuli dengan upacara menandatangani ruangan terakhir Buku Lawatan 92 Skn RAJD dan menandatangani muka surat pertama pasukan-pasukan baharu.

Turut hadir Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Datuk Azizan Md Delin, Panglima 2 Div, Mej Jen Dato' Mardzuki Muhammad, AKS OPLAT, Mej Jen Dato' Hj Ya'cob Hj Samiran, Panglima-Panglima Formasi naungan 2 Div, mantan-mantan Ketua Jurutera serta Veteran RAJD.





# REZEKI KUALA SEPETANG



Jika tidak pecahkan ruyung manakan dapat sagunya sebuah pepatah yang begitu mendalam ertinya yang membawa maksud, setiap apa yang dilakukan oleh seseorang itu haruslah bersungguh-sungguh untuk berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi.

Sudut inspirasi kali ini menemubual seorang pesara tentera yang telah berjaya dalam bidang yang diceburinya. Sikap yang rendah diri serta cepat mesra membuatkan beliau mudah ditemubual. Ikutilah wawancara **Wartawan Berita Tentera Darat Malaysia (BTDM) Saifun Hakimi Zainon dan Jurugambar Sjn Saiful Fazley Rusli** yang berkesempatan menemuramah dengan seorang pesara tentera.

PW II Mohd Jusri Mohd Yusoff (B) bukanlah nama yang terkenal yang biasa didengar seperti wakil rakyat, tetapi jika di Kuala Sepetang, Taiping, Perak pasti akan tersenyum bila menyebut namanya ditambah pula sikapnya yang ramah membuatkan beliau disenangi oleh rakan dan penduduk setempat yang mengenalinya.

Anak kelahiran Kg Belantik Sik, Kedah, pada usia remajanya beliau begitu meminati bidang ketenteraan dan pada tanggal 10 Okt 1990 merupakan satu detik perubahan yang besar dalam hidupnya kerana beliau terpilih menjalani latihan di Pusat Latihan Rekrut (PLR) di Port Dickson selama enam bulan yang telah memberikan beliau satu impak yang besar dalam hidupnya.

Apabila tamat latihan, beliau telah diserapkan ke Rejimen Pertama Artilleri Diraja (Para) terletak di Kem Terendak Melaka. Ketika beliau di dalam perkhidmatan beliau begitu komited dengan tugas dan tanggungjawab dengan apa jua yang diamanahkan oleh pihak atasannya kepadanya.

Mungkin seseorang itu sukar untuk membuat sesuatu keputusan dalam satu-satu perkara, tetapi bagi beliau apa yang diperlukan sekarang adalah persiapan untuk menempuh cabaran yang ada diluar, itu adalah perkara pertama yang harus difikirkan sebelum menamatkan perkhidmatan daripada ATM.

Semasa Kursus Peralihan sebelum menamatkan perkhidmatan beliau telah membuat keputusan untuk mendalami kemahiran dalam bidang teknologi komputer selama 18 bulan, setelah tamat beliau pada peringkat awalnya membuka peniagaan sewaan PA Sistem dan perkhidmatan sebagai Juruhebah dimajlis-majlis perkahwinan dan majlis siar raya sekitar Taiping.

Masih tercari-cari kepuasan dalam diri dan minat yang mendalam pada aktiviti *outdoor* membuatkan beliau berfikir sejenak akan keindahan semula jadi Kuala Sepetang yang dapat menjadi tarikan para pelancong dari dalam dan luar negara serta peminat fotografi untuk menerokai keindahan flora serta fauna yang terdapat di kawasan tersebut.

Kebetulan tempat beliau bermastautin tidak jauh dari Kuala Sepetang, perjalanan mengambil masa lebih kurang 20 minit, maka terdetik dihatinya untuk meneroka sektor perlancongan di Kuala Sepetang.

Pada permulaan beliau hanya membantu abang ipar beliau membawa pelancong bagi mengisi masa cuti sebelum bersara,

## SUDUT INSPIRASI

hanya sekadar suka-suka sahaja. Malah bidang pengembaraan dan *outdoor* ini sudah sebat dengan jiwa beliau bekas seorang anggota tentera 10 Bgd (Para). Tugasan pertama beliau pada tahun 2012 mengendalikan lawatan dari pelajar Polyteknik Sultanah Bahiyah Kulim Kedah membuat lawatan ke Kuala Sepetang. Tiada masalah bagi beliau kerana beliau menggunakan pengalaman beliau dalam tentera sepenuhnya bagi menguruskan lawatan tersebut kerana beliau dahulu pernah menjawat jawatan RKMS dalam pasukan 1 RAD(Para) dan 2 RAD.

Mengimbau detik permulaan beliau dalam industri pelancongan semua para pelancong yang ingin melawat Kuala Sepetang akan hanya dibawa menaiki bot tongkang berenjin diesel yang merupakan cabaran buat beliau kerana terlalu perlahan untuk bergerak. Lalu atas inisiatif yang ada beliau telah berjumpa En Lim yang merupakan tauke bot di Kuala Sepetang lalu menyewanya bagi memberi keselesaan kepada para pelancong di mana bot tersebut boleh memuatkan sekitar 10 orang penumpang. Bermula dari situ beliau memasang impian untuk memiliki bot sendiri kerana tidak tahan dengan karenah birokrasi pemilik bot.

Dengan tekad untuk berjaya beliau mengeluarkan modal sekitar RM 50,000 hasil duit pencen tentera untuk membeli sebuah bot pelancong termasuk enjin di Sungai Petani Kedah dan dibawa ke Kuala Sepetang pada hujung 2013. Tiada masalah bagi beliau untuk mengendalikan bot tersebut kerana beliau terlebih dahulu mengambil lesen Jurumudi Bot, dibawah Jabatan Laut Malaysia di Pulau Pinang pada awal tahun 2013. Bagi beliau memiliki lesen amat dititik beratkan kerana faktor keselamatan dan keyakinan buat pelancong untuk menggunakan perkhidmatan beliau.

Memulakan kerjaya sepenuh masa sebagai pemandu pelancong setelah berjaya memiliki lesen Pemandu Pelancong Alam Semulajadi pada penghujung tahun 2013. Di daerah Larut Matang hanya dua orang saja yang



memiliki lesen Pemandu Pelancong Alam Semulajadi termasuk PW II Mohd Jusri Mohd Yusoff (B). Banyak ilmu dan selok-belok hutan bakau dan spises yang dipelajarinya dari Jabatan Hutan Kuala Sepetang, yang mana ilmu tersebut perlu didalami bagi memudahkan penerangan kepada para pelancong dan pelajar yang datang menggunakan perkhidmatan beliau.

Oleh kerana banyak permintaan untuk program *outdoor* dan *teambulding*, PW II Mohd Jusri Mohd Yusoff (B), memerlukan tambah nilai dalam kerjaya, dengan menghadiri Kursus Asas Reakrasi di Kedah. Setelah lulusnya kursus

tersebut dan mendapat pentaulihan sebagai Jurulatih Reakrasi dapat memberi keyakinan pihak pelancong termasuk pihak guru dan ketua rombongan untuk mengambil PW II Mohd Jusri Mohd Yusoff (B) bagi mengendalikan



program *outdoor*.

Pada Nov 2015 beliau menerima pencalonan dari Majlis Perbandaran Taiping untuk Anugerah Pemandu Pelancong Peringkat Negeri Perak. Tourism Perak membuat pilihan tepat apabila memilih PW II Mohd Jusri Mohd Yusoff (B) untuk menerima Anugerah Pemandu Pelancong Negeri Perak, yang disampaikan oleh Menteri Besar Perak, Dato Seri Zamry Kader dan pada tahun yang sama beliau mendapat pengiktirafan dari PERHEBAT (Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera) dimana beliau di panggil untuk menerima Anugerah Mentor Usahawan Eko Pelancongan PERHEBAT 2015 oleh Menteri Pertahanan Dato Seri Hishamudin Tun Hussain.

Selain itu, beliau amat bersyukur dan berterima kasih kepada isteri dan keluarga yang tidak mengenal erti jemu menyokong kerjaya kedua beliau selepas bersara daripada ATM. Tahun 2015 sukar dilupakan kerana banyak kenangan pahit dan manis dalam menempuh bidang yang beliau ceburi kini.

Cabarannya yang sukar dilupakan, bot beliau beberapa kali karam disebabkan situasi fenomena air pasang besar dan pelancong yang buat tempahan disambang pesaing dalam bidang yang sama. Ada ketika pengusaha bot Kuala Sepetang hendak memukul beliau, namun beliau bersabar dan tidak melawan tindakan tersebut walaupun beliau mampu untuk melawan. Bagi beliau kesabaran itu penting bagi menghadapi ujian dan cabaran untuk berjaya.

Kini beliau boleh menarik nafas lega dengan tiga orang pekerja yang membantu beliau di Kuala Sepetang yang mana akan menguruskan segala tempahan para pelancong setiap minggu terutama pada hari cuti. Sehingga ke hari ini dengan tiga bot yang diusahakannya, pendapatan bulanan beliau boleh mencapai sehingga RM 10,000 sebulan bersih hasil daripada usaha kerasnya.

Selain itu, pada penghujung tahun 2016 beliau menerima surat panggilan untuk berkursus di bawah INSKEN (Institut Keusahawanan Negara) untuk menjadi seorang biskaunselor INSKEN. Antara ramai biskaunselor INSKEN, beliau adalah calon tunggal dalam bidang pelancongan. Pegawai INSKEN juga amat berpuashati bila berurusan dengan beliau yang mudah memberi kerjasama serta tidak kedekut ilmu untuk berkongsi, demi membantu usahawan

yang baharu menceburi bidang eko pelancongan ini.

Sepanjang bertugas sebagai biskaunselor, pihak INSKEN beberapa kali membawa beliau menyertai program *outreach* membantu usahawan termasuk di Tawau, Kuala Terengganu dan di Ipoh Perak. Pada tahun 2017 beliau diberi kepercayaan oleh INSKEN untuk membantu usahawan eko pelancongan dalam membangunkan projek pembangunan modal insan. Beliau dan pegawai INSKEN akan ke Keningau, sebulan sekali bagi memberi tunjuk ajar serta menaikkan industri eko pelancongan disana seperti beliau bangunkan Kuala Sepetang sehingga NCIA (Koridor Utara) memilih beliau diantara usahawan berjaya untuk bertemu Perdana Menteri di Putrajaya.

Beliau melihat bidang pelancongan merupakan salah satu industri penjana ekonomi negara yang mendapat perhatian dari Perdana Menteri. Kenangan manis 2017 beliau menerima tempahan lawatan dari Deligasi Kementerian Perhutanan dan Perikanan Myanmar, mereka seramai 18 orang yang diketuai Ketua Pengarah Perhutanan Myanmar. Mereka menggunakan perkhidmatan beliau untuk lawatan tersebut serta mempelajari selok-belok pengurusan hutan bakau kerana di Kuala Sepetang pernah memenangi pengurusan hutan bakau terbaik dunia.

Apabila beliau bertugas mengendalikan lawatan dari luar negara, perkara utama adalah imej negara Malaysia perlu dijaga. Beliau juga pernah terlibat dengan pengambaran siaran tv berkaitan pelancongan dan pengembaraan di Kuala Sepetang termasuk dari stesen TV3, RTM, Astro Awani, TV Al-Hijrah dan Bernama TV. Personaliti beliau yang mudah memberi kerjasama dan menunjukkan tempat menarik untuk dirakam membuatkan krew pengambaran senang untuk membuat tugas pengambaran berjalan dengan lancar.

Sebelum mengakhiri perbualan beliau berharap kepada anggota yang akan bakal bersara nanti dapat membuat persediaan yang lebih untuk bersaing di dunia luar.

"Saya ingin berpesan kepada bakal-bakal pesara agar

berani mencuba sesuatu yang baharu dan yakin pada diri sendiri dalam membuat sesuatu keputusan yang melibatkan masa depan diri sendiri serta keluarga kerana ramai pesara yang berjaya dalam perniagaan yang diceburi dan ramai juga pesara yang mengalami kesempitan hidup setelah bersara.


"Apakah yang penting adalah usaha dengan bersungguh-sungguh dan bertawakkal dahulu kerana rezeki yang berkat itu akan menyusul bila kita bersyukur dan tidak lupa berse-dekah serta berkongsi pada mereka yang memerlukan. Pada usahawan di luar sana, jika ada rezeki yang lebih jang lupa membayar zakat dan membantu orang yang memerlukan jika ingin mendapat rezeki yang berkat," jelas beliau.

Serba sedikit sejarah Kuala Sepetang, merupakan nama asal bagi Port Weld dan kini Kuala Sepetang adalah nama rasmi yang telah diisytiharkan oleh Kerajaan Negeri Perak. Kuala Sepetang terletak di kuala sungai yang menghadap Selat Melaka di sebelah barat iaitu di negeri Perak dalam daerah Larut Matang Taiping.

Tempat yang berhampiran dengannya ialah Matang, Au Long, Kamunting dan Taiping, kawasan ini merupakan kawasan paya bakau yang sangat luas. Hutan paya bakau ini diuruskan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Hutan bakau yang terurus dengan cantik disini menjadi satu daya

tarikan dari pelancong kerana pernah memenangi Pengurusan Hutan Bakau Terbaik Dunia di peringkat antarabangsa.

Makanan Istimewa di Kuala sepetang ialah Mee Udang yang banyak dan kedai makan yanag ada di sepanjang menyediakan pelbagai citarasa mee udang manakala pentadbiran Bandar Kuala Sepetang merupakan salah sebuah mukim yang terdapat dalam negeri Perak.




**S**udah menjadi kelaziman setiap anggota tentera yang berkhidmat sekitar tahun 80-an menyimpan pelbagai kenangan pahit manis yang mengusik jiwa, suka duka ketika mengharungi pahit getir di perbatasan hingga meninggalkan kesan yang mendalam ke atas sesetengah anggota terbabit.

Bagi keluaran kali ini, **Wartawan Berita Tentera Darat Malaysia (BTDM)**, SSJn Vijay Gaundar Arikrishnan dan Jurugambar Sjn Saiful Fazley Rusli mengupas rentetan hidup seorang lagi perajurit daripada ribuan anggota tentera yang cedera akibat bertempur dengan penganas komunis semasa menjalankan operasi akibat perbuatan petualang negara yang cuba menggagalkan misi pasukan keselamatan dalam usaha membawa keamanan kepada bangsa, agama dan negara.

Kpl Tamil Selvam (Bersara), 59, menyertai Tentera Darat (TD) ketika berusia 20 tahun pada 25 Jun 1980 dan menjalani latihan rekrut selama enam bulan di pasukan Rejimen Renjer Diraja (RRD) yang mana ketika itu rata-rata rekrut diserapkan terus ke kor bagi menjalani latihan tentera. Selepas menamatkan latihan asas rekrut, beliau ditempatkan di 9 RRD yang berpangkalan di Kangar, Perlis.

# 26 Jam | Dalam Hutan Tanpa Bantuan





## SUDUT PENGORBANAN

Setelah tamat kursus lanjutan Soldadu Muda, beliau seterusnya ditempatkan di Kompeni Bantuan. Sepanjang tempoh berkhidmat, beliau telah beberapa kali terlibat di dalam operasi dibawah pasukan ini.

"Masih segar diingatan, tragedi yang hampir meragut nyawa saya. Pada ketika itu, saya rasakan masa depan saya sudah tidak bermakna lagi.

"Jika tidak kerana kecacatan yang dialami, mungkin saya tidak tahu bahawa sebenarnya golongan cacat juga mempunyai kategori kecacatan mereka, malah banyak lagi maklumat mengenai golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang masih belum diketahui walaupun sudah lama diwujudkan", katanya.

"Seingat saya, peristiwa ini terjadi pada 2 Dis 1984 sewaktu melaksanakan satu operasi di kawasan Gubir. Pada hari kejadian, saya menganggotai satu seksyen kumpulan Bantuan dalam perjalanan rondaan keselamatan setelah satu bulan melakukan rondaan keselamatan di kawasan operasi.

"Semasa sedang bergerak, salah seorang anggota terpjjak jerangkap samar yang dipasang oleh pihak musuh," katanya.

Tambah beliau lagi, pada ketika itu saya merasakan seperti melambung dan tercampak dari kedudukan asal. Akibat daripada itu, saya mengalami kecederaan serius di kaki kiri hancur di bahagian jari kaki disamping luka-luka di bahagian badan.


Namun begitu saya masih lagi sedar dan rakan-rakan seperjuangan memberi kata-kata semangat agar terus bertahan.

Selama 26 jam saya dan rakan-rakan saya berada dalam hutan tanpa makan dan ubat kerana peralatan dan alat perhubungan mengalami kerosakan akibat letupan jerangkap samar. Saya bersyukur tuhan masih memberi peluang untuk saya terus hidup. Hari kedua, beliau kemudiannya terus dibawa ke Markas Taktikal bagi mendapat rawatan segera sebelum menaiki helikopter ke Hospital Pulau Pinang. Ketika di hospital, hanya dilawati oleh rakan-rakan seperjuangan dan ibubapa yang sentiasa menemani beliau.

Setelah sembuh sepenuhnya daripada kecederaan, beliau dibenarkan bertugas semula dan ditempatkan di bahagian kerani, memandangkan kecacatan yang dialami beliau hanya diberi tugas yang ringan sahaja. Namun begitu, pegawai atasan tetap mengambil berat atas kebaikan beliau. Atas dasar prihatin beliau dinaikkan pangkat Koperal dan kursus-kursus kerjaya tetap tidak dilupakan oleh pasukan walaupun ketika itu beliau mengalami kecacatan kaki.

Setiap perjalanan hidup tidak lengkap jika tiada sokongan daripada orang terdekat dan teman-teman yang rapat. Setelah 16 tahun tragedi itu berlalu, beliau akhirnya mendirikan rumah tangga bersama Krishna Veni Muthu isteri yang menyayangi beliau dan menerima seadanya yang turut memberi semangat untuk meneruskan kehidupan.

Namun begitu, beliau bukanlah orang yang mudah berputus asa kerana sejarah hidupnya yang dari kecil telah



pandai berdikari tanpa kasih ayah disisi. Biarpun dibaling dengan batu atau kayu tetapi buah yang dihasilkan tetap lazat dan manis.

Begitu juga dengan dirinya. Biarpun ada kala menjadi mainan senda gurauan atau dipandang rendah, beliau tetap akan berusaha memberikan yang terbaik tidak kira dalam kehidupan atau kerjaya.


Beliau menasihati kepada generasi masa kini khususnya anggota TD, agar bekerja dengan seikhlas hati dan bersyukur kerana negara kita dalam keadaan aman. Jangan mencemarkan maruah bangsa sendiri dengan melakukan perbagai kesalahan disiplin yang boleh menjatuhkan imej TD.

"Warga TD sekarang beruntung kerana tidak perlu bersusah payah untuk membentras komunis di hutan ditambah pula gaji tentera yang agak tinggi jika dibandingkan dahulu namun adalah menjadi kewajipan untuk sentiasa bersiap sedia menghadapi situasi yang tidak menentu pada masa kini," katanya sebelum mengakhiri perbualan.



**"Masih segar diingatan, tragedi yang hampir meragut nyawa saya. Pada ketika itu, saya rasakan masa depan saya sudah tidak bermakna lagi"**

Kpl Tamil Selvam (Bersara)



# Perbarisan Pentaulahan Diraja Pegawai Kadet ATM 2019

Oleh: Saifun Hakimi Zainun

**KUALA LUMPUR:** Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Hj Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan mencemar duli berangkat ke Istiadat Perbarisan Pentaulahan Diraja dan Penganugerahan Watikah Tauliah Pegawai Kadet ATM 2019 di Dataran Panglima Tentera Darat pada 16 Mac 2018.

Perbarisan diketuai oleh Pegawai Rendah Muda Mohd Zulzafri Zolkarnain diiringi pancaragam Gabungan Pusat Rejimen Askar Melayu Diraja, Pancaragam Pusat Kor Armor Diraja dan Pancaragam Pusat Tentera Udara Diraja Malaysia di bawah pimpinan Mej Mohd Nor Azizan Yahya.

Julung kalinya, istiadat pada kali ini menggabungkan antara Pegawai Kadet Akademi Latihan Ketenteraan bersama-sama Pegawai Kadet Graduan daripada Akademi Tentera Darat, Kapal Diraja Sultan Idris 1 dan Akademi Tentera Udara.

Seramai 509 Pegawai Kadet terdiri daripada 294 Pegawai Kadet Tentera Darat Malaysia (TDM), 101 Pegawai Kadet Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), 109 Pegawai Kadet Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), enam Pegawai Kadet Askar Timbalan Setia Negeri Johor dan dua Pegawai Kadet daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunel terlibat dalam pentaulahan ini.

Pegawai Kadet Terbaik Keseluruhan dan penyandang Pedang Kehormat dianugerahkan kepada Pegawai Rendah Muda Mohd Zulzafri Zolkarnain manakala Pegawai Kadet Terbaik TDM dimobatkan kepada Pegawai Rendah Kanan Mohamad Izzat Mohamad Zafri dan Pegawai Kadet Terbaik TUDM ialah Pegawai Rendah Muda Muhammad Fadzil Ahmad Bustaman diikuti dengan Pegawai Kadet Terbaik TLDM dianugerahkan kepada Pegawai Kadet Kanan Rakhvinder Singh Gurbanjan Singh.

Dalam titah ucapan Agong, baginda menzahirkan setinggi tahniah di atas kejayaan seluruh Pegawai Kadet



**"Beta berharap agar semua Pegawai Kadet akan lebih berkemampuan untuk menghadapi sebarang bencana masa hadapan dengan penuh yakin dan jati diri yang tinggi serta sanggup berkorban untuk negara"**

- DYMM Yang Dipertuan Agong





yang menamatkan latihan dan baginda yakin dengan berbekalkan ilmu yang telah diperoleh semasa dalam latihan, pegawai-pegawai ini dapat menyumbang ke arah pembentukan ATM yang disegani.


"Sebagai seorang pemimpin, beta berharap agar semua Pegawai Kadet akan lebih berkemampuan untuk menghadapi sebarang bencana masa hadapan dengan penuh yakin dan jati diri yang tinggi serta sanggup berkorban untuk agama bangsa dan kedaulatan negara agar terpelihara.

"Selain itu hendaklah berusaha untuk meningkatkan

ilmu pengetahuan dalam ketenteraan secara berterusan agar sensitif pada perkembangan teknologi pertahanan semasa," titah baginda.

Turut hadir, Menteri Pertahanan, Hj Mohamad Sabu, Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin, Panglima Tentera Darat (PTD) Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Mohd Reza Mohd Sany, Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affandi Buang TUDM dan Naib Canselor UPNM, Lt Jen Hj Abdul Halim Hj Jalal.





# JAUHI SEBARANG GEJALA NEGATIF - PTD

Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli

Gambar: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan

**NEGERI SEMBILAN:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi mengingatkan kepada Perajurit Muda jangan sekali-kali mendekati atau mencuba sebarang gejala negatif demi menentukan kekuatan dan keutuhan Tentera Darat (TD) sebagai satu ketumbukan tempur sentiasa disegani dan digeruni.

"Gejala negatif seperti salah guna najis dadah, membuat kerja sambilan, pengaruh kawan dan media sosial yang tidak sihat, fahaman ekstremis yang berkait dengan agama, politik, isu semasa yang semakin berleluasa haruslah dielakkan.

"Saya tidak akan berkompromi dengan isu-isu disiplin dan integriti serta tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang bermasalah," tegas PTD. Beliau berkata demikian dalam ucapannya semasa Perbarisan Tamat Latihan Perajurit Muda Lelaki Siri 187/2018 bertempat di Padang Kawad Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA) pada 23 Feb 2019.

Selain itu beliau mahukan nilai-nilai spiritual dan pegangan agama sebagai teras pegangan kerana ia hanya dapat mengukuhkan

jati diri di samping berpesan kepada Perajurit Muda agar tidak lupa akan asal usul masing-masing dan sentiasalah bertanya khabar kepada ibu bapa.

Tambahnya lagi, menjadi tanggungjawab semua pihak bagi menentukan budaya ketenteraan yang penuh taat setia dan disiplin terus kekal diwarisi serta tidak dipengaruhi mahupun dicampur aduk dengan elemen lain.

"Proses menimba ilmu dan pengalaman tidak terhenti di sini sebaliknya perlu diteruskan dan nilai-nilai teras serta kepahlawanan yang di terapkan mencerminkan betapa uniknya budaya ketenteraan di mana harus mengekalkan budaya tersebut seiring dengan sumpah perajurit dan Ikrar Kesateria serta tidak sekali-kali mengkhianatinya," kata PTD.

Terdahulu dari itu, sebaik ketibaan PTD, beliau menerima tabik hormat dari 1792 Perajurit Muda yang berjaya menamatkan latihan selama enam bulan bermula dari 18 Ogos 2018 hingga 23 Feb 2019.



Konsep latihan yang dilaksanakan merangkumi 26 minggu di mana iaanya dijalankan secara konvensional serta diselaraskan dengan bentuk latihan meliputi pembinaan karakter, pengetahuan am ketenteraan, pengendalian senjata, latihan jasmani serta kemahiran perang dan pengukuhan aspek kerohanian.

Objektif utama pelaksanaan latihan adalah untuk melatih dan melengkapkan Perajurit Muda dengan pengetahuan dan kemahiran asas ketenteraan sebelum diserapkan ke dalam pelbagai Kor dalam TD.

Anugerah Perajurit Muda Keseluruhan Terbaik dianugerahkan kepada Perajurit Muda Muhammad Daniel Adam Mohamad Zin diikuti empat anugerah



**"Saya tidak akan berkom-promi dengan isu-isu disiplin dan integriti serta tidak akan teragak-agak mengambil tin-dakan tegas terhadap mereka yang bermasalah,"**

- Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi







lain mengikut kategori dimulai dengan Akademik Terbaik diberikan kepada Perajurit Muda Suhairi Azali Radzi dan Kecergasan Jasmani Terbaik disandang oleh Perajurit Muda Jonathan Evedin.

Manakala Penembak Terbaik dianugerahkan kepada Perajurit Muda Mazlan Norli dan Kawad Terbaik diberikan



kepada Perajurit Muda Hanafie Ajani.

Turut hadir Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Dato' Azizan Md Delin, Panglima Latihan TD, Mej Jen Dato' Wira Md Tajri Alwi, Panglima Logistik Tentera Darat, Mej Jen Dato' Hanafiah Jaafar dan Ketua Staf TD, Mej Jen Datuk Mohd Zakaria Hj Yadi.



# Penasihat Pertahanan Australia Melawat MK PLDTD

Oleh: Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha  
Gambar: SSjn Abdul Taib Johree

**NEGERI SEMBILAN:** Markas Pemerintahan Latihan dan Doktrin Tentera Darat (MK PLDTD) menerima Lawatan Rasmi daripada Penasihat Pertahanan Australia di Kem Segenting, Port Dickson pada 7 Jan 2019.

Aturcara dimulai dengan Kunjungan Hormat kepada Komandan Akademi Tentera Darat (ATD), Brig Jen Dato' Mas'od Hj Muhammad disusuli kunjungan ke Pusat Bahasa dan Budaya Tentera Darat.

Lawatan diakhiri dengan delegasi membuat Kunjungan Hormat ke MK PLDTD yang disambut oleh Pengarah Pengurusan Latihan, Brig Jen Dato' Hj Hasim Jabar.



## Lawatan STAY ATM Sempena Jubli Perak PLDTD



**NEGERI SEMBILAN:** Seramai 73 pelajar Sekolah Tahfiz Anak Yatim Angkatan Tentera Malaysia (STAY ATM) melakukan lawatan ke Institut Kejuruteraan Tentera Darat (IJED) dan Pusat Latihan Armor (PULAMOR) pada 30 Mac 2019.

Program lawatan ini dimulai dengan lawatan ke IJED disambut oleh Isteri Panglima Latihan Tentera Darat, Datin Wira Rosnani Ab Ghani selaku Pengurus BAKAT PLDTD bersama Pengurus BAKAT IJED dan Ahli-Ahli BAKAT dibawah naungan PLDTD.

Para pelajar tahfiz dan Ahli BAKAT telah bersarapan di Dewan Krafman sebelum diberi taklimat ringkas mengenai IJED oleh Mej (PKW) Ishak Arshad selaku Jurulatih Kanan Cawangan Kejuruteraan Mekanikal.

Seterusnya mereka dibawa melawat ke Cawangan Persenjataan dan Permesinan serta Cawangan Kejuruteraan Automotif lalu dipertontonkan dengan demonstrasi pemberian enjin kendaraan oleh ahli Tim Tangan Emas.

Lawatan diteruskan dengan pelajar tahfiz dan Ahli BAKAT dibawa melawat ke seluruh kawasan PULAMOR serta turut menaiki Kenderaan Gempita dan Lipan Bara.

Pada masa sama diadakan Solat Zohor berjemaah di Surau Al-Hidayah Pulamor dan lawatan diakhiri dengan pelbagai aktiviti riadah seperti mandi laut, sukan pantai dan bermain banana boat. -Lt Ibnorita Che Ibrahim

## Ekspos PERNAMA Jimat Di Port Dickson

**NEGERI SEMBILAN:** PERNAMA JIMAT menganjurkan Ekspos PERNAMA Jimat di PERNAMA Batu 5, Port Dickson dan dirasmikan oleh Panglima Latihan Tentera Darat, Mej Jen Dato' Wira Md Tajri Alwi pada 25 Mac 2019.

Ekspos ini akan dilaksanakan selama enam hari mulai 25 sehingga 30 Mac 2019 bertujuan bagi penghabisan stok yang mana antara barang yang dijual terdiri daripada peralatan elektrik, rumah, kereta dan motosikal, barang keperluan makanan dan lain-lain lagi.

Panglima Latihan TD telah dibawa melawat ke semua gerai yang dibuka yang dibuka bagi penjualan barang. - Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha



# Serah Terima Tugas Komandan PULNORD

Oleh: Kapt Mohd Faiz Azma Mohd Zain

Gambar: SSjn Norisyam Duraman

**KUALA LUMPUR:** Seramai 14 pegawai dan 190 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Komandan Pusat Latihan Kor Ordnans Diraja (PULNORD) di Medan Perbarisan PULNORD diketuai oleh Mej Nor Syarizal Othman terdiri daripada empat detasmen secara keseluruhannya pada 9 Jan 2019.

Mantan Komandan Pusat Latihan Kor Ordnans Diraja (PULNORD), Lt Kol Hj Zawawi Hj Ahmad menyerahkan tugas kepada Lt Kol Mohd Ridza Deris disaksikan oleh Panglima Latihan Tentera Darat, Mej Jen Dato' Wira Md Tajri Alwi.

Komandan dalam ucapannya mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh warga PULNORD atas segala jasa baik yang telah diberikan kepada beliau sepanjang menjawat jawatan sebagai Komandan.


Seterusnya Panglima Latihan Tentera Darat serta seluruh warga PULNORD menghadiri acara Jamuan Makan Tengah Hari sempena Perpisahan Komandan PULNORD bertempat di Dewan PULNORD sambil diiringi oleh band



muzik dari Royal Ordnance Unplugged Group (ROCUG).

Acara diakhiri dengan penyampaian cenderahati dan acara bersalaman.

## Perbarisan Jubli Perak PLTD



**NEGERI SEMBILAN:** Pemerintahan Latihan dan Doktrin Tentera Darat (PLTD) telah melaksanakan Perbarisan Sempena Jubli Perak PLTD iaitu Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-25 yang disambut pada 1 Jan 2019.

Perbarisan ini dilaksanakan di Padang Kawad Kem Segenting, Port Dickson dan disempurnakan oleh Panglima Latihan Tentera Darat, Mej Jen Dato' Wira Md Tajri Alwi pada 17 Jan 2019.

Perbarisan yang penuh megah dan bersejarah ini diketuai oleh Ketua Cawangan Doktrin Bantuan Tempur MK PLTD, Lt Kol Shamsul Annuar Musa, berkekuatan seramai 27 pegawai dan 580 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terdiri daripada 34 pasukan di bawah naungan PLTD serta diiringi oleh pancaragam gabungan dari Pusat Latihan Muzik Tentera Darat (PUZIDA) dan Rejimen Ke-2 Kor Armor Diraja.

Aturcara perbarisan dimulai dengan Perbarisan Masuk Padang seterusnya Pemeriksaan Perbarisan oleh Panglima Latihan Tentera Darat yang terdiri daripada dua detasmen serta lapan kontinjen dan diteruskan dengan Perbarisan Berjalan Lalu Dalam Masa Perlahan dan Cepat.

Seramai 12 LLP menerima Sijil Kecemerlangan atas keperihatinan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai anggota di bawah naungan PLTD dalam acara yang dilaksanakan di Dewan Serbaguna Kem Segenting.

SSjn Abdul Taib Johree dari Cawangan Pengurusan Sistem MK PLTD pula menerima Anugerah Khas Panglima Latihan Tentera Darat kerana memperkenankan mutu disiplin yang tinggi dan disegani oleh anggota bawahan.

Turut hadir menyaksikan perbarisan ialah mantan Panglima Latihan Tentera Darat Ke-5, Jen Tan Sri Dato' Sri Mohd Shahrom Dato' Hj Nordin (Bersara) serta isteri.

- Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha

# Pengarah Pengurusan Latihan Lawat Eks LEOPARD

Oleh: Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha

**SARAWAK:** Pengarah Pengurusan Latihan (PPL), Brig Jen Dato' Hj Hasim Jabar telah melakukan lawatan ke Latihan Kem Tahunan atau dikenali sebagai Eksesais LEOPARD Siri 21/2019 bagi Pasukan Latihan Pegawai Simpanan Universiti Malaysia Sarawak (PALAPES UNIMAS).

Latihan ini dilaksanakan mulai 12 hingga 26 Jan 2019 di sekitar kawasan Sematan, Lundu dan Sampadi melibatkan 134 Pegawai Kadet dari Peringkat Junior, *Intermediate* dan *Senior* diuji sepanjang perlaksanaan latihan pada 22 Jan 2019.

Tujuan lawatan dibuat adalah untuk PPL melihat sendiri latihan yang sedang dilaksanakan dan pada masa yang sama memberi sokongan dan dorongan kepada pasukan serta Pegawai Kadet yang melaksanakan latihan.



## Hari Keluarga Jubli Perak PLDTD

**NEGERI SEMBILAN:** Pemerintahan Latihan dan Doktrin Tentera Darat (PLDTD) meneruskan lagi Sambutan Jubli Perak dengan pelaksanaan Hari Keluarga yang dilaksanakan di Pantai Cahaya Negeri, Port Dickson anjuran Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA) pada 26 Jan 2019.

Hari Keluarga ini telah dihadiri oleh seluruh ahli keluarga pegawai dan LLP pasukan di bawah naungan PLDTD Zon Port Dickson dengan acara perasmian disempurnakan oleh Panglima Latihan Tentera Darat, Mej Jen Dato' Wira Md Tajri Alwi.

Acara diteruskan dengan senamrobik serta kayuhan *Fun Ride* sejauh 5 kilometer di sekitar Kem Si Rusa.

Pelbagai aktiviti turut diadakan bagi memeriahkan majlis seperti sukaneka, karaoke terbuka, cabutan bertuah, persembahan atlet bina badan dan *potluck*. - Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha



## Pemakaian Pangkat Staf MK PLDTD



**NEGERI SEMBILAN:** Perbarisan Pemakaian Pangkat staf Markas Pemerintahan Latihan dan Doktrin Tentera Darat (MK PLDTD) dilaksanakan di Padang kawad Kem Segenting yang disempurnakan oleh Panglima Latihan Tentera Darat, Mej Jen Dato' Wira Md Tajri Alwi pada 31 Jan 2019.

Seramai seorang pegawai dan dua anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dinaikkan pangkat iaitu kenaikan pangkat Kapt ke Mej iaitu Mej (KM) Ronny Saging, manakala PW II Ismail Ahmad dinaikkan pangkat Pegawai Waran I dan Pbt Desriza Mat Nawi dipakaikan pangkat LKPL.

Dalam ucapan Panglima Latihan TD, beliau mengucapkan tahniah dan syabas kepada pegawai dan LLP yang dinaikkan pangkat.

Beliau juga menegaskan bahawa setiap pangkat yang diberi merupakan tanggungjawab yang diamanahkan dan perlu dipikul dengan sewajarnya bagi kecemerlangan masa depan TD. - Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha, Gambar: SSjn Abdul Taib Johree

# Band KAD Johan

## Battle Of The Band TD 2019



Oleh: Saifun Hakimi Zainon

**NEGERI SEMBILAN:** Seramai 6000 warga Port Dickson hadir bagi memeriahkan acara Pertandingan Akhir *Battle Of The Band* Tahun 2019 di Pantai Cahaya Negeri pada 23 Mac 2019.

*Battle Of The Band* ini telah diadakan pada peringkat

saringan pada 22 Mac 2019, dimana ianya hanya melibatkan peringkat Kor sahaja.

Lima kugiran yang terbaik dari peringkat Kor terpilih ke peringkat akhir dan bertanding bersama enam kugiran dari peringkat Divisyen.

Keseluruhan yang bertanding pada peringkat akhir adalah sebanyak 11 kugiran.

Kugiran Kor Armor Berjaya mengungguli *Battle Of The Band* dan Lagu Patriotik Terbaik apabila dinobatkan sebagai Johan dan hadiah disampaikan oleh Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi.

Acara ini diadakan buat julu-julungkalinya pada tahun ini setelah kali terakhir dilaksanakan pada tahun 1996.

Turut hadir Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Dato' Azizan Md Delin, Panglima Medan Timur TD, Lt Jen Dato' Wira Zamrose Mohd Zain dan pegawai-pegawai kanan TD.

## Ujian Kemahiran Brass Band dan Serunai TD 2019



**NEGERI SEMBILAN:** Seramai 1500 warga Port Dickson termasuk pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) hadir memeriahkan suasana sempena Ujian Kemahiran Brassband dan Serunai Tentera Darat Tahun 2019 yang diadakan pada 23 Mac 2019 di Padang Kawad Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA).

Persembahan pada tahun ini terdiri daripada 12 pasukan iaitu enam *Brass Band* dan enam Serunai yang mewakili formasi setiap Divisyen di mana mereka telah bertanding di peringkat awal dan melepas ujian diadakan di peringkat Div masing-masing.

Bagi kategori Ujian Kemahiran *Brass Band* Tahun 2019, Johan disandang oleh Platur *Brass Band* dari Rejimen

Pertama Kor Armor Diraja, manakala Johan bagi kategori Serunai Tentera Darat Tahun 2019 pula diraih oleh Batalion Ke-16 Rejimen Askar Melayu Diraja.

Bagi kategori *Drum Major* Terbaik dianugerahkan kepada Sjn Khairi Mohamed@Rahman dari 8 RAMD.

Penyampaian hadiah disampaikan oleh Timbalan Panglima Tentera Darat (TPTD), Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah.

Turut hadir, Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Dato' Azizan Md Delin, Panglima Medan Timur TD, Lt Jen Dato' Wira Zamrose Mohd Zain serta pegawai kanan TD. - Saifun Hakimi Zainon

## Warga AT 450 Diperdengar Perintah Ulung PMTTD



Oleh: Mej Afidze Idrus

Gambar: Kpl Mohd Haziq Abdullah

**SABAH:** Panglima Medan Timur Tentera Darat (PMTTD), Lt Jen Datuk Wira Zamrose Mohd Zain menyampaikan Perintah Ulung beliau bersama warga AT 450 Zon Tawau bertempat di Kem Kubota pada 18 Jan 2019.

Perbarisan tersebut berkekuatan seramai 15 pegawai dan 425 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) diketuai oleh Penolong Pegawai Memerintah 26 RAMD, Lt Kol Azrul Shamsudin.

Majlis tersebut bertujuan untuk menyampaikan Perintah Ulung PMTTD serta hasrat beliau di dalam menjadikan Markas PMTTD satu ketumbukan yang mantap dan sentiasa bersedia menghadapi pelbagai ancaman yang wujud di rantau ini disamping meluangkan masa bersama warga AT 450 Zon Tawau.

Setelah selesai upacara tersebut, beliau berangkat ke MK 13 Bgd (ESSCOM), Kem Cenderawasih, Lahad Datu bagi mendengar taklimat berkaitan dengan perkembangan dan pembangunan Markas 13 Bgd dari aspek operasi dan logistik.

Turut hadir Panglima AT 450, Mej Jen Dato' Mohamad Khir Abdullah, Panglima 5 Bgd, Brig Jen Muhammad Hafizuddeain Jantan dan Panglima 13 Bgd (ESSCOM), Brig Jen Datuk Arman Rumaizi Hj Ahmad.

## Lawatan PMT TD Sempena Eks SATRIA GAGAH Siri 1/2019



**SARAWAK:** Panglima Medan Timur Tentera Darat (PMT TD), Lt Jen Datuk Wira Zamrose Mohd Zain melakukan lawatan ke Kem Penrisen bagi meninjau perlaksanaan Eksesais SATRIA GAGAH (CPX) 3 Bgd Siri 1/2019 pada 23 Feb 2019.

Eksesais yang diadakan selama lima hari ini bermula dari 22 hingga 26 Feb 2019, pada hari kedua eksesais, aktiviti tertumpu kepada menyelamatkan dan melintasi garis mula, melaksanakan mara serta membersihkan bound.

- Kapt Muhammad Muzhafar Salji, Pbt Muhammad Fazlan Tumijan

# Serah Terima Tugas KS MK 9 Bgd



Oleh : Lt Azlan bin Azmi

Gambar : Pbt Mohammad Nazirul Ismaili

**SARAWAK:** Perbarisan Serah Terima Tugas Ketua Staf MK 9 Bgd telah diadakan di Padang Kawad Kem 9 Bgd, Sibu RASCOM pada 6 Jan 2019.

Lt Kol Jauhari Talib telah menyerahkan tugas Ketua Staf MK 9 Bgd kepada Lt Kol Mohd Aklif Hj Abd Rajak dan beliau akan bertukar keluar dan dimasukkan ke Senarai LPK (L2) bagi menghadiri Kursus Sarjana Sains Sosial (Pengajian Pertahanan) di Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) kemasukan bagi tahun 2019 berkuatkuasa pertukaran pada 15 Jan 2019.

Upacara serah terima tugas ini telah berlangsung di

dalam satu perbarisan berkekuatan 11 pegawai dan 75 anggota LLP.

Majlis diteruskan dengan menandatangani Nota Serah Terima Tugas Ketua Staf MK 9 Bgd yang telah disaksikan oleh Panglima 9 Bad, Brig Jen Shamsirudin Hj Mohd Shariff serta di saksikan seluruh warga Kem 9 Bgd.

Di samping itu juga, Upacara Serah Terima Tugas Pengerusi BAKAT Kem 9 Bgd juga turut diadakan disaksikan oleh Pengerusi BAKAT 9 Bgd.

Majlis diakhiri dengan penyerahan cenderahati serta acara bergambar dan jamuan makan di Wisma Perwira 9 Bgd.

Turut hadir Pegawai Memerintah dan Pemerintah serta Ahli BAKAT dibawah naungan 9 Bgd.

## Majlis Makan Malam Rejimental *Dining In* PMT TD

**SARAWAK :**  
Majlis Makan Malam Rejimental (MMR) bersempena *Dining In* Panglima Medan Timur Tentera Darat (PMT TD) Ke-3, Lt Jen Datuk Wira Zamrose Mohd Zain bersama isteri Datin Wira Zainuriah Hj Mustapha telah diadakan bertempat di hotel terkemuka sekitar Bandar Kuching pada 11 Jan 2019.

Dalam ucapan Panglima Medan Timur, beliau menyatakan dalam usia Pemerintahan Medan Timur yang masih muda iaitu empat tahun penubuhan, sememangnya masih banyak usaha dan tindakan penambahbaikan perlu dilakukan untuk mempertingkatkan keupayaan serta kesiapsiagaan PMTTD.

Selain itu beliau menegaskan bahawa adalah perlu semua peringkat pegawai untuk mempertingkatkan daya



usaha serta komitmen masing-masing sejajar dengan teras Perintah Ulung PTD dan Perintah Ulung PMT TD.

"Dengan mandat dan tanggungjawab yang diberikan oleh pucuk pimpinan Tentera Darat (TD), adalah menjadi ketutamaan saya untuk membawa PMTTD ke suatu tahap yang lebih tinggi dalam memastikan ketumbukan ini berupaya

melaksanakan peranan utamanya bagi mempertahankan kedaulatan dan keselamatan Wilayah Dua dari pelbagai ancaman," tegas beliau.

Tambahnya lagi, beliau menzahirkan ucapan ribuan terima kasih khasnya kepada MK 1 Div selaku penganjur MMR bersempena *Dining In* beliau ke PMTTD.

Turut hadir Panglima-Panglima Formasi di bawah Pemerintahan Medan Timur bersama bersama pasangan masing-masing. - **Kpl Siti Nur Hidayu Hamidon**

## Majlis Perasmian Paip Air Graviti



**SARAWAK:** Panglima 1 Div, Mej Jen Dato' Toh Choon Siang menghadiri Perasmian Paip Air Graviti dianjurkan oleh pihak kampung yang terlibat pada 26 Jan 2019.

Projek Bekalan Air Luar Bandar di Kampung Sungai Besai Asal dan Kampung Selanjan Sebemban, Sri Aman

adalah merupakan kerjasama di antara tentera dan penduduk kampung yang dikoordinasikan oleh pasukan Skuadron Ke-3 Rejimen Askar Jurutera Diraja (3 Skn RAJD).

Skop kerja sepanjang pelaksanaan projek ini adalah termasuk pembinaan empangan yang dilengkapi dengan sistem penapisan air secara fizikal dengan menggunakan kayu-kayu belian dan batu-batu sungai, manakala saliran perpaipan disambung dari tapak empangan sehingga ke dalam kediaman.

Seramai seorang pegawai dan 16 anggota pasukan 3 Skn RAJD dari Divisyen Pertama Infantri Malaysia terlibat dalam melaksanakan Projek Jiwa Murni Bekalan Air Luar Bandar di dua buah kampung tersebut yang bermula pada 14 Ogos 2018 dan telah siap sepenuhnya pada 7 Dis 2018.

Turut hadir ADUN Bukit Begunan, Datuk Mong Anak Dagang, mantan Panglima Medan Timur TD, Lt Jen Datuk Stephen Mundaw dan Komander Rejimen Jurutera 1 Div, Kol Sharuddin Mohd Noh. - Pbt Muhamad Nawawi Mujtabar

## Perbarisan Serah Terima Tugas Panglima 3 Bgd

**SARAWAK:** Seramai 500 pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) diketuai oleh Pegawai Memerintah 13 RAMD, Lt Kol Misiani Auverto@Suwarto terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Panglima 3 Bgd bertempat di Padang Kawad Kem Semenggo 11 RAMD pada 4 Jan 2019.

Serah terima ini diantara Pemangku Panglima 3 Bgd, Lt Kol Salmi Istikh Ahmad menyerahkan tampuk pemerintahan Panglima 3 Bgd kepada Brig Jen Mohd Isa Jaafar sebagai Panglima 3 Bgd yang Ke-35.

Upacara menandatangani Nota Serah Terima Tugas serta penyerahan Tongkat Kuasa Panglima 3 Bgd disaksikan Panglima 1 Div, Mej Jen Dato' Toh Choon Siang.

Acara diteruskan dengan majlis jamuan ringan mantan Panglima 3 Bgd, Brig Jen Mohd Bustaman Hj Mat Zin bersama warga 3 Bgd dan Serah Terima Tugas Pengerusi BAKAT 3 Bgd diantara Pemangku Pengerusi BAKAT 3 Bgd Fatimah Zahrah Othman dengan Pengerusi baharu, Khaliza Mokhtar.



Turut hadir Ketua Staf MK 3 Bgd, Lt Kol Hj Ilyas Hj Hanafi, Ahli BAKAT di bawah naungan 3 Bgd dan Veteran tentera. - Lt Muhammad Khawarizmi Abdul Shukor, Gambar: Pbt Mujibur Rahman

## Perbarisan SMR 71 Wksp Div

Oleh: Sjn Patrick Jius

Gambar: Kpl Hafizul Ashraf Md Daud

**SABAH:** Seramai 80 anggota Lain-Lain Pangkat terlibat dalam Perbarisan Sarjan Mejari Rejimen (SMR) pasukan diketuai oleh Principal Worksyop Formen (PWF), PW I Mohamad Shawal Zakaria di Padang Kawad 71 Wksp Div pada 30 Jan 2019.

Di dalam ucapan SMR, beliau menegaskan untuk sentiasa menjaga disiplin dan menjaga nama baik pasukan serta memahami Perintah Ulung PTD.

Latihan kawad kaki diadakan sejurus tamat perbarisan SMR bagi meningkatkan lagi tahap profesionalisma anggota PTTK.



## PMT TD Ke Pasukan 3 Worksyop Bgd



**SARAWAK:** Panglima Medan Timur Tentera Darat (PMT) Lt Jen Datuk Wira Zamrose Mohd Zain mengadakan

lawatan kerja di 3 Worksyop Bgd, Kem Penrinsen Lama pada 7 Feb 2019.

Lawatan bertujuan bagi meninjau persiapan pasukan sempena Eks Satria Perkasa Siri 1/2019 yang akan dilaksanakan pada 1 Mac 2019.

Dalam lawatan tersebut PMT TD telah mendengar taklimat oleh Pegawai Pemerintah 3 Worksyop Bgd, Mej Azhar Abdul Talib berkaitan persiapan pasukan bagi menghadapi Eks Satria Perkasa siri 1/2019.

Dalam lawatan ini PMT TD telah melihat Demotrasi Simulasi Penarikan Kenderaan di Medan - Tim Kembalik, lawatan diakhiri dengan jamuan makan dan tandatangan buku lawatan.

Turut mengiringi beliau dalam lawatan ini adalah Panglima 1 Div Mej Jen Dato' Toh Choon Siang dan Panglima 3 Bgd, Brig Jen Mohd Isa Jaafar. - Kpl Siti Nur Hidahyu Hamidon

## Perbincangan Kerjasama PDRM Kontinjen Sarawak dan ATM

**SARAWAK:** Panglima Medan Timur Tentera Darat (PMT TD), Lt Jen Datuk Wira Zamrose Mohd Zain dan Pesuruhjaya Polis Sarawak, CP Dato' Azman Yusof telah mempengerusikan bersama Mesyuarat Perbincangan Kerjasama antara ATM dan PDRM yang diadakan di Mess Pegawai Kanan, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak pada 12 Feb 2019.

Mesyuarat ini merupakan kali pertama diadakan bagi menjalin kerjasama dan persefahaman yang lebih erat antara ATM dan PDRM di Sarawak.

Turut hadir Mesyuarat tersebut adalah Panglima 1 Div, Mej Jen Dato' Toh Choon Siang, Panglima 3 Bgd Infantri, Brig Jen Mohd Isa Jaafar dan Panglima 9 Bgd Infantri, Brig Jen Shamsirudin Hj Mohd Shariff serta Pegawai Staf dari

MK PMTTD, MK 1 Div dan IPK Sarawak. - Cwg Risik MK PMTTD, Gambar: Kpl Siti Nur Hidahyu Hamidon



# Pegawai 9 Bgd Naik Pangkat



Oleh: Lt Azlan Azmi

Gambar: Pbt Muhammad Nazirul Ismaili

**SARAWAK:** Seramai lima pegawai 9 Bgd dinaikkan pangkat dalam Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai 9 Bgd bertempat di Bilik Mesyuarat MK 9 Bgd pada 14 Mac 2019.

Pemakaian pangkat ini disempurnakan oleh Panglima 9 Bgd, Brig Jen Shamsirudin Hj Mohd Shariff yang mana empat pegawai dinaikkan pangkat dari Kapt ke Mej

manakala seorang pegawai dinaikkan pangkat dari Lt M ke Lt.

Panglima 9 Bgd mengucapkan tahniah serta mengingatkan kepada pegawai yang dipakaikan pangkat agar sentiasa menjaga disiplin dan sentiasa berusaha di dalam meningkatkan kualiti sebagai seorang anggota TD sesuai dengan pangkat yang disandang.

## Serah Terima Tugas SMR 1 Div

**SARAWAK:** Perbarisan Serah Terima Tugas Sarjan Mejar Rejimen (SMR) Markas Divisyen Pertama Infantri (1Div) diantara PW I Frankley Celestine Jilon dengan SMR baharu, PW I Amir Hamzah Lamalika disaksikan oleh Panglima 1 Div, Mej Jen Dato' Toh Choon Siang di Padang Kawad 1 Div Kem Muara tuang, Kota Samarahan pada 18 Jan 2019.

Perbarisan ini telah dihadiri seramai 155 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) di bawah naungan Markas 1 Div yang diketuai oleh Koordinator Cwg Risik 1 Div, PW II Deandy Ahmad.

Majlis diakhiri dengan jamuan ringan dan sumbangan cenderahati dari Panglima 1 Div dan warga Wisma Bintara Sri Enggang di Dewan Makan. - Sel PR 1 Div



## Pemakaian Pangkat Anggota MK 1 Div



**SARAWAK:** Seramai tiga anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Markas Divisyen Pertama Infantri Malaysia (MK 1Div) dinaikkan pangkat dalam Majlis Pemakaian Pangkat Anggota LLP Bertempat di Pejabat Ketua Staf MK 1 Div Pada 21 Jan 2019.

Ketua Staf MK 1 Div, Kol Nazri Che Lah telah menyempurnakan pemakaian pangkat kepada SSjn Ati Reynod Kopiew dari Sel Ordnan dinaikkan pangkat PW II, LKpl Siti Najwa Ahmad dari Pejabat Ketua Staf dan LKpl Nafsah Saidi@He Ah Siew dari Sel Pendidikan dinaikkan pangkat Kpl.

Ketua Staf MK 1 Div mengucapkan tahniah kepada ketiga anggota tersebut atas kenaikan pangkat dan berharap melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab. - MK 1 Div

# Panglima 3 Bgd Lawat Kem JPG Lubuk Antu

Oleh : Lt M Muhammad Hanis Mohd

Nor

Gambar : Kpl Juan Manggat

**SARAWAK:** Panglima 3 Bgd, Brig Jen Mohd Isa Jaafar melakukan lawatan ulungnya ke Kem JPG Lubuk Antu pada 20 Jan 2019.

Lawatan beliau ke sektor Skn A di Kem JPG Lubuk Antu disambut oleh Pegawai Memerintah 4 KAD, Lt Kol Shamzaini Misran, Pegawai Gerak 4 KAD, Mej Yusuff Iskandar Abdullah, Ketua Penempatan Kem JPG Lubuk Antu, Kapt Muhammad Firdaus Mohammad Naser dan semua warga Kem JPG Lubuk Antu.

Acara dimulakan dengan taklimat operasi oleh Ketua Penempatan Kem JPG Lubuk Antu, seterusnya lawatan diteruskan dengan Panglima telah



dibawa melawat ke sekitar kawasan penempatan operasi dan lawatan diakhiri dengan sesi bergambar bersama semua warga di Kem JPG Lubuk Antu.

## MMR PTTK 9 Bgd



**SARAWAK:** Seramai 40 pegawai dan 60 Pegawai Tidak Tauliah (PTT) Kanan menghadiri Majlis Makan Malam Rejimental (MMR) 9 Bgd yang diadakan di hotel terkenal sekitar Bandar Sibu pada 23 Jan 2019.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk meraikan Panglima 9 Bgd, Brig Jen Shamsirudin Hj Mohd Shariff, Ketua Staf

MK 9 Bgd, Lt Kol Mohd Aklif Hj Abd Rajak, pegawai - pegawai serta PTT Kanan yang bertukar masuk ke Wisma Perwira dan Bintara 9 Bgd.

Panglima 9 Bgd dalam ucapannya menyatakan bahawa majlis tersebut merupakan salah satu daripada aktiviti Sistem Pemerintahan Rejimental (SPR) yang terdapat dalam Perintah Ulung Panglima Tentera Darat.

Selain itu, majlis tersebut juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim diantara para pegawai dengan PTT Kanan.

Beliau juga menyeru agar semua pegawai dan PTT Kanan supaya bekerjasama dan berganding bahu dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan bagi menaikkan nama 9 Bgd.

Turut hadir Pegawai Memerintah 20 RAMD dan 3 RRD serta Timbalan Komander Rej 510 (AW). - Lt Azlan Azmi, Gambar: Pbt Muhammad Nazirul Ismaili

## Kursus Pra Perkahwinan Islam 31 Bgd

**SARAWAK:** Seramai dua pegawai dan 84 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari 31 Bgd dan 9 Bgd terlibat dalam Kursus Pra Perkahwinan Islam 31 Bgd selama dua hari bermula 23 hingga 24 Jan 2019 di Dewan Kuliah Kem Junaco.

Kursus yang dianjurkan oleh Cawangan Agama 31 Bgd ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada mereka yang akan mendirikan rumah tangga dan memberi pendedahan berkenaan tanggungjawab suami dan isteri dengan Penceraian Jemputan dari Jabatan Agama Islam Sibu.

Acara penutup kursus tersebut disempurnakan oleh Ketua Staf 31 Bgd, Lt Kol Mohd Zaini Hj Hashim. - Lt Zahureen Norazan, Gambar: Pbt Hazim



## Program Derma Darah 6 RAMD

Oleh: Sel Risik 6 RAMD

**KEDAH:** Seramai 80 pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari Batalion Ke-6 Rejimen Askar Melayu Diraja (6 RAMD) dengan kerjasama Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar terlibat dalam Program Derma Darah yang diadakan di Dewan Makan 6 RAMD pada 4 Jan 2019.

Program ini dianjurkan bagi memupuk nilai tanggungjawab dan kesedaran di kalangan anggota akan kepentingan menderma darah yang mana ia juga sebagai medium dalam mengukuhkan hubungan kerjasama dengan agensi awam.

Program ini merupakan salah satu daripada aktiviti jiwa murni yang dirancang bertujuan untuk mengeratkan hubungan tentera bersama komuniti



setempat disamping membantu pihak pengurusan hospital bagi menambah bekalan tabung darah yang semakin berkurangan.

## Serah Menyerah SMR 2 Div



**PULAU PINANG:** Seramai 73 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Sarjan Mejar Rejimen (SMR) MK 2 Div diantara PW I Rumzi Abd Rahman dengan PW I Shahrul Izwan Omar di Padang Kawad Kem 2 Div pada 4 Jan 2018.

Perbarisan diketuai oleh PW II Mohd Nazri Ismail yang terdiri dari dua detasmen dimana detasmen pertama

diketuai oleh PW II Muhammad Nor Faris Patric Abdullah dan detasmen kedua PW II Hafizullah Amin Harun.

Majlis diteruskan dengan menandatangani Nota Serah Terima Tugas dan Serah Tongkat Kuasa SMR 2 Div disaksikan Ketua Staf MK 2 Div, Kol Noorrul Azril Ariffin.

Dalam ucapan mantan SMR 2 Div, beliau menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah kerana telah menganugerahkan keizinan hadir ke Perbarisan Serah Menyerah Tugas SMR 2 Div yang merupakan perbarisan terakhir setelah beliau memegang jawatan SMR 2 Div selama dua tahun, 11 bulan dan 28 hari bermula pada 26 Jun 2016.

Mantan SMR 2 Div telah berkhidmat di dalam TD selama 26 tahun dan mula menceburji bidang ketenteraan pada 26 Jun 1994 dan akan mengambil kursus peralihan selama 18 bulan hingga 26 Jun 2020.

Turut hadir pegawai-pegawai staf MK 2 Div. - Mej Mohd Said Adam Mohd Said, Gambar: Kpl Md Shukor Md Soleh

## Latihan Perairan Melatih Keyakinan Diri

**KEDAH:** Latihan perairan telah dilaksanakan bagi melatih tahap keyakinan diri warga 6 RAMD di samping sebagai persiapan kepada anggota untuk memperlengkapan diri bagi menghadapi Eksesais SATRIA PERKASA 6 Bgd bermula dari 7 hingga 9 Jan 2019.

Anggota didedahkan dengan kelas teori terlebih dahulu sebelum perlaksanaan praktikal dilakukan, kelas teori ini lebih memfokuskan teknik perapungan dan keselamatan diri berdasarkan prosedur yang ditetapkan.

Perlaksanaan latihan praktikal menyeberangi sungai dilakukan di Tasik Pasukan secara berpasangan bersama dengan senjata dan peralatan tempur persendirian.

Kemahiran asas ketenteraan ini adalah perlu dilaksanakan dalam usaha untuk melahirkan anggota yang berkualiti dan berkemahiran dalam ilmu pertempuran. - Sel Risik 6 RAMD



# Lawatan Ulung Panglima 2 Div Ke MK 30 Bgd

Oleh: Lt Ataillah Afham Kamarol Zaman  
Gambar: Pbt Yasotharran Ganesan

**PERLIS:** Panglima 2 Div, Mej Jen Dato' Mardzuki Muhammad melakukan Lawatan Ulung ke MK 30 Bgd, Kem Bukit Cowder pada 8 Jan 2019.

Ketibaan Panglima 2 Div disambut oleh Panglima 30 Bgd, Brig Jen Hashim Aman Shah bersama para pegawai 30 Bgd yang mana selepas acara bergambar Panglima 2 Div mendengar taklimat melibatkan perkara G, A dan Q yang disampaikan oleh Ketua Staf MK 30 Bgd, Lt Kol Shamsul Bahari Che Soh di Bilik Gerakan MK 30 Bgd.

Seterusnya, dalam lawatan beliau mengambil peluang mengadakan sesi perjumpaan dengan 300 anggota MK 30 Bgd, 4 RS, dan 5 RS.

Dalam ucapannya, Panglima 2 Div mengingatkan anggota agar menjauhi diri dari gejala dadah, agar diri sentiasa sihat demi meneruskan perkhidmatan dengan unggul dan berdisiplin.

Beliau turut berpesan agar semua anggota memikirkan masa depan diri sendiri, keluarga dan anak-anak kerana sekiranya ada dikalangan anggota ditangkap menagih



dadah, anggota akan diberhentikan dari perkhidmatan.

Acara diakhiri dengan Panglima 2 Div menandatangani Buku Lawatan dan Solat Zohor berjemaah dan makan tengahari di Wisma Perwira Kayangan.

Turut hadir Pegawai Memerintah 2 RS, Lt Kol Mohd Rasidi Abdul Rasid, Pegawai Memerintah 3 RS, Lt Kol Ramli Noor, Pegawai Memerintah 5 RS, Lt Kol Mohyeddin Mohd Amin dan Pegawai Memerintah 11 RS Lt Kol Mohd Zambari Hj Abdul Khorid.

## Serah Terima Tugas KS MK 6 Bgd

**KEDAH:** Seramai 19 pegawai dan 100 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Ketua Staf MK 6 Bgd bertempat di Padang Kawad Kem 6 Bgd pada 11 Jan 2019.

Lt Kol Mohd Yusof Nor telah menyerahkan tugas Ketua Staf MK 6 Bgd kepada Lt Kol Zunaidi Hassan dengan rasminya yang mana beliau akan bertukar keluar ke MK Medan serta menjawat jawatan SO 1 Cawangan Perumahan berkuatkuasa 15 Jan 2019.

Majlis diteruskan dengan menandatangani Nota Serah Terima Tugas Ketua Staf MK 6 Bgd disaksikan Panglima 6 Bgd, Brig Jen Dato' Abdul Aziz Hj Ismail.

Turut hadir Pegawai Memerintah dan Pemerintah dibawah naungan 6 Bgd. - **Kapt Azery Azman**, Gambar: Pbt Thinesh Paramasivam



## Serah Terima Tugas SMR KPD



**PERAK:** Seramai 151 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Kor Perkhidmatan Diraja (KPD) terlibat dalam Perbarisan Penghargaan dan Serah Terima Tugas SMR KPD diketuai PW I Hasri Airik di Padang Kawad Pusat Latihan Kor Perkhidmatan Diraja (PULMAT) pada 14 Mac 2019.

Mantan SMR KPD Ke-5, PW I Rosdan Hj Mohamed Rosli menyerahkan tugasnya kepada PW I Mohd Faizal Mohd Idris SMR KPD Ke-6 disaksikan Pengarah KPD, Brig Jen Hj Abd Malik Hj Amid.

Setelah hampir 31 tahun menabur bakti kepada KPD khasnya serta ATM dan TD amnya, PW I Rosdan Hj Mohamed Rosli bakal meninggalkan bidang ketenteraan pada tanggal 11 Jul 2020.

Seluruh warga kor mengucapkan jutaan terima kasih atas bakti yang dicurahkan oleh PW I Rosdan Hj Mohamed Rosli. - **Kpl Mohd Fadil Yusoff**, Gambar: Pmd Mohd Farid Mazeelan

## Perbarisan Pegawai Memerintah 2 RAMD

Oleh: Lt Muhammad Syahir  
Abdul Rahman  
Gambar : Kpl Nursahid Razuan

**PULAU PINANG:** Seramai 11 pegawai dan 215 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Batalion Kedua Rejimen Askar Melayu Diraja (2 RAMD) diketuai Pemangku Penolong Pegawai Memerintah, Mej Zulhisham Abdul Rashid terlibat dalam Perbarisan Pegawai Memerintah di Padang Kawad pasukan pada 10 Jan 2019.

Perbarisan dimulai dengan ketibaan Pegawai Memerintah Ke 37 iaitu Lt Kol Azwadi Jamian dan nyanyian lagu pasukan lalu diteruskan dengan pemeriksaan perbarisan.

Majlis diteruskan dengan pemakaian pangkat kepada 22 anggota LLP meliputi 14 anggota dinaikkan pangkat Kpl dan lapan anggota dinaikkan pangkat dari LKpl.

Dalam ucapan Pegawai Memerintah beliau menekankan pengetahuan anggota berkenaan Perintah Ulung PTD iaitu ASAS serta



pengetahuan ketenteraan seperti kawad tempur seksyen dan sebagainya bagi memperkemaskan pengetahuan dalam diri sebagai seorang anggota tentera.

## Perbarisan Serah Terima Tugas Ketua Staf 8 Bgd



**KELANTAN:** Perbarisan Serah Terima Tugas Ketua Staf 8 Bgd telah diadakan di Padang Kawad Kem 8 Bgd pada 7 Jan 2019.

Perbarisan ini diketuai oleh Kem Komandan 8 Bgd, Mej Mohamad Fakhzan Abdullah melibatkan 15 pegawai dan

83 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Kem 8 Bgd.

Nota Serah Terima Tugas ditandatangani antara Pemangku Ketua Staf, Mej Hirwan Baharudin dan Lt Kol Zaabar Jaafar selaku Ketua Staf 8 Bgd yang baharu disaksikan Panglima 8 Bgd, Brig Jen Hj Muhammad Huzaime Sabri.

Pada masa yang sama, diadakan juga Majlis Serah Terima Tugas Pengurus BAKAT Kem 8 Bgd antara Rozila Ghazi dan Norma di Rumah BAKAT Kem 8 Bgd.

Selain itu turut diadakan Majlis BBQ Wisma Perwira 8 Bgd sempena meraikan Ketua Staf yang baharu dan Ahli Wisma yang bertukar keluar iaitu Pegawai P4 MK 8 Bgd, Mej Abd Wafi Abd Majid, Mej Zuwairi Azmi dari Rej 506 (AW) serta Pengarah JHEV Kelantan dan

Terengganu, Mej Muhd Aman Shah Alias.

Turut hadir Panglima 8 Bgd, Pegawai Memerintah dan Pemerintah serta semua Ahli Wisma Perwira 8 Bgd bersama pasangan. - Lt Iqbal Aqil Mohd Fadzludin, Gambar: Pbt Afif Hazwan

# Perbarisan Pegawai Memerintah 6 RAMD



Oleh: Sel Risik 6 RAMD

**KEDAH:** Seramai 11 pegawai dan 245 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Pegawai Memerintah di Padang Kawad Pasukan pada 18 Jan 2019.

## Pembudayaan Inovasi PMBTD 2019

**PULAU PINANG:** Seramai 41 pegawai dan Lain-Lain Pangkat (LLP) menghadiri Bengkel Pembudayaan Inovasi Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (PMBTD) 2019 bertempat di MSS Pulau Pinang, Kem Batu Feringgi bermula dari 16 hingga 18 Jan 2019.

Bengkel Inovasi PMBTD 2019 dirasmikan oleh Ketua Staf Perkhidmatan MK PMBTD, Brig Jen Muhammad Ariff Soo Abdullah yang mana skop perancangan melibatkan pembentangan ke atas kriteria penilaian dan kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti daripada APITD tahun-tahun sebelumnya yang disampaikan oleh Lt Kol Hj Ishak Ismail dari BITD dan PS 2 Bantuan (OPLAT), Mej Mohd Ghazali Abdul Rahman.

Objektif Bengkel Inovasi PMBTD 2019 ini adalah untuk pembudayaan Inovasi di formasi-formasi PMBTD, mendedahkan kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti oleh Tim Pemeriksa APITD 2018, memberi penerangan yang jelas terhadap keperluan dalam menyiapkan Projek KIK Horizon Baru dan cara menyiapkan laporan projek dan penyelarasaran penglibatan formasi dalam APITD 2019. - Kpl Nor Azlina Abd Azmi



Perbarisan yang diketuai oleh Penolong Pegawai Memerintah, Mej Hairun Anor Halib ini dimulakan dengan nyanyian lagu pasukan, penyampaian cenderahati kepada anggota sajian pasukan dan seterusnya ucapan dari Pegawai Memerintah.

Dalam ucapan Pegawai Memerintah, beliau berkehendakan semua pegawai dan anggota perlu sentiasa bersedia dari segala aspek baik fizikal maupun mental serta tahap kesiagaan anggota perlu diberi keutamaan dalam memastikan pelaksanaan tugas dilaksanakan dengan baik serta mengingatkan akan kesan negatif penyalahgunaan dadah terhadap diri dan kerjaya.

"Saya bertekad untuk memerangi masalah dadah di kalangan anggota pasukan habis-habisan agar pasukan ini bebas dari masalah dadah," tegas beliau, perbarisan ini turut dihadiri oleh staf awam pasukan.

## Ketua Polis Kelantan Berkunjung Ke 8 Bgd



**KELANTAN:** Ketua Polis Kelantan, DCP Dato' Hasanuddin Hassan melakukan Kunjungan Hormat keatas Panglima 8 Bgd, Brig Jen Hj Muhamad Huzaimi Sabri bertempat di MK 8 Bgd pada 15 Jan 2019.

Kunjungan ini membincangkan isu-isu semasa yang melibatkan keselamatan Negeri Kelantan dan diakhiri dengan menandatangani Buku Lawatan oleh Ketua Polis Kelantan.

Selesai Kunjungan Hormat, Panglima 8 Bgd dan Ketua Polis Kelantan telah mempengerusikan bersama Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Gerakan Negeri (JPGN) Kelantan Bil 1/2019 di Bilik Mesyuarat MK 8 Bgd.

Mesyuarat ini dihadiri oleh agensi-agensi keselamatan yang terdiri daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) Kelantan, Polis Gerakan Am (PGA), Jabatan Kastam, Jabatan Imigresen Kelantan, Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia, Caw Khas IPK Kelantan, Agensi Marin Kelantan, Cawangan Perisikan serta Pegawai-pegawai Jajahan Tumpat, Jeli dan Pasir Mas. - Mej Ahmad Rostham Nordin, Gambar: Pbt Afif Hazwan

# Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah Rej 881 PUTD

Oleh : Kapt Mohd Amirul Nashriq Sud Sedi  
Gambar : Pbt Azwan Salim

**JOHOR:** Seramai 35 pegawai dan 316 anggota LLP terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah Rej 881 PUTD diketuai oleh Lt Kol Muhammad Fadzarudin Othman bertempat di perkarangan Rej 881 PUTD pada 4 Jan 2019.

Pegawai Memerintah, Lt Kol Mohamad Nazri Ahmad telah menyerahkan tugas kepada Lt Kol Hj Zaharudin Hj Zainol dengan rasminya selaku Pegawai Memerintah yang baharu dengan penuh adat dan tradisi regimental.

Dalam ucapan mantan Pegawai Memerintah, beliau amat berterima kasih kepada warga Rej 881 PUTD yang telah memberikan kerjasama kepadanya sepanjang menjalani Rej 881 PUTD.

Beliau juga berharap agar warga pasukan memberikan kerjasama dan komitmen yang baik kepada pemerintahan



yang baharu serta mengingatkan warga pasukan supaya menjauhkan diri dari segala perlakuan yang bertentangan dengan kehendak perkhidmatan.

Majlis diteruskan dengan menandatangani Nota Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah Rej 881 PUTD disaksikan oleh Pengarah PUTD, Kol Yazid Yusof dan seluruh warga pasukan.

## Panglima 3 Div Lawat Div Artilleri 3 Div

**NEGERI SEMBILAN:** Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman melakukan lawatan ulungnya ke Divisyen Artilleri 3 Div pada 8 Jan 2019.

Markas Divisyen Artilleri 3 Div memilih pasukan Rejimen Ke 21 Artilleri Diraja (Rej 21 RAD), Kem Syed Sirajuddin sebagai lokasi perbarisan dan lawatan ulung tersebut.

Perbarisan yang berkekuatan seramai 12 pegawai dan 310 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terdiri dari pasukan 4 RAD, 7 RAD dan 21 RAD, diketuai oleh Pegawai

Memerintah 4 RAD, Lt Kol Ahmad Daud Hj Mustapa.

Ketibaan Panglima 3 Div, disambut oleh Komander Artilleri Divisyen 3 Div, Brig Jen Ahmad Abu Bakar serta Pegawai-Pegawai Memerintah Artilleri 3 Div yang mana perbarisan kemudiannya diakhiri dengan acara bergambar.

Selesai perbarisan, sesi taklimat khas diadakan di MK Rej 21 RAD yang mana Komander Artilleri Divisyen menyampaikan taklimat berkaitan aktiviti dan perkembangan terkini perjalanan operasi Divisyen Artilleri.

Panglima 3 Div kemudian dibawa ke garaj meriam untuk meninjau lokasi dan aset-aset khususnya milik 21 RAD.

Lawatan diteruskan dengan majlis makan tengahari dan sesi ramah mesra bersama anggota.

Dalam ucapannya, beliau berkehendakkan setiap peringkat pegawai dan anggota mengutamakan kehendak perkhidmatan dan punggahan, khususnya aspek-aspek yang melibatkan keperluan operasi dan latihan.

Selain itu, beliau mengingatkan agar keselamatan dan kesihatan sentiasa dipelihara bagi memastikan setiap pegawai dan anggota mampu melaksanakan tugas dengan sempurna. - Mej Mohammed Fahmi Ishak, Gambar: Kpl Mohd Hafiz Hamzah



# 3 Div Anjur Hari OKU Peringkat Negeri Melaka

Oleh: Mej Mohammed Fahmi Ishak  
Gambar: Kpl Mohd Hafiz Hamzah

**MELAKA:** Seramai 126 Pelatih Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Negeri Melaka mengambil bahagian di dalam Sambutan Hari Orang Kurang Upaya (OKU) PDK Peringkat Negeri Melaka pada 10 Jan 2019.

Program ini merupakan kolaborasi kali pertama di antara Markas 3 Divisyen dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka.

Ianya diadakan sempena Sambutan Hari OKU Antarabangsa yang disambut pada setiap 3 Dis manakala MK 3 Div pula menyambut Hari Ulangtahun Ke-42 pada 1 Nov 2018 yang lalu.

Pelbagai aktiviti sukaneka diperlombakan bagi meraikan pelatih-pelatih dari 18 buah PPDK seluruh Negeri Melaka.

Antaranya ialah boling kelapa dan permainan straw dan getah serta pertandingan mewarna turut diadakan bagi mengetengahkan bakat-bakat mewarna di kalangan pelatih istimewa ini.

Sambutan kali ini yang bertepatan dengan tema Hari OKU Peringkat Kebangsaan iaitu Memperkasakan Orang Kurang Upaya dan Memastikan Inklusiviti dan



Kesaksamaan telah dirasmikan oleh isteri Ketua Menteri Melaka merangkap Pengurus HARWANIS, Hjh Dalilah Awaludin.

Turut hadir Pengurus PPDK Umi Kem Terendak selaku Pengurus JK Penganjur, Datin Ramlah Dawi, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka, Burhanuddin Bachik, Pegawai Kerja PPDK Umi, Lt Kol Mohd Hamdan Adenan serta Pengurus-Pengurus PPDK Seluruh Negeri Melaka.

## Panglima 3 Div Sempurnakan Pemakaian Pangkat Anggota

**MELAKA:** Seramai 24 pegawai dan 65 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Pemakaian Pangkat Anggota 3 Divisyen yang diadakan pada 14 Jan 2019.

Perbarisan yang diketuai oleh Pegawai Staf 1 Tadbir, Lt Kol Jonurzaidi Haji Jusoh, menyaksikan tiga anggota LLP dari Sel Sajian dinaikkan pangkat daripada LKpl ke Kpl.

Anggota tersebut ialah LKpl Ahmad Shaifuddin Abdul

Wahab, LKpl Nurul Nadrah Said dan LKpl Fatin Nasirah Mohd Fauzi.

Upacara pemakaian pangkat disempurnakan oleh Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman dan dalam ucapannya beliau mengucapkan tahniah di atas kenaikan pangkat tersebut, namun beliau mengingatkan bahawa pangkat tersebut datang bersama tanggungjawab dan amanah.

Tanggungjawab yang digalas dan amanah yang diberikan itu seharusnya hendaklah dilaksanakan sewajarnya.

Selain itu, beliau turut merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua peringkat pegawai dan anggota di atas kelancaran penganjuran Lawatan Ulung PTD yang telah dilaksanakan pada 11 Jan 2019.

Diharapkan kerjasama yang baik itu akan dapat diteruskan lagi di dalam semangat Satu Pasukan, sebagaimana yang dinyatakan beliau di dalam Perintah Ulung Panglima 3 Divisyen.

Turut hadir Ketua Staf Markas 3 Div, Kol Marzuki Hj Mokhtar serta warga MK 3 Divisyen.- Mej Mohammed Fahmi Ishak, Gambar: Kpl Mohd Hafiz Hamzah



# Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah 5 RAMD

Oleh: Lt Muhammad Nashriq Fahmie  
Mohd Hanif  
Gambar: LKpl Asman Razwan

**JOHOR:** Seramai 14 pegawai dan 186 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah Batalion Kelima Rejimen Askar Melayu Diraja (5 RAMD) diketuai Penolong Pegawai Memerintah 5 RAMD, Mej Mohammad Ali bertempat di Padang Kawad 5 RAMD pada 17 Jan 2019.

Pegawai Memerintah 5 RAMD, Lt Kol Johan Effendi Hj Mohd Shalleh menyerahkan tugasnya kepada Lt Kol Mohd Syukri Mat dengan rasminya sebagai Pegawai Memerintah Ke-32 yang baharu.

Acara diteruskan dengan menandatangani Nota Serah Terima Tugas, penyerahan Tongkat Kuasa dan Penyerahan Panji-Panji Rejimen yang disaksikan oleh Panglima 7 Briged, Brig Jen Hj Zawawi Hj Adam.

Pada masa sama turut diadakan Serah Menyerah Tugas Pengerusi BAKAT 5 RAMD, Haslinda Rahim kepada Hasnur Sukriah Othman disaksikan oleh Pengerusi BAKAT 7



Briged, Dr. Hajjah Zaharah Abdul Rahman di Bilik Rehat Pegawai.

Majlis diakhiri dengan Jamuan Makan di Dewan Makan 5 RAMD dan Street Lining untuk Mantan Pegawai Memerintah 5 RAMD sebelum meninggalkan Kem Batu Tiga.

## Lawatan Ulung Panglima 3 Div Ke 4 Bgd (Mek)

**PAHANG:** Panglima 3 Divisyen (3 Div), Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman melakukan Lawatan Ulung beliau ke 4 Bgd (Mek) dan disambut oleh Panglima 4 Bgd (Mek), Brig Jen Engr Reizal Arif Tan Sri Ismail di perkarangan MK 4 Bgd (Mek) pada 18 Jan 2019.

Beliau seterusnya memeriksa Kawalan Kuarter dan diperkenalkan kepada pegawai-pegawai 4 Bgd (Mek)

sebelum dibawa ke Bilik Gerakan MK 4 Bgd (Mek) untuk mendengar taklimat G,A dan Q.

Setelah selesai mendengar taklimat, beliau turut ke Dewan Indera Sri Panching untuk majlis jamuan makan tengahari dan menuaikan Solat Jumaat bersama warga 4 Bgd (Mek).

Sejurus menuaikan solat Jumaat, Panglima 3 Div dibawa ke Padang Kawad 4 Bgd (Mek) untuk menyaksikan Perbarisan Keupayaan Tempur 4 Bgd (Mek) yang diketuai oleh Pegawai Memerintah 14 RAMD (Mek), Lt Kol Zulhemi Masdar dan Demontrasi Ulang Bekal di Padang Kawad 1 KAD serta Demontrasi Memasak Dapur Medan berserta Peralatan Op Murni di Garaj Gempita 1 KAD.

Lawatan diakhiri dengan menandatangani buku lawatan dan acara bergambar.

Turut hadir Ketua Staf Am, Lt Kol Muhamad Juraimy Aripin, Ketua Staf Tadbir dan Logistik, Lt Kol Anwar Jafrizal Haji Ahmad, Pegawai Memerintah dan Pemerintah di bawah naungan-Sel Risik MK 4 Bgd (Mek)



# Serah Terima Tugas KS MK Arti Div 3 Div

Oleh: Kapt Yusri Heiri Arifin

Gambar: Bdr Faizul Azrinnor

**MELAKA:** Seramai 13 pegawai dan 20 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) menyaksikan upacara Serah Terima Tugas Ketua Staf MK Arti Div 3 Div pada 21 Jan 2019.

Serah terima tugas di antara Brig Jen Zainal Mohd Noor dengan Kol Zulmajdi Yunus disaksikan oleh Komander Artilleri Divisyen 3 Divisyen, Brig Jen Ahmad Abu Bakar.

Brig Jen Zainal Mohd Noor telah menjawat jawatan Ketua Staf MK Arti Div 3 Div selama tiga tahun dua bulan mulai 30 Okt 2015 sehingga 29 Dis 2018.

Beliau dinaikkan ke pangkat Brig Jen dan menjawat jawatan Panglima Grup Artilleri Pertahanan Udara (GAPU).

Selain itu, beliau mengucapkan terima kasih kepada pegawai dan anggota MK Arti Div 3 Div atas khidmat yang diberikan kepada beliau sepanjang menyandang jawatan Ketua Staf.



## Pasak Bumi Perdana Uji Ketahanan 3 Div

**NEGERI SEMBILAN:** Seramai lapan pegawai dan 320 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari pelbagai unit Trup 3 Divisyen terlibat dalam Eksesais PASAK BUMI Perdana 3 Div Siri 1/2019 yang bermula dari Ladang Sua Betong hingga Kampung Acheh, Rembau pada 21 Jan 2019.

Eksesais yang diadakan selama empat hari ini dikelolakan oleh Rejimen Ke-2 Kor Armor Diraja (2 KAD) melibatkan warga Trup 3 Div dari gabungan MK 3 Div, 2 KAD, 3 Rejimen KPTD, 73 Bn KPD dan 73 Woksyop Div.

Upacara Perasmian disempurnakan oleh Ketua Staf MK 3 Div, Kol Marzuki Hj Mokhtar bertempat di Padang Kawad 2 KAD sebelum kesemua peserta dilepaskan mengikut laluan seksyen masing-masing bermula di Ladang Sua Betong.

Pegawai Memerintah 2 KAD, Lt Kol Amran Alias, bertindak selaku Pengarah Latihan bagi eksesais kali ini dan turut hadir wakil-wakil Trup 3 Div yang mengambil bahagian. - Mej Mohammed Fahmi Ishak, Gambar: Kpl Mohd Hafiz Hamzah



## Pertukaran Teraju Pimpinan 73 Bn KPD



**MELAKA:** Seramai lapan pegawai dan 16 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah 73 Batalion Kor Perkhidmatan Diraja (73 Bn KPD) bertempat di Padang Kawad Pasukan pada 8 Feb 2019.

Perbarisan yang diketuai oleh Penolong Pegawai Memerintah 73 Bn KPD, Mej A. Lazim Amit, dimulakan dengan ketibaan Pegawai Memerintah 73 Bn KPD, Lt Kol Ahmad Abdul Hamid lalu menerima tabik hormat dan seterusnya memeriksa perbarisan.

Sebaik ketibaan Panglima 3 Divisyen, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman, beliau diberikan tabik hormat dan seterusnya menyaksikan Upacara Menandatangani Sijil Serah Terima Tugas dan Serah Terima Tongkat Kuasa Pegawai Memerintah 73 Bn KPD di antara Lt Kol Ahmad Abdul Hamid dengan Lt Kol Kamarudin Dollah.

Lt Kol Ahmad Abdul Hamid bertukar keluar ke Jabatanarах KPD manakala Lt Kol Kamarudin Dollah pula bertukar masuk dari MK 2 Div. - Mej Mohammed Fahmi Ishak

# Lawatan Ulung Panglima 4 Div Ke 74 BOD

Oleh: Kpl Mohd Sadiq Zakaria

**KUALA LUMPUR:** Seramai 10 pegawai, 75 anggota Lain-lain Pangkat (LLP) serta 11 pekerja awam terlibat dalam Majlis Perjumpaan dan Dialog Bersama Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin di 74 Batalion Ordnans Diraja (BOD) pada 9 Jan 2019.

Ketibaan Panglima disambut oleh Pegawai Memerintah, Lt Kol Amrit Singh Bachan Singh sebelum memeriksa anggota Kawalan Suku.

Panglima kemudian bergerak ke Bilik Gerakan untuk taklimat daripada Pegawai Memerintah mengenai perkara-perkara Tadbir, Gerakan dan Logistik bagi tahun 2018 dan perancangan untuk tahun 2019.

Acara diteruskan dengan lawatan ke Stor Depot bagi unit-unit naungan 4 Div dan pasukan-pasukan sekitar Lembah Klang dan Selangor seperti Stor Pakaian, Stor AGKB (Alat Ganti Kenderaan Bermotor), Stor Am, Alat Tulis, Perabot, Teknikal dan Stor Trafik.



Panglima dalam ucapan bersama warga 74 BOD menekankan isu penyalahgunaan dadah, keselamatan ketika di jalan raya dan sentiasa peka dengan perkembangan penulisan dari Meja Panglima Tentera Darat.

Turut hadir Pegawai Staf 1 Ordnans MK 4 Div, Lt Kol Hisham Mohamed.

## MMR Dining In Panglima 4 Div

**KUALA LUMPUR:** Wisma Perwira 4 Divisyen telah mengadakan Majlis Makan Malam Rejimental Dining In Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Haji Baharuddin yang dihadiri seramai 260 pegawai bersama pasangan bertempat di Wisma Perwira Tentera Darat pada 12 Jan 2019.

Majlis ini juga turut meraikan pegawai yang bertukar keluar, menamatkan perkhidmatan dan juga sempena Ulang Tahun 4 Div Ke-38.

Panglima turut menyampaikan cenderahati kepada pegawai yang diraikan dan mendoakan agar sentiasa cemerlang dan berjaya di tempat baharu.

Turut hadir, Panglima 11 Bgd, Brig Jen Dato' Dr Mohd Radzi Hj Abdul Hamid, Panglima 12 Bgd, Abdul Malik Jiran dan Ketua Staf MK 4 Div, Kol Asri Shukor. - **Kpl Mohd Sadiq Zakaria**



## Kursus PIFA Tahap 1 Peringkat 4 Div



**KUALA LUMPUR:** Seramai 70 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) di sekitar kawasan Lembah Klang menghadiri Kursus Pendidikan Islam Fardhu Ain(PIFA) Tahap 1 Siri 1/2019 yang diadakan di Dewan Syeikh Shamsuddin, Masjid Muhammad Al-Fateh Kem Wardieburn pada 25 Jan 2019.

Kursus PIFA ini merangkumi perkara Fardhu Ain, Aqidah, Akhlak dan pengajian Al-Quran.

Penuntut Keseluruhan Terbaik diberikan kepada SSjn Ahmad Faizal Md Yusof daripada 12 Wksp Bgd manakala Penuntut Akademik Terbaik disandang oleh Kpl Amirul Harun daripada 91 DPO.

Majlis Penutup disempurnakan oleh Pegawai Staf 1 KPD MK 4 Divisyen, Lt Kol Muhamad Noor Jasmani yang turut menyampaikan sijil kepada peserta. - **Kpl Mohd Sadiq Zakaria**

# Serah Terima Tugas Pengarah KOD

Oleh: LKpl Noriyana Md Shah  
Gambar: Sjn Zulkifli Ahmad

**KUALA LUMPUR:** Seramai 21 pegawai dan 25 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) termasuk kakitangan awam menyaksikan upacara Serah Terima Tugas Pengarah Kor Ordnans Diraja (KOD) di Pejabat Pengarah KOD pada 16 Jan 2019.

Serah terima tugas serta Penyerahan Tongkat Kuasa di antara Brig Jen Mohd Norbi Ismail dengan Brig Jen Hj Azelan Abu Bakar disaksikan Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah.

Brig Jen Mohd Norbi Ismail telah meneraju Pengarah KOD yang Ke-18 selama tujuh bulan mulai 10 Jul 2018 sehingga 16 Jan 2019 dan akan bersara pada 10 Mei 2019.



Beliau melafazkan ucapan terima kasih kepada pegawai dan anggota Jabatan Arah Ordnans atas khidmat yang diberikan kepada beliau sepanjang menyandang jawatan Pengarah KOD.

## RAJD Memperkasakan Ilmu Kejuruteraan



**KUALA LUMPUR:** Seramai 14 Pegawai Rejimen Askar Jurutera DiRaja (RAJD) yang sedang menghadiri Kursus Ketua Terup Loji siri 25/19 di Institut Kejuruteraan Medan Tentera Darat (IKEM) telah membuat lawatan kerja ke Pusat Infomasi Projek MRT di bawah kendalian MMC Gamuda di Bandar Malaysia North Station, Sungai Besi pada 26 Feb 2019.

Lawatan kerja ini bertujuan bagi mendedahkan para pegawai yang terlibat tentang teknologi kejuruteraan terkini terutama sekali mengenai *tunnel* engineering yang diaplikasikan didalam projek ini, sepanjang lawatan ini semua pegawai diberi penerangan secara keseluruhan pelaksanaan projek ini.

Banyak perkara baru seperti pengurusan projek, aplikasi kejuruteraan dan pegurusan keselamatan dan kesihatan yang dikongsikan oleh wakil MMC Gamuda kepada para pegawai yang terlibat, lawatan diakhiri dengan acara penyampaian cenderahati dan acara bergambar. - Lt Muhammad Syahir Asyraf Mhd Zain

## Ceramah Kesihatan

**KUALA LUMPUR:** Seramai 12 pegawai dan 35 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) menghadiri Program Ceramah Kesihatan Mengenai Penyakit Berjangkit bertempat di Dewan Hulubalang pada 29 Jan 2019.

Ceramah ini disampaikan oleh Pegawai Staf 2 Perubatan MK 4 Div, Mej Dr Gerard Al Rarard @ Lawrence, beliau menerangkan mengenai Penyakit TIBI yang disebabkan oleh Kuman TIBI (*Tubercle Bacilli*) merupakan penyakit berjangkit melalui saluran pernafasan yang boleh menyerang bahagian badan yang lain seperti selaput otak, tulang, kelenjar, buah pinggang dan kulit.

Objektif ceramah ini diadakan untuk memberi penerangan berkenaan cara-cara untuk mencegah penyakit TIBI dan memberi kesedaran kepada warga MK 4 Div mengenai penjagaan kesihatan yang melibatkan Penyakit TIBI.



Turut hadir, Ketua Staf MK 4 Div, Kol Asri Shukor. - Kpl Hilasrulmizani Abd Halim

# Kursus Keluarga Mawaddah Siri 1/2019 Peringkat 4 Div

Oleh: LKpl Khatijah Sahbudin



**KUALA LUMPUR:** Seramai dua pegawai dan 31 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) di bawah naungan 4 Div serta pasukan di sekitar Lembah Klang menghadiri Kursus Keluarga Mawaddah Siri 1/2019 Peringkat 4 Div anjuran Sel Agama Markas 4 Div bertempat di Masjid Muhammad Al Fateh pada 26 Feb 2019.

Objektif kursus ini adalah untuk memberi kefahaman kepada peserta hakikat sebuah kehidupan rumah tangga yang bahagia dimana peserta digalakkan untuk menjadikan Rasulullah SAW sebagai uswatan hasanah iaitu suri tauladan yang baik.

Majlis diakhiri dengan penyampaian Sijil Penyertaan oleh Komander PIDTD yang juga Pengurus Masjid Muhammad Al Fateh (MAF), Kol Romainor Mohamed

## Serah Terima Tugas Panglima 12 Bgd

**KUALA LUMPUR:** Seramai 15 pegawai dan 250 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) diketuai oleh Pegawai Memerintah 1 RAMD Lt Kol Ahmad Muzaimi Mohd Ali terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Panglima 12 Bgd Ke-21 di Kem Wardieburn pada 6 Mac 2019.

Acara menandatangani Nota Serah Terima Tugas, penyerahan Tongkat Kuasa dan Simbolik Penyerahan Bendera Panji-Panji 12 Bgd di antara Mantan Panglima 12 Bgd, Mej Jen Abdul Malik Jiran dan Brig Jen Marzuki Hj Mokhtar sebagai tanda tampok pemerintahan Panglima 12 Bgd yang baharu.

Serah Terima Tugas tersebut disaksikan oleh Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin. - Lt Nurul Amirah Zulkifli, Gambar: Cwg Risik MK 12 Bgd



## Mesyuarat JKPD TD Siri 1/2019

**KUALA LUMPUR:** Timbalan Pengurus Jawatankuasa Penanganan Dadah TD, Brig Jen Haji Mislan Anuar sebagai laku Provos Marsyal Darat mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Penanganan Dadah Tentera Darat (JKPD TD) Siri 1/2019 bertempat di Bilik Mesyuarat Markas 48 Cawangan Siasatan Jenayah TD pada 4 Mac 2019.

Objektif mesyuarat adalah untuk membincangkan isu-isu semasa berkenaan penyalahgunaan dadah atau racun

di dalam TD dan seterusnya mengeluarkan resolusi dan penyelesaian bagi menanganinya.

Mesyuarat yang bertemakan Berani ambil Peduli atau (*Dare To Care*) di tekankan dalam pelan tindakan anti dadah tahun ini agar budaya tegur menegur dan mengambil tahu di kalangan pegawai dan setiap lapisan anggota dapat diterapkan bagi maksud memerangi gejala najis dadah atau racun. - Mej Nor Azman Suratman, Gambar : SSjn Abdul Rahim Awang



# Melabuhkan Tirai Bengkel SPATD Versi 2.0 Dan SPSKTD Peringkat 4 Div



Oleh: LKpl Khatijah Sahbudin

**KUALA LUMPUR:** Seramai 25 pegawai dan 86 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Penutup Bengkel Sistem Pengurusan Aset Tentera Darat (SPATD) Versi 2.0 dan Sistem Pengurusan Senggaraan Kem Tentera Darat (SPSKTD) bertempat di Dewan Dato' Othman Harun pada 8 Mac 2019.

Majlis Penutup ini disempurnakan oleh Panglima 4 Divisyen, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Haji Baharuddin.

Bengkel ini diadakan dari 4 hingga 8 Mac 2019 yang bertujuan memberi garis panduan berhubung aspek pentadbiran dan pengurusan SPATD Versi 2.0 dan SPSKTD.

Turut hadir, Pengarah Log Cawangan Log TD, Kol Adnan Abu Hassan, Ketua Staf MK 4 Div, Kol Asri Shukor dan Kol Logistik MK PMBTD, Kol Tamam Jamioon.

## Pertunjukan PI Brassband Dan PI Serunai

**KUALA LUMPUR:** Pertunjukan PI Brassband dan PI Serunai Peringkat 4 Divisyen telah diadakan di Padang Kawad 1 RRD pada 11 Mac 2019.

Pertunjukan bermula sejurus ketibaan Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin.

Acara dimulai dengan pertunjukan PI Brass Band dari 1 RAMD dan diteruskan dengan pertunjukan PI Serunai dari 8 RAMD.

Majlis diakhiri dengan perjumpaan Panglima 4 Div bersama anggota yang membuat pertunjukan di Dewan Dato' Othman Harun.

Turut hadir, Panglima 12 Bgd, Brig Jen Marzuki Hj Mokhtar, Komandan PUZIDA, Kol (DOM) Norman Hj Kamarudin dan pegawai-pegawai kanan 4 Div. - LKpl Khatijah Sahbudin



## Aktiviti Riadah Wanita MK 4 Div



**KUALA LUMPUR:** Seramai lima pegawai dan 25 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Wanita dari MK 4 Div terlibat dalam Program Mendaki Bukit Dinding bersempena dengan sambutan Hari Wanita Sedunia pada 8 Mac 2019.

Program ini merupakan anjuran JKHEWTD MK 4 Div.

Kelebihan membuat aktiviti riadah seperti ini dapat meningkatkan kemahiran berfikir secara kreatif, menguatkan lagi semangat kesatuan di antara sesama anggota di samping dapat memberikan satu pengalaman baharu dengan aktiviti sukan seperti mendaki bukit. - LKpl Khatijah Sahbudin

# Pertandingan Merentas Halangan Uji Warga 8 RRD Para

Oleh: Lt Suhanj Rajasegaran  
Gambar: LKpl Jarod Jonep

**MELAKA:** Batalion Kelapan Rejimen Renjer Diraja (Para) telah melaksanakan Pertandingan Merentas Halangan dan Menembak antara Kompeni bagi tahun 2019 dan upacara penutup disempurnakan oleh Pegawai Memerintah 8 RRD (Para), Lt Kol Muhammad Samzie Gusang pada 18 Jan 2019.

Pertandingan ini bertujuan menguji daya ketahanan mental dan fizikal pegawai dan anggota yang melibatkan enam kompeni bertanding di samping mencari kompeni dengan markah paling kurang bagi memegang Piala Sauh.

Piala Sauh ini adalah tradisi pasukan di mana kompeni yang memperolehi markah paling sedikit dalam sebarang pertandingan akan mendapat Piala Sauh dan perlu memikul Piala Sauh sewaktu jasmani pagi batalion setiap hari.

Kompeni Charlie telah menjadi Johan Pertandingan Merentas Halangan dan Menembak antara Kompeni bagi tahun



2019 manakala pasukan yang memegang Piala Sauh adalah Kompeni Bantuan.

Pegawai Memerintah 8 RRD (Para) telah menyampaikan hadiah kepada pemenang bagi mengakhiri acara.

## 1 RAD Para Laksana Latihan Artilleri Bantuan Rapat Siri 1/2019

**MELAKA:** Seramai lima pegawai dan 92 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari Rejimen Pertama Artilleri Diraja (Para) terlibat dalam Latihan Artilleri Medan Bantuan Rapat 1 RAD (Para) Siri 1/2019 yang dilaksanakan di sekitar Kem

Terendak pada 30 Jan 2019.

Selain itu, latihan ini turut melibatkan tujuh pegawai dan 13 anggota LLP dari Rejimen 881 Pasukan Udara Tentera Darat (PUTD) dan Skuadron Ke-10 Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dalam membantu menyediakan dua kali pesawat Agusta A 109 *Light Observation Helicopter* dan pesawat EC 725.

Pada masa sama diadakan demonstrasi hasil daripada latihan tersebut dan pertontonkan kepada warga 10 Bgd (Para) bagi tujuan perkongsian pendedahan atur gerak meriam 105mm PH menggunakan teknik underslung.

Sejurus selesai demonstrasi, warga 10 Bgd (Para) terus melaksanakan PT Tengahari Perdana bertempat di Padang Bola 17 RAMD (Para).

Panglima 10 Bgd (Para), Brig Jen Khairul Azmizal Ahmad Natal serta Pegawai Memerintah dan Pemerintah di bawah naungan turut hadir bagi kedua acara tersebut. - Lt Muhamad Zainalarifin Mohamad Zainal Abidin, Gambar: Gabungan 10 Bgd (Para)



# Perbarisan Pegawai Memerintah 8 RRD Para

Oleh: Lt Suhanraj Rajasegaran  
Gambar: LKpl Jarod Jonep

**MELAKA:** Seramai 11 pegawai dan 276 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari pasukan 8 RRD (Para) terlibat dalam Perbarisan Pegawai Memerintah bertempat di Padang Kawad Pasukan pada 1 Feb 2019.

Perbarisan diketuai oleh Penolong Pegawai Memerintah, Mej Mohd Sufian Kamarul Ariffin manakala Ajutan Perbarisan adalah Kapt Nik Abdul Hadi Nik Hassan dan SMR perbarisan adalah PW I Simon Geleuk Polus.

Perbarisan dimulakan dengan nyanyian lagu pasukan dan seterusnya pemeriksaan perbarisan oleh Pegawai Memerintah yang mana diikuti dengan acara pemakaian pangkat anggota LLP.

Pegawai Memerintah dalam ucapannya berkehendakkan semua pegawai dan anggota sentiasa bersedia dari segala aspek baik fizikal maupun mental bagi menyahut intipati yang digariskan dalam Perintah Ulung PTD dan Ucaptama Panglima 10 Bgd (Para) Tahun 2019.



Tambahnya lagi, beliau juga mahukan tahap kesiagaan anggota diberi keutamaan dalam memastikan pelaksanaan tugas dilaksanakan dengan baik dan pemantapan dari segi taktik, teknik dan prosedur dalam semua aspek.

## Panglima 10 Bgd Para Lawat Kompeni Pandura Para



**MELAKA:** Panglima 10 Bgd (Para), Brig Jen Khairul Azmizal Ahmad Natal melakukan lawatan ke Kompeni

Pandura (Para) pada 31 Jan 2019.

Panglima 10 Bgd (Para) juga telah berkesempatan mendengar sesi taklimat melibatkan perkara G, A dan Q pasukan yang disampaikan oleh Pegawai Pemerintah Komp Pandura (Para) sebelum dibawa melawat ke sekitar pasukan dan dibawa ke PIAW Range untuk mlaraskan senjata persendirian beliau.

Disamping menyampaikan amanat beliau kepada pegawai dan anggota, lawatan ini juga bertujuan untuk melihat dengan lebih jelas keupayaan pasukan dalam menyediakan *Minimum Essential Requirement* (MER) bagi memenuhi keperluan aturgerak operasi, menekankan tentang keperluan latihan secara lebih objektif dan fokus serta untuk mengetahui sebarang permasalahan yang dihadapi oleh pasukan. - Lt Muhamad Zainalarifin Mohamad Zainal

Abidin, Gambar: 10 Bgd (Para)

# Sambutan HUT 12 Bgd



Oleh: Lt Nurul Amirah

Gambar: Pbt Abu Huzaifah

**KUALA LUMPUR:** Markas Brigid Ke-12 Infantri Malaysia (MK 12 Bgd) telah menyambut Hari Ulang Tahun (HUT) Ke-38 di Padang Bola 1 RRD pada 4 Jan 2019.

Acara sambutan HUT 12 Bgd akan dilaksanakan bermula 4 hingga 13 Jan 2019 yang meliputi aktiviti-aktiviti seperti Perbarisan HUT, Program Tahlil Doa Selamat, Program Derma Darah, Hari Keluarga Sukaneka dan Konsert Malam Akrab.

masa hadapan, pendekatan ASAS yang diperkenalkan oleh PTD harus diamalkan.

Sambutan HUT 12 Bgd diteruskan dengan Program Derma Darah bertempat di Dewan Dato Othman Harun pada 8 Jan 2019.

Pengarah Pusat Darah Negara (PDN), Dr Norhayati Abu Amin menyatakan bahawa negara memerlukan 2000 beg darah sehari bagi memenuhi keperluan pesakit di seluruh hospital di bawah Kementerian Kesihatan.

Turut hadir Brig Jen Dato' Fitgerald Joseph Kilroy Augustin, Kolonel Romainor Mohamed, Lt Kol Megat Maz Ardi Hj Nohuddin, Pegawai Memerintah dan Pemerintah.

## 5 Bgd Sambut HUT Ke-55

**SABAH:** Seramai 12 pegawai dan 225 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) diketuai Timbalan Komander Rejimen 507 Askar Wataniah, Lt Kol Farid Arifeen Muhammad Arip, menyertai Perbarisan HUT 5 Bgd Ke-55 di Padang Kawad Batalion Ke-3 Rejimen Askar Melayu Diraja pada 10 Jan 2019.

Hadir semasa perbarisan tersebut adalah Panglima 5 Bgd, Brig Jen Muhammad Hafizudeain Jantan bersama isteri Hartiah Hamzah.

Dalam Panglima 5 Bgd, beliau berasa bangga kerana dapat menyambut HUT 5 Bgd dan mengucapkan terima kasih kepada pucuk kepimpinan Tentera Darat di atas kepercayaan beliau untuk memimpin 5 Bgd.

Panglima turut menyeru kepada seluruh perajurit 5 Bgd untuk bersama-sama beliau mendukung hasrat dan aspirasi TD sebagaimana yang diperturunkan melalui Perintah Ulung Panglima Tentera Darat.

Semua aspek ketenteraan yang telah digariskan dengan sempurna adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk merealisasikan hasrat tersebut.

Di samping itu, beliau berkehendakkan 5 Bgd terus memacu kecemerlangan sebagai Bgd barisan hadapan yang dipertanggungjawabkan untuk mempertahankan kedaulatan negeri Sabah.

Beliau memberitahu hubungan persaudaraan sesama semasa bertugas dapat

mempamerkan mutu disiplin yang unggul dan terpuji, meneruskan jalinan kerjasama dengan agensi awam dan di samping itu juga, semua diperingatkan untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan melalui BAKAT.

Turut hadir semasa perbarisan adalah Ketua Staf MK 5 Bgd, Lt Kol Hj Mohd Nizam Hj Abdul Manap, Pegawai Memerintah dan Pemerintah di bawah naungan. - **Kapt Muhammad Yasin Mohd Sazali, Gambar: Pbt Gary Pangabang**



Sambutan ini diadakan dengan mempertontonkan Demonstrasi Alarm Stake (Tindak Cemas) Meriam 105 Milimeter Pack Howitzer dan Penubuhan Rangkaian Komunikasi serta Demontrasi Kawad Tempur Platun.

Dalam ucapan Panglima 12 Bgd, beliau menekankan agar warga 12 Bgd tidak leka dengan kejayaan silam dan percaya pengalaman yang dilalui mampu mendewasakan serta dapat membuat anjakan paradigma untuk menempa kejayaan yang lebih gemilang pada tahun 2019.

Bagi mewujudkan kesatuan ketumbukan 12 Bgd yang lebih gemilang, relevan dan berdaya saing di

## Perbarisan HUT RS Ke-11



Oleh: Lt Ataillah Afham Kamarol Zaman  
Gambar: LKpl Muhammad Iszam Ishnini

**PERLIS:** Seramai 16 pegawai dan 326 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari Rejimen Sempadan (RS) terlibat dalam Perbarisan Hari Ulang Tahun (HUT) RS Ke-11 bertempat di Padang Kawad Kem Bukit Cowder pada 12 Jan 2019.

Perbarisan tersebut melibatkan empat kontjen diketuai Pegawai Memerintah 5 RS, Lt Kol Mohyeddin Mohd Amin sera disempurnakan oleh Pengurus RS, Mej Jen Dato' Hj Azlan Abd Rahman.

Acara dimulakan dengan perbarisan masuk padang, diikuti dengan tabik hormat dan diteruskan dengan nyanyian

lagu RS serta pemeriksaan barisan oleh Pengurus RS.

Dalam ucapan Pengurus RS, beliau mengingatkan agar warga RS sentiasa memperkasakan ASAS seperti yang dia manahkan oleh Panglima Tentera Darat dan turut menyentuh perjalanan Kor yang kini berusia 11 tahun yang mana telah menempa beberapa kecemerlangan dalam tempoh waktu tersebut.

Perbarisan seterusnya diakhiri dengan acara bergambar di padang kawad dan Majlis Makan Besar di Dewan Serbaguna MK 30 dan turut meraikan pegawai dan anggota RS yang bakal bersara, serta pesara-pesara RS dari pelbagai pasukan.

Di sebelah petang pula, telah diadakan Perlawanan Akhir Bola Sepak Piala Pengurus RS di Padang Bola UITM Arau yang menyaksikan juara kumpulan 30

Bgd menentang juara kumpulan 31 Bgd.

Terdahulu dari itu beberapa aktiviti diadakan sepanjang sambutan HUT tersebut dimulai dengan Majlis Tahlii HUT RS pada 11 Jan 2019 bertempat di Surau Al-Kawkaba.

Turut hadir PMB TD, Lt Jen Datuk Azizan Md Delin, Panglima 2 Div, Mej Jen Dato' Mardzuki Muhammad, Ketua Staf TD, Mej Jen Datuk Zakaria Hj Yadi, mantan Panglima 30 Bgd, Mej Jen Dato' Zainal Abidin M.Said, Panglima 6 Bgd, Brig Jen Dato' Abd Aziz Hj Ismail, Panglima 30 Bgd, Brig Jen Hashim Aman Shah, mantan Panglima 31 Bgd, Brig Jen Dato' Hj Fadzil Tajudin, Pengarah Infantri, Brig Jen Datuk Hamdan Ismail, KS AM, Brig Jen Datuk Jamaluddin Jambi dan mantan Panglima 30 Bgd yang pertama, Brig Jen Adnan Ariffin (B).

## HUT PUSWATAN Ke-59

**PERAK:** Pusat Latihan Askar Wataniah (PUSWATAN) telah mengadakan Perbarisan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) PUSWATAN Ke-59 di Padang Kawad PUSWATAN melibatkan seramai 95 pegawai dan 115 anggota Lain-Lain Pangkat pada 23 Feb 2019.

Perbarisan diketuai oleh Lt Kol Mohd Zahril Shafie dan diiringi pancaragam pasukan 2 RRD dan Lt Kol Suhaidi bin Hj Saad selaku Komandan PUSWATAN telah menerima tabik hormat.

Di kesempatan perbarisan ini, Komandan juga telah menyampaikan sijil penghargaan serta cendera kenangan



kepada anggota dan isteri yang telah bertukar keluar dari PUSWATAN.

Turut hadir Timbalan Komandan, Lt Kol Mustafa Basri, Lt Kol Santhanathasan Ponnusamy serta Pegawai Sukarela dari Pasukan Siri 500 Askar Wataniah.



## "Ia Amat Istimewa"

# Mej Jen Dato' Ahmad Hadiatullah Maknum Hj Ridzuan

Oleh: Kpl Ainur Aisyah Yahaya  
Gambar: SSjn Vijay Guandar Arikrishnan

**KUALA LUMPUR:** Seramai 15 pegawai dan 305 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Rejimen Semboyan Diraja (RSD) terlibat dalam Perbarisan Penghargaan dan Serah Terima Tugas Ketua Pegawai Semboyan (KPS), Mej Jen Dato' Ahmad Hadiatullah Maknun Hj Ridzuan bertempat di Dataran Panglima Tentera Darat pada 18 Jan 2019.

Terdahulu dari itu (KPS), Mej Jen Dato' Ahmad Hadiatullah Maknun Hj

Ridzuan menerima tabik hormat terakhir dari kontinjen perbarisan yang terdiri daripada empat detasmen diketuai oleh Lt Kol Hamdan Abd Rahman serta diiringi gabungan Pancaragam Pusat Rejimen Askar Melayu Diraja dan Brassband Wanita RSD.

Perbarisan ini merupakan simbolik bagi menghargai jasa, khidmat dan bakti yang telah dicurahkan oleh Mej Jen Dato' Ahmad Hadiatullah Maknun Hj Ridzuan selama 40 tahun di dalam

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) amnya dan Tentera Darat (TD) khasnya.

Majlis diteruskan dengan acara Serah Terima Tugas KPS di antara Mej Jen Dato' Ahmad Hadiatullah Maknun Hj Ridzuan dengan Brig Jen Ahmad Saifuddin Talha disaksikan oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi.

Dalam ucapan KPS, beliau bersa terharu serta berbangga di atas



Mej Jen Dato' Ahmad Hadiatullah Maknun  
HJ Ridzuan

persempahan perbarisan yang mantap dan segak serta mengucapkan terima kasih kepada PTD yang sudi hadir dalam perbarisan penghargaan tersebut.

"Istimewa pada pagi ini, perbarisan ini turut dihadiri oleh rakan karib saya dari intake 33 *Forever Together* yang sederap selangkah bersama-sama melalui perit getir memerah keringat mengharung rintangan sebagai bakal pegawai kadet 41 tahun yang lalu.

" Jutaan Terima Kasih juga kepada kepimpinan TD serta warga RSD yang telah memberi dorongan dan sokongan selama saya berkhidmat dan istimewa pada pagi ini, perbarisan ini turut dihadiri oleh rakan karib saya dari intake 33 *Forever Together* yang sederap selangkah bersama-sama melalui perit getir memerah keringat mengharung rintangan sebagai bakal pegawai kadet 41 tahun yang lalu,

"Jutaan Terima Kasih juga kepada kepimpinan TD serta warga RSD yang telah memberi dorongan dan sokongan selama saya berkhidmat dan istimewa pada pagi ini, perbarisan ini turut dihadiri oleh rakan karib saya dari intake 33 *Forever Together* yang sederap selangkah bersama-sama melalui perit getir memerah keringat mengharung rintangan sebagai bakal pegawai kadet 41 tahun yang lalu"



## PENGHARGAAN



Tambahnya lagi, sejak RSD ditubuhkan 66 tahun lalu, RSD merupakan organisasi yang dapat membanggakan TD dan ATM dengan semangat juang dan pengorbanan yang tinggi serta berkat cogan kata Gagah Setia dan Pantas Pasti, RSD berjaya mengatasi, mengharungi rintangan dan cabaran dengan jayanya.

Selain itu, beliau menyeru kepada warga RSD agar merapatkan saf dan sama-sama berusaha bersama PTD ke arah kecemerlangan serta jadikan ASAS sebagai landasan ke arah kecemerlangan itu.

Mengimbas keperibadian Mej Jen Dato' Ahmad Hadiatullah Maknun Hj Ridzuan, beliau dilahirkan pada 14 Mei 1959 di Hutan Melintang, Perak dan mula menyertai tentera pada 21 Dis 1978 selepas menamatkan pelajaran di Maktab Tentera Diraja lalu menjalani latihan Pegawai Kadet



dan ditauliahkan ke dalam RSD serta mendirikan rumah tangga dengan Datin Hasnah Che Sab serta mempunyai lima cahaya mata.

Turut hadir Pengarah Direktorat

Peperangan Informasi, Brig Jen Dato' Basri Kasban, mantan Ketua Staf ATM, Lt Jen (B) Dato' Abu Muslim Ismail, mantan KPS, mantan pegawai kanan RSD serta Veteran RSD.





PENGHARGAAN



Terima Tabik Hormat Terakhir  
Lt Jen Dato' (Dr) Hj Ya'akop Komong





Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli

Gambar: Saifun Hakimi Zainon

**MELAKA:** Seramai 12 pegawai dan 168 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Kor Kesihatan Diraja (KKD) terlibat dalam Perbarisan Penghargaan sempena Persaraan Lt Jen Dato' (Dr) Hj Ya'akop Komang bertempat di Padang Kawad Institut Latihan Kesihatan Angkatan Tentera (INSAN) pada 22 Feb 2019.

Perbarisan ini merupakan simbolik bagi menghargai jasa, khidmat dan bakti yang telah dicurahkan oleh Lt Jen

Dato' (Dr) Hj Ya'akop Komang di dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) amnya dan Tentera Darat (TD) khasnya.

Terdahulu dari itu, Lt Jen Dato' (Dr) Hj Ya'akop Komang yang merupakan Pengurus KKD Ke-11 menerima tabik hormat terakhir dari kontinjen perbarisan terdiri daripada tiga detasmen diketuai oleh Lt Kol (Dr) Nor Amir Zakuan Panizan serta diiringi Platur Serunai Tambur dari Batalion Ke-17 Rejimen Askar Melayu Diraja (Para).

Acara diteruskan dengan pemeriksaan barisan oleh Lt Jen Dato' (Dr) Hj Ya'akop Komang serta perbarisan berjalan lalu dalam masa perlahan jalan dan cepat.

Mengimbang keperibadian Lt Jen Dato' (Dr) Hj Ya'akop Komang, beliau dilahirkan pada 6 Ogos 1959 di Kg Kandang, Melaka serta merupakan bekas pelajar tajaan Biasiswa Pra-Perkhidmatan ATM dan telah ditauliahkan

sebagai pegawai perubatan dengan menyandang pangkat Kapt (Dr) dalam KKD.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perubatan dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1984 dan Ijazah Sarjana Kesihatan Awam dari Universiti Malaya pada tahun 1988.

Sepanjang perkhidmatan dalam ATM, beliau ditugaskan sebagai Pegawai Perubatan Rejimen di pelbagai



pasukan serta turut diberi kepercayaan menjawat beberapa jawatan penting dalam Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera (PKAT) berdasarkan prestasi kerja yang amat membanggakan.

Turut hadir Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, Pengurus KKD, Lt Jen Dato' Pahlawan (Dr) Md Amin Muslan dan Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman.

# 40 Tahun Berbakti Brig Jen Baharudin Jamin Dirai



Oleh: LKpl Noriyana Md Shah  
Gambar: Sjn Zulkifli Ahmad

**KUALA LUMPUR:** Seramai 27 pegawai dan 296 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Penghargaan Tentera Darat Sempena Persaraan Brig Jen Baharudin Jamin diadakan di Padang Kawad, Kem Batu Kentonmen pada 25 Jan 2019.

Terdahulu dari itu, Brig Jen Baharudin Jamin menerima tabik hormat terakhir dari 8 detasmen yang diketuai oleh Lt Kol Mohd Suffian Misran serta diiringi Pancaragam Gabungan dari Batalion ke 25 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) dan Pusat Latihan Muzik Tentera Darat (PUZIDA) bertujuan sebagai tanda penghormatan menghargai jasa yang telah dicurahkan oleh beliau selama 40 tahun berkhidmat dalam ATM amnya dan TD khasnya.

Dalam ucapannya, beliau rasa terharu dan berbangga di atas persembahan perbarisan yang mantap dan segak serta mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengerusi Kor Ordnans Diraja (KOD) Mej Jen Dato Pahlawan Mohd Razif Hj Idris dan isteri serta barisan Majlis Tertinggi Kor serta Warga KOD kerana sudi hadir dalam perbarisan penghargaan tersebut.

"Saya menyeru agar semua Warga KOD sentiasa mempraktikan empat perkara ini walau dimana jua di peringkat pemerintahan, iaitu *Command, Leadership, Training and Management* dalam menguruskan tiga elemen utama iaitu, *Man, Machine and Method*," ujarnya.

Tambahannya lagi, kejayaan beliau tidak dapat dicapai tanpa irungan doa dari ibunya Memah Mahamud serta sokongan dari isteri Arfah Ahmad dan anak-anak yang sentiasa menjadi tulang belakang sepanjang perkhidmatan beliau di dalam Tentera Darat.

Dalam ucapan balas Pengerusi KOD, beliau menyatakan amat berbangga dan mengucapkan terima kasih kepada

Brig Jen Baharudin Jamin bagi pihak TD atas khidmat serta jasa dan keikhlasan yang dicurahkan sepanjang perkhidmatan dengan penuh kesetiaan dan dedikasi.

"Segala kejayaan tidak akan berlaku seandainya tanpa irungan doa yang khudus dari insan yang bergelar ibu serta pengorbanan insan yang bergelar isteri dan anak-anak menjadi inspirasi kepada perjuangan hidup suami di dalam tentera," ujar beliau.

Tambahannya, beliau menyeru agar Warga KOD agar sentiasa berbakti kepada ibubapa dan hargailah mereka sementara mereka masih hidup serta menjadikan Brig Jen Baharudin Jamin sebagai ikon dalam kerjaya yang diceburi.

Majlis diakhiri dengan acara jamuan ringan, penyampaian cenderhati dan *Street Lining*.

Turut hadir keluarga Brig Jen Baharudin Jamin dan kakitangan awam yang berkhidmat dalam pasukan Ordnans.



# Perbarisan Penghargaan Pengerusi KPD Ke-10

Oleh: Kapt Aizuddin Abdullah

**PERAK:** Istiadat perbarisan sempena persaraan Pengerusi Kor Perkhidmatan Diraja (KPD) Ke-10 iaitu mantan Asisten Ketua Staf Cawangan Logistik Tentera Darat (TD), Mej Jen Dato' Hj Hasanudin Hj Mustafa diadakan di Padang Kawad PULMAT pada 21 Feb 2019.

Istiadat perbarisan ini diadakan sebagai satu tanda penghormatan terakhir TD khasnya dan kor amnya kepada beliau yang akan bersara dari perkhidmatan setelah menabur bakti di dalam perkhidmatan ATM.

Beliau yang ditemani oleh isteri, Datin Hjh Nik Rahana Hj Nik Mohamad akan menamatkan perkhidmatan dan telah berkhidmat di dalam TD selama 42 tahun.

Beliau menerima tabik hormat daripada kontjen perbarisan yang terdiri daripada 15 pegawai serta 197 anggota Lain Lain Pangkat (LLP) dan diketuai oleh Lt Kol Adly Majid serta perbarisan ini turut diiringi oleh pancaragam gabungan dari pasukan 3 KAD dan 2 RRD.

Di akhir acara, Pengerusi KPD Ke-10 Mej Jen Dato' Hj Hasanudin Hj Mustafa bersama isteri telah diarak menggunakan kenderaan istiadat



dengan diiringi pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan anggota-anggota KPD.

Warga TDM dan KPD mengucapkan terima kasih dan selamat maju jaya kepada Mej Jen Dato' Hj Hasanudin Hj Mustafa.

Turut hadir Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Datuk Azizan Md Delin, Panglima 2 Bgd, Brig Jen Datuk Nizam Hj Jafaar serta pegawai-pegawai kanan KPD dan ahli keluarga kepada mantan Pengerusi KPD Ke-10.

## Perbarisan Penghargaan Brig Jen Dato' Hj Abdul Khalid Hamzah



**KUALA LUMPUR:** Istiadat Perbarisan Penghargaan Brig Jen Dato' Hj Abdul Khalid Hamzah iaitu mantan Ketua Staf Perkhidmatan Markas Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (TD), telah diadakan di Padang Kawad Kem Batu Kentonmen pada 22 Feb 2019.

Terdahulu dari itu, beliau menerima tabik hormat terakhir dari lapan detasmen terdiri daripada 27 pegawai serta 274 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) diketuai oleh Lt Kol H Mohd Rofl Zukisam Hassan serta perbarisan ini

turut diiringi oleh pancaragam dari Pusat Latihan Muzik Tentera Darat (PUZIDA).

Ia bertujuan sebagai tanda penghormatan menghargai jasa, khidmat dan bakti yang dicurahkan oleh beliau selama 40 tahun berkhidmat dalam ATM amnya dan TD khasnya.

Dalam ucapannya, beliau rasa terharu dan berbangga di atas persembahan perbarisan yang segak dan bersemangat serta mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengerusi Kor Ordnans Diraja (KOD) Mej Jen Dato' Pahlawan Mohd Razif Hj Idris dan isteri serta barisan Jemaah Tertinggi Kor serta warga KOD kerana sudi hadir dalam perbarisan penghargaan tersebut.

Sepanjang perkhidmatan dalam ATM, beliau diberi kepercayaan menjawat

pelbagai jawatan penting dalam perkhidmatan berdasarkan prestasi kerja yang amat membanggakan.

Beliau juga berkhidmat dalam misi di Timor Leste dan warga TD dan KOD mengucapkan ribuan terima kasih dan selamat maju jaya kepada Brig Jen Dato' Hj Abdul Khalid Hamzah.

Perbarisan penghargaan buat beliau disemarakkan lagi dengan kehadiran ahli keluarga dan rakan akrab dari Skod Intek-35 TJP Pegawai Ordnans. - **Kapt Mohamad Zuwairi Ab Razak, Gambar: Sjn Zulkifli Ahmad**

# Pengerusi BAKAT 5 Bgd Lawat BAKAT 3 RAMD



Oleh: Lt Mohamad Safwan Lokman

Gambar: LKpl Muhammad Hakimi Abdul Hamid

**SABAH:** Pengerusi BAKAT 5 Bgd, Hartiah Hamzah mengadakan Lawatan Ulung ke Rumah BAKAT 3 RAMD pada 1 Jan 2019.

Ketibaan Pengerusi BAKAT 5 Bgd disambut oleh Pengerusi BAKAT 3 RAMD, Noor Azila Zainal Abidin serta barisan Ahli BAKAT 3 RAMD.

Pengerusi BAKAT 5 Bgd kemudiannya dibawa ke Pameran Kraftangan dan Pertandingan Gubahan Sirih Junjung serta Pertandingan Fesyen dari kalangan anak-anak BAKAT 3 RAMD.

Dalam ucapannya beliau menyeru warga BAKAT 3 RAMD untuk menggunakan platform BAKAT sebaiknya dan segala penganjuran aktiviti BAKAT perlu mengutamakan aspek kebajikan.

Lawatan diakhiri dengan penyampaian cenderahati dan menandatangani Buku Lawatan.

## Program Kempen Kesedaran Kanser Serviks

**KEDAH:** Seramai 43 Ahli BAKAT Batalion Ke-5 Rejimen Sempadan menyertai Program Kempen Kesedaran Kanser Serviks bertempat di rumah BAKAT pada 4 Jan 2019.

Majlis julung kali ini telah dianjurkan oleh PPAT Batalion Ke 5 Rejimen Sempadan bertujuan memberi kesedaran akan bahayanya Kanser Serviks dan meningkatkan pengetahuan tentang pentingnya saringan ujian Pap Smear sebagai langkah pencegahan awal dan sempena bulan Kanser Serviks sedunia yang diadakan setiap tahun pada bulan Jan.

Pada masa sama diadakan ceramah bertajuk Kanser Pangkal Rahim disampaikan oleh Kapt Dr Mohd Zakwan Afandi, Pegawai Perubatan Batalion Ke-5 Rejimen Sempadan.

Selain itu, pelbagai aktiviti kesihatan telah dilaksanakan sepanjang program tersebut seperti sesi soal jawab melalui kuiz, ujian pemeriksaan *Pap Smear*,



penyampaian cenderahati dan tontonan video pemeriksaan *Pap Smear*.

Turut hadir Jururawat dari Klinik Kesihatan Laka Temin serta Pengerusi BAKAT Pasukan Nurul Huda Justine Abdullah. - Lt Ismail Ibrahim, Gambar: Pbt Mohamad Amirul Abdullah

## Majlis Doa Selamat BAKAT 8 Bgd

**KELANTAN:** Seramai 50 Ahli BAKAT Briged Kelapan Infantri Malaysia terlibat dalam Majlis Doa Selamat Peringkat BAKAT 8 Bgd pada 11 Jan 2019.

Majlis dimulai dengan Solat Dhuha setibanya Pengerusi

BAKAT 8 Bgd dan diikuti Solat Hajat dan Majlis Bacaan Yasin.

Acara diteruskan dengan ceramah agama oleh Penceramah Bebas dari Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan (MAIK), Wan Suria Wan Mahmood.

Antara intipati utama yang disentuh oleh beliau adalah berkenaan dengan asas keluarga di mana keluarga yang dibentuk perlulah melalui kasih sayang dan persefahaman untuk mendapatkan ikatan cinta yang sebenar, serta penghayatan kepada ketuhanan juga diberi penekanan.

Turut hadir Pengerusi BAKAT 8 Bgd, Hjh Rosilawati Ahmad Tajri dan Pengerusi-pengerusi BAKAT pasukan di bawah naungan 8 Bgd. - Kapt Nor Roslinda Rozali, Gambar: Cwg Risik 8 Bgd



# Majlis Ramah Mesra Pengerusi BAKAT 4 Div



Oleh: Pbt Suhaide Mhd Sabri

**KUALA LUMPUR:** Seramai 30 ahli BAKAT 4 Div menghadiri Majlis Ramah Mesra Bersama Pengerusi BAKAT 4 Div, Datin Hanim Jeraai bertempat di Wisma Perwira 4 Div pada 11 Jan 2019.

Majlis ini diadakan bagi meraikan Pengerusi BAKAT 4 Div, Datin Hanim Jeraai yang telah mengambil tugas pada 10 Nov 2018.

Ketibaan Pengerusi BAKAT 4 Div disambut oleh Pengerusi BAKAT 11 Bgd, Datin Ruzairitasharena Zakaria, Pengerusi BAKAT 12 Bgd, Melorwati Sapari dan Pengerusi BAKAT Gabungan 4 Div, Syarifah Hussain.

Aktiviti dimulakan dengan jamuan berkonsep *potluck* dan seterusnya sesi suaikenal bersama Ahli BAKAT yang hadir.

## Mesyuarat Tahunan BAKAT 1 Div

**SARAWAK:** Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) Markas Divisyen Pertama Infantri Malaysia (1 Div) mengadakan Mesyuarat Tahunan bagi Tahun 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat 1 Div pada 2 Feb 2019.

Mesyuarat ini diadakan bagi membentangkan program-program yang telah diadakan sepanjang tahun 2018 dan membincangkan program-program yang akan diadakan untuk tahun 2019 ini.

Pengerusi BAKAT 1 Div, Datin Shirley Leong Ay Yong telah mempengerusikan mesyuarat tersebut.

Terdahulu ucapan pembukaan mesyuarat telah disempurnakan oleh Panglima 1 Div, Mej Jen Dato' Toh Choon Siang.

Pengerusi Bakat 1 Div juga turut menyampaikan buah limau kepada pengerusi serta pegawai yang terlibat dalam mesyuarat sempena sambutan tahun baru cina yang akan menjelang tidak lama lagi.

Turut Hadir Ketua Staf MK 1 Div, Kol Nadzri Che Lah dan pegawai-pegawai kerja BAKAT formasi dan pasukan.

- Sel PR 1 Div



## Mesyuarat Tahunan BAKAT 4 Div



**KUALA LUMPUR:** BAKAT 4 Divisyen mengadakan Mesyuarat Tahunan bagi Tahun 2019 di Bilik Mesyuarat Markas 4 Div Kem Wardieburn pada 4 Feb 2019.

Mesyuarat ini diadakan bertujuan memaklumkan dan membincangkan Takwim BAKAT ATM dan BAKAT DARAT bagi tahun 2019 yang dipengerusikan oleh Datin Hanim Jeraai selaku Pengerusi BAKAT 4 Div.

Mesyuarat ini merupakan mesyuarat yang pertama sejak beliau menerajui BAKAT 4 Div dan Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin turut meluangkan masa dan menyampaikan sepatah dua kata kepada semua Pengerusi-pengerusi BAKAT yang hadir.

Datin Hanim Jeraai turut menyampaikan cek dari Tabung Kebajikan Angkatan Tentera (TKAT) kepada Pengerusi-pengerusi BAKAT formasi.

Turut hadir, Pengerusi BAKAT 11 Bgd, Datin Ruzairitasharena Zakaria, Pengerusi BAKAT 12 Bgd, Melorwati Sapari, Pengerusi BAKAT Gabungan 4 Div, Syarifah Hussain dan Penasihat BAKAT 4 Div, Kol Asri Shukor. - Kpl Mohd Sadiq Zakaria

# Mesyuarat Kebajikan Pasukan Medium Terbaik Berkongsi Pendapat

Oleh: Sel Risik 6 RAMD

**KEDAH:** Seramai 13 pegawai dan 285 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari Batalion Keenam Rejimen Askar Melayu Diraja terlibat dalam Mesyuarat Kebajikan dan Makan dipengerusikan oleh Pegawai Memerintah, Lt Kol Zaiham Ab Halim bertempat di Dewan Makan Pasukan pada 11 Jan 2019.

Majlis ini dimulakan dengan Majlis Menandatangani Nota Serah Terima Tugas Pegawai Gerak, Ketua Komp Bravo dan Ajutan serta Majlis Pemakaian Pangkat Anggota (LLP).

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah bagi berkongsi pendapat dan mendengar masalah yang dihadapi oleh anggota di samping memastikan tindakan yang telah dibangkitkan semasa mesyuarat kebajikan yang lepas diambil tindakan.

Dalam mesyuarat kali ini juga, beberapa cadangan dan usul baru telah dikemukakan oleh anggota dan telah mendapat perhatian



Pegawai Memerintah demi untuk kebajikan dan kepentingan warga pasukan.

Selain itu, Pegawai Tabung Kebajikan Rejimen (TKR), Kapt Mohd Khairuddin Mohd Anuar turut membentangkan kedudukan kewangan TKR untuk dikongsikan bersama seluruh warga pasukan.

Dalam ucapan ringkas Pegawai Memerintah, beliau berharap supaya semua permasalahan dan usul-usul baru yang dicadangkan dalam mesyuarat ini dapat diambil tindakan segera agar kebajikan anggota terpelihara.

## KATMB Serah Pampasan Insurans

**MELAKA:** Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad (KATMB) telah menyampaikan pampasan Skim Insurans Takaful Berkelompok ATM kepada waris keluarga Allahyarham Sjn Roshidi Ariffin pada 17 Jan 2019.

Allahyarham yang merupakan anggota 73 Woksyop Div telah meninggal dunia pada 1 Nov 2017 yang lalu, disebabkan penyakit Tibi Encephalitis/Kanser Lymphoma.

Cek pampasan berjumlah RM78,000.00 itu disampaikan oleh Pegawai Memerintah 73 Woksyop Divisyen, Lt Kol Mohd Hamdan Adenan kepada isteri Allahyarham Norwahida Waris.

Turut hadir pegawai KATMB Cawangan Melaka, Jasimah Mohd Nor. - Kpl Mohd Zulkefli Zakaria



## Muamalat Bantu Warga 3 Div



**MELAKA:** Seramai 10 pegawai dan 250 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari Markas 3 Div dan Trup Div telah menghadiri Taklimat Pengurusan Kewangan dan Pelaburan ASB-Z pada 17 Jan 2019.

Program anjuran Bank Muamalat Kuala Lumpur dengan kerjasama Markas 3 Div ini, disempurnakan perasmianya oleh Ketua Staf Markas 3 Divi, Kol Marzuki Haji Mokhtar.

Program sehari yang diadakan di Dewan Perwira, Kem Terendak, dimulakan dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Pengurus Bank Muamalat Kuala Lumpur, Tuan Haji Awang Musran.

Taklimat beliau berkisar selok-belok pengurusan kewangan individu serta peluang-peluang pelaburan.

Selain itu, pihak Bank Muamalat turut membuka kaunter pendaftaran dan mempromosikan Skim ASB-Z yang dikhurasukan untuk anggota tentera. - Mej Mohammed Fahmi Ishak, Gambar: Kpl Mohd Hafiz Hamzah

# Program Derma Darah Peringkat 4 Bgd Mek

Oleh: Mej (Dr) Nurul Ain Abdullah  
Gambar: Pbt Muhamad Shahrul Azwan Rokhaizam

**PAHANG:** Seramai 153 pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat serta staf awam dari MK 4 Bgd (Mek) terlibat dengan Program Derma Darah Peringkat 4 Bgd (Mek) dengan kerjasama Tabung Darah Hospital Ampuan Afzan, Kuantan di Dewan Indera, Panching pada 29 Jan 2019.

Program ini dianjurkan bagi memupuk nilai kesedaran dan tanggungjawab terutamanya di kalangan anggota akan kepentingan menderma darah selain dapat membantu menampung kekurangan bekalan darah di hospital.

Selain Program Derma Darah, pameran kesihatan penyakit denggi dan malaria dari Pejabat Kesihatan Daerah Kuantan turut diadakan sebagai salah satu promosi kesihatan, meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai gejala penyakit denggi dan malaria serta cara-cara menangani penyakit tersebut.



## Program Ziarah Kasih Peringkat 4 Div



**KUALA LUMPUR:** Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin dan Pengurus BAKAT 4 Div, Datin Hanim Jeraai mengadakan Program Ziarah Kasih bersempena Hari Ulang Tahun 4 Div Ke-38 pada 13 Feb 2019.

Program ini berkonsepkan ziarah ke rumah anggota warga 4 Div yang cedera serta anggota yang mempunyai anak-anak kelainan upaya di sekitar Kuala Lumpur.

Melalui program ini, beberapa anggota telah diziarahi

antaranya PW II Asiah Hussien, anak kepada PTTK ini mengalami Bilateral CTEV, anak SSjn Mohd Yusri Md Rodzi yang mengalami penyakit *Spastic Quadriplegic Cerebral Palsy Secondary to Non-Accidental Injury With Epilepsy*, anak LKpl Mohd Nor Ashraf Che Musa mengalami *Servere Food Protein Induce Enterolitic Syndrome (FPIES)*, anak Kpl Hazemi Ab Aziz mengalami *E Coli Meningitis with Subdural Effusion* dan anak Kpl Saiful Abdullah Muhammad mengalami tulang belakang membengkak.

Manakala Sjn Mohamad Nazif Salleh mengalami patah ibu jari kanan kesan dari kemalangan, LKpl Romario Sogoh mengalami patah tulang peha, lutut tulang kering dan buku lali belah kanan kesan dari kemalangan serta Kpl Mohd Shahir Sabudin mengalami masalah saraf tulang

belakang.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Nik Amlizan Mohamed, Panglima 12 Bgd, Brig Jen Abd Malik Jiran, pegawai kanan MK 4 Div, Pegawai Memerintah 1 RRD dan Ahli BAKAT. - **LKpl Khatijah Sahbudin**



# HIZBUT TAHRIR MALAYSIA

Ancaman Ekstremisme  
Dan Implikasi Terhadap  
Keselamatan ATM  
Dan Negara

Oleh: Lt Kol Dr Zulkarnain Haron

## FATWA LARANGAN KE ATAS HT DI MALAYSIA

Pengerakan HT di Malaysia telah mula dilihat menjadi ancaman kepada perpaduan umat Islam kerana terdapat beberapa perkara yang menjadi amalan mereka bercanggah dengan pegangan ahli sunnah wal jamaah. Justeru, beberapa negeri telah mengeluarkan fatwa bahawa ajaran dan amalan HT adalah diharamkan kerana ia bercanggah dengan aliran dan pegangan umat Islam mainstream. Berikut adalah negeri-negeri yang telah mengharamkan HT di Malaysia:

- Selangor. Pada 17 Sep 15, Jawatankuasa Fatwa Selangor telah melarang dan mengharamkan mana-mana orang Islam yang telah berbai'ah atau mengamalkan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir kerana ia bercanggah dengan ajaran Islam sebenar.
- Pahang. Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang Bil 1/2009 yang bersidang pada 27

Feb 09 telah membincangkan kedudukan Hizb al-Tahrir di Malaysia dan membuat keputusan bahawa ajaran Hizb al-Tahrir ini tidak sesuai dan haram diamalkan oleh umat Islam di Pahang.

## APAKAH MATLAMAT PERJUANGAN HIZBUT TAHRIR

HT cuba menghidupkan semula zaman Khilafah yang pernah menjadi zaman kegemilangan umat Islam pada suatu ketika dahulu. Naratif HT yang paling utama adalah seruan mengajak umat Islam untuk kembali kepada zaman Khilafah. Namun, sepertimana yang telah banyak diperjelaskan oleh cendikiawan Islam kontemporari, perintah untuk menegakkan sebuah Khilafah Islamiyah itu sebenarnya tidak ada di dalam Al Quran. Sekiranya perintah itu ada di dalam Al Quran, maka sudah tentu mana-mana umat Islam yang tidak berjuang menegakkan



sebuah Khilafah Islamiyah dikira berdosa. Perjuangan menegakkan sebuah Khilafah Islamiyah ini sebenarnya merupakan satu polemik yang tidak berkesudahan dan lebih menjurus kepada satu perjuangan yang utopia.

Dalam konteks perjuangan HT, mereka pergi lebih jauh lagi dengan membuat deklarasi bahawa semua umat Islam kini 'wajib' untuk menegakkan sebuah Khilafah Islamiyah dan sesiapa yang tidak menyertai gerakan mereka di kira terpesong dari ajaran agama Islam. Penegakan sebuah Khilafah Islamiyah acuan HT ini adalah merupakan naratif utama mereka dan lanjutan dari seruan untuk menegakkan sebuah Khilafah ini maka ia berkait pula dengan konsep jihad, hijrah, memerangi dan membunuh kafir harbi dan umat Islam yang telah murtad serta perlaksanaan hukum-hukum syariah dalam pemerintahan. Oleh kerana kesemua perkara ini adalah sinonim dengan umat Islam maka ada segelintir umat Islam yang cintakan agama terkeliru dengan naratif-naratif HT ini. Dalam merealisasikan hasrat tersebut, gerakan ini menggunakan beberapa pendekatan perjuangan.

Antara intipati perjuangan tersebut adalah seperti berikut:

- Penubuhan HT adalah bermatlamatkan untuk menubuhkan sebuah negara Islam trans-nasional merangkumi semua negara Islam di bawah satu Ummah. Dalam erti kata yang mudah HT bercita-cita untuk menegakkan semula sistem Khilafah di atas muka bumi ini. Namun konsep Khilafah yang diperjuangkan adalah sangat kabur kerana tidak jelas bagaimana mereka boleh mencapai matlamat tersebut.
- HT menolak sistem demokrasi, sistem sekular dan ekonomi kapitalis kerana sistem-sistem demikian dikatakan buatan manusia dan tidak Islamik. Ini menjelaskan bahawa pengikut HT memegang aliran Tauhid Hakimiyah iaitu mereka menolak segala bentuk undang-undang buatan manusia serta melabelkan orang yang terlibat dalam proses demokrasi (pilihan raya) sebagai berdosa. Fahaman ekstrem sebegini adalah amat merbahaya kerana ia pernah berlaku di terhadap pengikut kumpulan Jamaah Takfir Wal Hijrah di Mesir yang tidak berhenti di lampu isyarat merah kerana menganggap bahawa mereka tidak perlu patuh kepada undang-undang jalanraya yang dibuat oleh manusia.
- HT menolak mana-mana sistem yang mempunyai elemen bukan Islam. Bagi HT apa sahaja sistem yang dicedok dari Barat dianggap tidak Islamik dan sesiapa sahaja yang mengguna pakai sistem tersebut dikira tidak Islamik. Namun, segala bentuk teknologi dan kemajuan dari Barat tetap mereka gunakan dalam kehidupan seharian.
- Perjuangan HT untuk menegakkan sebuah Khilafah Islamiyah adalah sinonim dengan perjuangan ISIS @ Daesh serta Al Jama'ah Al Islamiah (JI). Kumpulan-kumpulan ini berkongsi matlamat perjuangan yang sama namun apa yang membezakan HT dengan kumpulan lain ialah mereka menggunakan kaedah dakwah untuk menegakkan sebuah Khilafah. Justeru, tidak mustahil penyokong HT boleh menjadi penyokong kepada Daesh atau JI.
- Perjuangan HT bersifat supra-nasional (pergerakan secara internasional) dan mereka menolak untuk bergabung atau menyertai mana-mana parti politik di sesebuah negara. Disini timbul persoalan yang amat penting iaitu, bagaimanakah HT mengatakan mereka adalah sebuah parti politik (dalam bahasa Arab Hizbut Tahrir bermaksud Parti Pembebasan) jika mereka tidak didaftarkan sebagai sebuah parti politik untuk

## KEAGAMAAN/KEROHANIAN

memperjuangkan agenda Islamik mereka. Ini menjelaskan kecelaruan HT dalam melaksanakan agenda mereka terutamanya tentang kaedah untuk mereka mendapat kuasa dalam ruang lingkup politik sesebuah negara.

- HT juga menolak sistem pilihan raya kerana dikatakan ia adalah salah satu praktik demokrasi. Seperti yang telah diterangkan, HT menolak apa jua sistem dari barat seperti demokrasi, nasionalisme dan sekularisme malah lebih buruk lagi mereka melabelkan orang-orang yang terlibat dengan sistem demokrasi dikira telah menjadi berdosa. Kecenderungan pengikut HT untuk menegakkan sebuah Khilafah dan menolak sebarang bentuk praktik demokrasi seperti pilihanraya menunjukkan ciri-ciri budaya takfiri sepetimana kumpulan Daesh dan juga JI.

Dalam mencapai hasrat atau objektif mereka, HT telah merangka tiga fasa secara berperingkat seperti berikut:



Hierarki Fasa Gerakan HT

Rajah di atas menjelaskan bahawa Fasa I adalah proses penyebaran ideologi dan mempengaruhi orang ramai. Ia juga melibatkan proses mengenal pasti individu dan golongan terutamanya yang berpengaruh dan mempunyai kuasa (authority) untuk diindoktrinasikan dengan ideologi HT. Fasa II pula adalah mendekatkan diri dan bermesra dengan orang ramai melalui aktiviti serta program yang dirancang. Ia juga bertujuan untuk mendapatkan keyakinan dan tahap sokongan daripada individu dan golongan yang telah dikenal pasti. Fasa III dengan jelas adalah proses mengambil alih kuasa atau pemerintahan dengan mendirikan sebuah Khilafah.

Strategi-strategi tersebut adalah visi dan objektif kepada HT untuk mewujudkan sebuah institusi merangkumi aspek ketenteraan, pentadbiran dan kerajaan sendiri. Sekiranya HT mentadbir, aspek sosio-ekonomi, sektor awam dan swasta turut akan mengikuti panduan Undang-Undang Syariah yang ditetapkan. Namun begitu, berdasarkan fasa-fasa dalam menegakkan sebuah Khilafah Islamiyah yang mereka impikan, HT tidak menunjukkan dengan jelas bagaimakah kaedah atau manhaj mereka untuk mendapatkan kuasa. Kekaburan ini menjelaskan bahawa perjuangan HT adalah satu perjuangan yang utopia.

bagaimana sebuah Khilafah Islamiyah (negara atau daulah) itu akan tertegak. Kaedah dakwah yang mereka

sarankan juga adalah kabur dan apa yang menakutkan adalah jika ada segelintir pengikut mereka yang tidak sabar dengan manhaj HT sekarang, mereka dikhawatir akan melibatkan diri dengan aktiviti 'berjihad' demi untuk mendapatkan kuasa ataupun menyertai kumpulan ISIS @ Daesh yang dilihat sedang memperjuangkan penegakkan sebuah Khilafah Islamiyah.

Mengikut HT, ketika ini belum ada lagi sebuah negara Islam (Dar al-Islam) yang sebenar dibentuk melainkan negara Islam yang masih menerima pengaruh barat yang menyebarkan sistem demokrasi, sekular dan kapitalisme serta pemikiran liberalisme. Negara-negara demikian digelar sebagai Dar al-Harb dan menjadi kewajipan kepada umat Islam untuk mengubahnya. HT juga menggelar semua negara barat sebagai Dar al-Kufr dan Dar al-Harb.

Gerakan HT tidak menolak aspek teknologi kerana mereka melihat bahawa kemajuan teknologi adalah penting kepada HT dalam mengembangkan pengaruhnya. Walau bagaimanapun, HT menolak tamadun barat kerana dianggap menyimpang daripada kehidupan masyarakat Islam dan harus diganti dengan kehidupan sebenar Ummah. Disini jelas menunjukkan sikap pengikut HT yang 'hipokrit' kerana dalam hal-hal tertentu mereka mengambil kemajuan dan teknologi dari Barat atau orang bukan Islam tetapi dalam masa yang sama mereka melabelkan Barat sebagai kafir harbi dan tidak Islamik.

Meskipun HT tidak menggunakan kekerasan dan keganasan ketika ini, HT masih mementingkan gesaan berjihad sebagai jalan terakhir untuk mencapai matlamat. Mereka juga bermatlamat untuk menjatuhkan kerajaan sedia ada yang dianggap sekular melalui ketenteraan. Justeru, dapat disimpulkan bahawa HT bersedia untuk menggunakan kaedah kekerasan sekiranya matlamat perjuangan mereka tidak tercapai melalui kaedah dakwah sepetimana yang mereka gembur-gemburkan. Berdasarkan analisa ini, HT boleh dilihat memberikan ancaman kepada sebuah negara kerana mereka bersedia untuk menggunakan kekerasan sekiranya matlamat perjuangan melalui kaedah dakwah mereka tidak tercapai.

## HIZBUT TAHRIR MALAYSIA (HTM)

Gerakan HT mula bertapak di Malaysia pada tahun 2001. Pada tahun 2009, pengikut mereka telah membuka "Khilafah Centre" di Bandar Baru Bangi, Selangor.

Penubuhan ini adalah untuk menjadikan sebuah pusat dakwah fahagunakan oleh Ustaz Abdul Hakim Othman. Mala



Ustaz Abdul Hakim Othman

"Khilafah Centre" bermatlamat untuk dikannya sebagai pembangunan man Islam yang di HT di Malaysia. kini, gerakan HT (HTM) diang- mimpinnya, Ustaz Othman, dan tiga lagi aktivis HT iaitu Sopian Jahir (dikenali sebagai Umar Hussein), Wan Hisham Wan Salleh dan Hishamuddin Ibrahim. Ia mendapat sokongan segelintir umat Islam yang bercita-cita untuk menegakkan sebuah Khilafah.

Perjuangan HT dikesan telah memasuki tahap kedua iaitu berinteraksi secara terbuka dengan umat Islam. Ini dapat dilihat melalui aktiviti mereka menyebar risalah "Sutan Nahdhah" di masjid-masjid seperti di Kedah, Selangor dan Kuala Lumpur. HTM juga telah meresap dan berkembang di IPTA dan IPTS khususnya sekitar Lembah Klang dan Johor. Sasaran mereka adalah pensyarah di pusat

pengajian tinggi kerana dapat memperluaskan pengaruh melalui dewan kuliah dan program-program yang dianjurkan.

Selain itu, HTM ini turut dilihat cuba megembangkan pengaruh mereka di kalangan anggota tentera. Melalui beberapa case study dalam ATM sudah ada cubaan HT untuk meresapi organisasi ini. Mereka menyasarkan golongan yang dilihat cenderung kepada agama, berminat dengan utopia Khilafah Islamiyah serta kemaslahatan umat Islam, golongan yang kecewa dengan sistem politik di Malaysia dan golongan yang prihatin dengan nasib umat Islam di Palestin, Syria, Iraq, Mesir dan Afghanistan.

Golongan sebegini adalah 'vulnerable' dan mudah dipengaruhi dengan naratif-naratif HT untuk menegakkan sebuah Khilafah Islamiyah.

HTM turut mensasarkan warga ATM terutamanya golongan pegawai kerana mereka melihat sokongan ATM adalah perlu dan merupakan platform terbaik untuk menjayakan pengambilalihan kuasa pemerintahan negara tanpa melalui proses pilihan raya (rampasan kuasa). HTM mengambil contoh bagaimana rampasan kuasa oleh pihak tentera di beberapa buah negara berupaya menggulingkan kerajaan sedia ada dan mereka berharap dengan mempengaruhi warga ATM ia juga boleh dilakukan di Malaysia pada satu hari nanti. Senario sebegini pernah berlaku di Pakistan pada tahun 2012.

Penangkapan seorang pegawai tentera Pakistan berpangkat Brigadier Jeneral dan empat orang pegawai berpangkat Mejah yang cuba melancarkan rampasan kuasa pada tahun 2012 membuktikan HT telah mempergunakan pengikut mereka di kalangan warga tentera untuk merampas kuasa. Kesemua pegawai ini adalah pengikut Hizbut Tahrir di Pakistan dan mempunyai hubungan dengan pengikut HT di United Kingdom.

Dalam konteks Malaysia, HTM juga mensasarkan warga ATM. Pada 21 Sep 12, ketika perhatian umum tertumpu kepada perhimpunan aman anjuran Pemuda UMNO dan Pemuda PAS bagi membantah filem Innocence Of Muslims di perkarangan Masjid Kampung Baru dan Kedutaan Amerika Syarikat (AS), Hizbut Tahrir Malaysia (HTM) telah mencuri perhatian masyarakat umum.

HTM telah mengadakan perhimpunan pada hari yang sama bagi membantah isu tersebut tetapi sasarannya bukanlah kepada Kedutaan AS tetapi kepada ATM di Masjid Khalid Al-Walid. Dalam perhimpunan ini, lebih kurang 300 ahli HTM yang diketuai oleh Abdul Hakim Othman telah menyatakan bahawa tentera wajib bertindak dalam isu ini kerana ATM mempunyai kekuatan tersendiri bagi mempertahankan kemuliaan Nabi Muhammad S.A.W.

Pada November 2015 pula, lebih 100 pengikut HTM telah mengadakan demonstrasi aman berhampiran KLCC



Perhimpunan HTM di depan KEMENTERAH pada 21 Sep 12

bagi membantah kehadiran Presiden AS, Barrack Obama ke negara ini. Demonstrasi sebegini sebenarnya tidak menjelaskan matlamat sebenar perjuangan HTM sama ada untuk mempertahankan umat Islam atau sebenarnya untuk mencari 'mileage' diatas sesuatu isu demi kelangsungan kumpulan mereka.

HTM telah disyiharkan sebagai Kumpulan haram oleh



Demonstrasi HTM di KLCC membantah Kehadiran Barrack Obama ke Malaysia

ketiga-tiga perkhidmatan dalam ATM. Pengisytiharan ini dilakukan kerana ATM mendapati bahawa elemen-elemen HTM sudah cuba meresapi segelintir warga tentera dan sekiranya perkara ini tidak dibendung, ia akan menjaskan keselamatan ATM khususnya dan negara amnya. Antara analisa dan penilaian yang dibuat berhubung dengan ancaman gerakan HTM adalah seperti berikut:

- Walau pun HT adalah sebuah gerakan revolusi yang menitikberatkan perjuangan mengembalikan semula kehidupan Islam kepada sistem melalui Khilafah Islamiyah tanpa menggunakan kekerasan tetapi ia berpotensi untuk menjadi sebuah gerakan yang ekstrem. Visi dan misi gerakan HT sememangnya tidak menyokong tindakan-tindakan keganasan sepertimana yang telah dipamerkan oleh Al Qaeda dan ISIS @ Daesh, namun mereka berkongsi matlamat politik yang sama iaitu bercita-cita untuk menubuhkan sebuah Khilafah Islamiyah. Ahli-ahli HT menganggap gerakan ini menggunakan pendekatan yang berbeza dalam mencapai matlamat politik namun

## KEAGAMAAN/KEROHANIAN

melalui kajian dan case study, kaedah politik mereka untuk mendapat kuasa adalah sangat kabur.

Sebenarnya, penolakan HT terhadap tindakan keganasan dilihat untuk mengelak gerakan tersebut daripada dipantau atau diekori oleh pihak berkuasa sepetimana yang telah berlaku di Mesir, Libya, Pakistan dan Bangladesh. Persamaan matlamat akhir dengan ISIS @ Daesh dan Al Jamaah Al Islamiyah (JI) memberi indikasi bahawa HT juga mampu memberi ancaman kepada kestabilan dan keselamatan sesebuah negara.

- Gagasan politik HT adalah sinonim dengan gagasan politik ISIS @ Daesh. Apa yang membezakan mereka adalah manhaj atau kaedah untuk menegakkan sebuah Khilafah Islamiyah tersebut. ISIS @ Daesh memilih jalan jihad sedangkan HT memilih jalan dakwah. Namun begitu, manhaj atau kaedah HT ini agak kabur kerana tidak jelas bagaimana mereka boleh mencapai matlamat perjuangan dalam waktu yang terdekat. Justeru, amat dikhawatiri bahawa sekiranya ada pengikut mereka yang tidak sabar untuk melihat sebuah Khilafah Islamiyah tertegak maka mereka akan memilih jalan kekerasan atau radikalisme. Lebih buruk lagi mungkin ada yang akan menyertai kumpulan ISIS @ Daesh kerana mereka melihat bahawa sudah ada kumpulan yang sedang memperjuangkan penegakkan sebuah Khilafah Islamiyah. Justeru, pengikut HT juga berpotensi besar untuk menjadi pengikut atau sekurang-kurangnya menjadi penyokong ISIS @ Daesh.

- Sepetimana yang telah diperjelaskan sebelum ini, HT kini berada di Fasa II dan sedang menuju ke Fasa III iaitu mengambil alih kuasa atau pemerintahan. Bagi mengekalkan momentum fasa-fasa ini, HT dijangka akan menggunakan pendekatan doktrinasi dalam kumpulan-kumpulan kecil yang berselindung disebalik istilah Arab seperti 'usrah', 'taklim', 'multaqa' dan 'ijtima' dengan menggunakan individu atau golongan yang berpengaruh di dalam gerakannya. Pegawai-pegawai tentera, ahli politik, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan lain-lain individu yang berpengaruh yang dikenalpasti dari Fasa I lagi akan digerakkan untuk mencapai matlamat HT. Insiden cubaan merampas kuasa melibatkan lima pegawai tentera Pakistan yang menjadi pengikut HT pada tahun 2012 membuktikan bahawa HT amat kreatif dalam melaksanakan aagenda mereka.

- Selain dari insiden di Pakistan, HT telah terbukti cuba mempengaruhi anggota warga tentera ke dalam mereka. Gerakan HT ini pernah merancang coup d'état di Asia Timur di sekitar 1960-an dan 1970-an dengan cara mempengaruhi pegawai-pegawai kanan tentera. Walau bagaimanapun, cubaan itu tidak berjaya. Pada masa kini, HT dipercayai mensasarkan Pakistan sebagai sasaran utamanya kerana negara itu adalah sebuah negara Islam

dan mempunyai kuasa nuklear. Selain itu, Indonesia juga dijadikan sasaran berikutan populasi tinggi penduduk yang beragama Islam dan wujudnya beberapa kumpulan ekstremis yang memperjuangkan visi sebuah Khilafah Islamiyah.

- HT turut menyokong tindakan Saddam Hussein menyerang Kuwait pada tahun 1990. Sokongan adalah disebabkan tindakan Saddam yang dilihat sebagai usaha



untuk menyatukan tanah air kepunyaan umat Islam. Pada ketika itu, pengikut HT telah menyeru umat Islam lain untuk turut menyertai tindakan Saddam yang dianggap sebagai tindakan jihad. Malah, ada di antara pengikut HT juga telah menggesa Saddam untuk melantik dirinya sebagai Khalifah. Insiden ini jelas menunjukkan bahawa pendirian HT adalah tidak konsisten dan gerakan ini dilihat sebagai opportunist kerana berniat untuk mengambil kesempatan terhadap situasi dan konflik dalam sesebuah negara yang sedang bergolak. Justeru, pegawai-pegawai tinggi ATM sememangnya akan menjadi sasaran 'dakwah' HT untuk menerapkan ideologi penegakan sebuah Khilafah Islamiyah dan perkara ini perlu dipantau oleh pihak ATM agar tiada unsur-unsur atau elemen HT yang menular dalam organisasi ini.

- Objektif jangka panjang HT dapat diperjelaskan berdasarkan kepada kejadian-kejadian yang dikaitkan dengan HT. Gerakan ini dilihat agak pasif dalam menonjolkan aktivitinya pada ketika ini disebabkan oleh tindakan-tindakan keganasan yang dilakukan oleh ISIS @ Daesh. Gerakan ini mungkin tidak mahu usaha mereka diganggu oleh pihak keselamatan disebabkan persamaan matlamat HT dengan ISIS @ Daesh. Jelasnya, modus operandi HT adalah sama berikutan mereka berpegang kepada pendekatan yang diguna pakai secara global. Ini termasuk mensasarkan pengaruh angkatan tentera dan pegawai-pegawai kanan sesebuah kerajaan. Sekiranya mereka berjaya melangkah ke Fasa III, maka tindakan rampas kuasa atau menjatuhkan kerajaan melalui tentera dan pegawai kanan kerajaan akan dilakukan bagi menuju Khilafah Islamiyah.

- Gerakan HT berpotensi menjadi lebih agresif dan radikal pada masa akan datang sekiranya tidak berjaya mencapai matlamat politik melalui kaedah-kaedah yang sedia ada iaitu secara dakwah, memprotes dan demonstrasi jalanan. Sepertimana gerakan politik radikal seperti Darul Islam di Indonesia yang telah melahirkan kumpulan Al Jamaah A Islamiyah (JI) di Indonesia di tahun 90'an, gerakan HT juga berupaya mewujudkan minoriti berideologi radikal dan menggunakan kekerasan serta keganasan sebagai



penyelesaian terakhir untuk mencapai objektif politik.

- Di Malaysia pula, gerakan HT kini telah diharamkan di beberapa negeri termasuk Pahang dan Selangor. Antara punca pengharamannya adalah disebabkan oleh intipati doktrin yang disampaikan oleh pemimpin HT dilihat menyimpang dari ajaran Islam dan tafsiran sebenar Al-Quran dan Hadis. Tindakan mengharamkan gerakan ini mampu mendorong mereka melaksanakan keganasan dalam negara kerana dianggap menghalang mereka daripada mencapai Khilafah Islamiyah.
- Penyertaan golongan belia tempatan dengan aktiviti HT adalah membimbangkan kerana tindakan ini boleh mendorong mereka bertindak lebih agresif dan ekstrem dalam menentang dasar-dasar kerajaan sedia ada. Ketika ini gerakan HTM mensasarkan golongan pelajar dan pensyarah institusi pengajian tinggi kerana menyedari bahawa golongan sebegini amat penting untuk mengembangkan doktrin 'Khilafah' mereka.
- Gerakan HT juga dikesan menyebarkan sentimen anti-Barat yang mana sekiranya situasi ini berlarutan dalam negara, ia boleh membawa kepada ancaman terhadap keselamatan rakyat asing (khususnya dari Eropah) dan kepentingan mereka. Insiden pembunuhan orang Islam di New Zealand baru-baru ini juga turut menjadi pemangkin kepada gerakan ini untuk menyebarkan sentimen kebencian terhadap warga dan kepentingan Barat di Malaysia. Situasi begini berupaya mencemarkan imej negara dan memberi kesan buruk kepada persepsi pelabur-pelabur

barat yang boleh mejejasan aspek ekonomi negara. Di samping itu, konsep Islam sebagai agama rahmatan lil al-lamin yang menjadi gagasan kerajaan ketika ini juga akan turut terjejas kerana ada segelintir warga yang memberi imej buruk tentang Islam kepada dunia luar.

## PENUTUP

Setakat ini, gerakan HT di Malaysia adalah bersifat sederhana dan terkawal disebabkan mereka masih dalam proses mengembangkan jaringan dan keahlian. Dalam konteks luar negara, sebahagian negara telah mempertingkatkan kawalan dan pemantauan terhadap gerakan ini yang dipercayai sudahpun beroperasi menggunakan pendekatan yang lebih agresif iaitu menggunakan kekerasan.

Meskipun ia terkawal, namun potensi untuk ke arah tindakan keganasan adalah tidak mustahil sekiranya pengikut HT terdorong untuk menggunakan strategi ini yang dilihat mampu menarik tumpuan antarabangsa melalui media massa dengan tujuan propaganda. Dengan mengambil kira situasi keselamatan masa kini, gerakan HT boleh meniru tindakan

penganas seperti rangkaian ISIS @ Daesh dan Al-Qaeda untuk mencapai matlamat politik mereka.

Pada ketika ini, gerakan HT dipercayai mempunyai jumlah pengikut dan sympathiser yang ramai dari pelbagai latar belakang. Ini termasuk penglibatan penuntut universiti, pensyarah, kakitangan kerajaan, swasta, tokoh agama, pensioner dan segelintir warga tentera yang telah dipengaruhi bagi mencapai objektif jangka panjang HT. Gerakan ini juga dipercayai mempunyai strategi tersendiri dari aspek pengurusan kewangan dan penyebaran ideologi yang dilihat penting untuk kelangsungan masa depan HT.

Justeru, sebarang tindakan drastik oleh pihak kerajaan tanpa meneliti sepenuhnya ancaman jangka panjang HT mampu mengundang permasalahan yang lebih serius. Tindakan menghapuskan HT dan ancamannya harus dilakukan secara berperingkat.

Setiap organisasi harus bertanggungjawab dalam mengenalpasti kakitangan mereka yang terlibat dan melibatkan mereka dengan program kesedaran agama. Selain itu, aktiviti penyebaran ideologi juga perlu disekat dengan lebih komprehensif.

Dengan memahami objektif jangka panjang gerakan HT ini, modus operandi mereka untuk menggulingkan kerajaan dengan menggunakan tentera dan pegawai tinggi kerajaan dipercayai akan dapat dihalang. Dari aspek perundungan pula, gerakan ini perlu dikaitkan dengan mana-mana undang-undang pencegahan supaya penglibatan individu atau golongan yang berpengaruh dapat dihalang dari peringkat awal bagi tujuan pencegahan dan dilaksanakan secara berterusan dan komprehensif.

# Karnival Sukan Staf MK 3 Div

Oleh: Mej Mohammed Fahmi Ishak  
Gambar: Pbt Noratirah Abu Seman

**MELAKA:** Karnival Sukan Staf Markas 3 Divisyen akhirnya melabuhkan tirai pertandingan pada 4 Jan 2019.

Karnival yang mempertandingkan sukan futsal dan Bola Tampar ini, merupakan aktiviti penutup staf Markas 3 Div bagi tahun 2018.

Sebanyak enam pasukan yang merupakan gabungan-gabungan cawangan dan sel di dalam Markas telah mengorak langkah mengejar gelaran kejuaraan sejak pertandingan bermula pada 10 Dis 2018 yang lalu.

Dalam pertandingan akhir yang diadakan pada 4 Jan 2019 itu, sukan Futsal menyaksikan pertarungan di antara Cawangan Gerak menentang Kem 3 Div.

Sementara itu di gelanggang Bola Tampar pula menampilkan aksi sengit di antara Cawangan Gerak dan Cawangan Risik.

Karnival sukan ini kemudiannya ditutup dengan acara makan malam pada sebelah malamnya, Cawangan Gerak



ditabalkan sebagai Juara Keseluruhan apabila berjaya merangkul Johan Futsal dan Naib Johan Bola Tampar.

Ketua Staf Markas 3 Div, Kol Marzuki Hj Mokhtar, dalam ucapan penuhnya menyatakan penghargaan di atas segala komitmen dan kerjasama semua staf bagi menjayakan karnival ini sehingga ke penghujung acara.

Karnival ini dirancang untuk dijadikan sebagai aktiviti tahunan bagi tahun 2019.

## Bola Sepak Diantara Wisma MK PMBTD



**KUALA LUMPUR:** Perlawanan bola sepak antara Wisma Perwira MK PMBTD dan Wisma Bintara Gabungan MK PMBTD telah diadakan di Padang Bola Sepak 71 RSD pada 9 Jan 2019.

Perlawanan dianjurkan oleh Wisma Perwira MK PMBTD bertujuan untuk merapatkan ukhuwah antara pegawai dan anggota MK PMBTD dan memupuk semangat kesukuan dalam kalangan Ahli Wisma.

Perlawanan tersebut telah disaksikan oleh Ketua Staf Am MK PMBTD, Brig Jen Dato' Hassan Loman dan turut hadir Ketua-ketua Cawangan, pegawai dan anggota MK PMBTD. - Kpl Nor Azlina Azmi

## Bola Sepak Antara Wisma

**KUALA LUMPUR:** Satu Perlawanan Bola Sepak di antara Wisma Perwira 4 Divisyen dan Wisma Perwira 1 RRD telah diadakan bertempat di Padang Bola 1 RRD pada 11 Feb 2019.

Perlawanan yang dianjurkan oleh Wisma Perwira 1 RRD ini bersempena dengan Lawatan Ulung Panglima 4 Div ke 1 RRD di samping untuk melaksanakan hasrat Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin yang mahukan warganya sentiasa mengekalkan fizikal yang sihat dengan bersukan.

Perlawanan yang berlangsung selama 90 minit itu terdiri daripada pegawai kanan MK 4 Div dan Ahli Wisma Perwira 4 Div menentang Pegawai 1 RRD dengan kemenangan berpihak kepada Wisma Perwira 1 RRD dengan jaringan 3 - 1. - Kpl Mohd Sadiq Zakaria





CAWANGAN PERISIKAN  
MK TD

INGAT SEBELUM PARAH  
MEMBAWA PADAH

JUDI



DIPENJARAKAN



DIBERHENTIKAN DARI PERKHIDMATAN



PINJAMAN-AHLONG, BANK



TERGADAI - RUMAH, TANAH, KERETA



MENCURI, MENIPU



KELUARGA SENGSARA



ISSN 1511-0508

9 771511 050068